

Bil 220

Wadah Terkini Tentera Darat

PERCUMA

CBTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



**TENTERA DARAT DAN RAKYAT
SEDIA SEBILANG MASA**

KEDAULATAN NEGARA ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin
Ketua Pengarang



Alhamsdillah, bersyukur kepada Yang Maha Kuasa di atas keredhaan-Nya BTDM Edisi 220 dapat diterbitkan untuk terus dikongsi sebagai wadah memaparkan aktiviti Tentera Darat (TD) kepada para pembaca. Mengangkat kesyukuran juga di atas inayah-Nya, kita sama-sama diberi kesihatan yang baik untuk terus menabur keringat dan bakti kepada negara agar kedaulatan yang telah dikecapi akan terus kekal terpelihara.

Sidang pembaca sekalian, umum mengetahui tahun ini TD telah mengapai usianya yang ke-87. Seiring dengan usianya, permodenan serta halatuju organisasi ini dilihat semakin matang dan layak dibanggakan oleh TD serta seluruh warganya. Kepercayaan rakyat kepada pasukan benteng pertahanan daratan negara ini juga dilihat semakin tinggi sekaligus meletakkan TD sebagai angkatan yang relevan dan kredibel.

Lanjutan daripada itu, julung kalinya sambutan Hari Tentera Darat Ke-87 (HTD Ke-87) telah dilaksanakan di negeri dibawah bayu dan sambutannya telah dilancarkan pada 19 Jan 20 di Tawau, Sabah. Pelancaran itu, turut melakar sejarah tersendiri apabila salah satu acara utama telah dirasmikan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi iaitu pelepasan Konvoi Kenderaan Kumpulan Tempur. Konvoi ini melewati seluruh bandar-bandar utama negeri Sabah dengan mensajikan pelbagai aktiviti pameran dan persembahan yang menarik serta perkhidmatan kesihatan percuma kepada para pengunjung yang hadir. Tidak kurang daripada itu, disepanjang laluan konvoi tersebut turut dilaksanakan Projek Jiwa Murni di kawasan terpilih dengan memberikan bantuan baik pulih kediaman serta pembersihan kawasan, bersama-sama dengan penduduk tempatan. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa TD sentiasa mengutamakan rakyat dan balasan yang diharap bukanlah pujian, sebaliknya apa yang dituntut adalah kerjasama serta penglibatan rakyat bersama-sama TD dalam memelihara kedaulatan negara. Justeru, hasrat ini adalah sejarah dengan tema Sambutan HTD Ke-87 iaitu "**Tentera Darat dan Rakyat Sedia Sebilang Masa**". Namun begitu, kepada rakyat usahlah khawatir, apa yang angkatan ini perlukan bukanlah untuk menggembeling tenaga atau harta benda, tetapi cukup sekadar membantu dalam menyalurkan



maklumat khususnya buat masyarakat yang menetap di kawasan persempadan. Maklumat diperlukan untuk memudahkan pasukan keselamatan negara merancang bagi mencegah sebarang pencerobohan fizikal di sempadan negara. Usahasama ini mampu meningkatkan sistem pertahanan negara agar lebih efisyen dalam mencapai objektifnya.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi tinggi ucapan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penganjuran acara kemuncak Sambutan HTD Ke-87 di Stadium Likas, Kota Kinabalu pada tanggal 29 Feb 20. Tidak dilupakan juga kepada warga Sabah yang turut hadir memeriahkan sambutan tersebut kerana kehadiran mereka telah memberikan sebuah pengertian yang besar maknanya kepada warga TD.

Pembaca yang dikasih sekalian, baru-baru ini dunia telah diuji dengan penularan wabak pandemik yang boleh membawa maut iaitu *Coronavirus* atau COVID-19. Penularan virus ini dilihat begitu cepat dan meluas hingga kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung wabak ini dari terus tersebar. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut diaiturgerak untuk membantu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam penguatkuasaan PKP agar ianya dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen. Sejurnya, amat difahami bahawa keadaan ini telah menjelaskan rakyat dari segi normal kehidupan. Namun, suka saya ingatkan jika wabak ini tidak dihentikan, impaknya lebih buruk dan mendatangkan kerugian yang lebih besar. Justeru, saya merayu, hormati dan hargailah pasukan barisan hadapan serta patuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan. **Stay at home! Stay healthy and protect yourself!** Penularan ini hanya akan dapat dihentikan dengan disiplin yang tinggi serta tanggungjawab setiap individu terhadap pematuhan arahan yang telah dikeluarkan. Marilah bersama-sama berganding bahu untuk menghentikan penularan COVID-19.

Kepada pasukan barisan hadapan, cekalkan hati dan semangat untuk meneruskan perjuangan menghadapi situasi yang mencabar ini. Terima kasih kerana sedia mempertaruhkan nyawa demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Pengorbanan yang telah saudara-saudari berikan, hanya Tuhan yang mampu membalaunya.

HARI TD KE-87

Pelancaran HTD Ke-87 Gamit Penduduk Tawau

Ribuan pengunjung warga Tawau hadir dalam Majlis Pelancaran Konvoi Kumpulan Tempur Tentara Darat Sempena Sambutan Hari Tentara Darat (HTD) Ke-87 yang disempurnakan Panglima Tentara Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Padang Majlis Perbandaran Tawau.

4



Edisi 220
Isi Kandungan

Paparan Menarik

10 | Konvoi Kumpulan Tempur TD Pamer Ketumbukan TD

Konvoi ini melibatkan sebanyak 29 buah kenderaan tempur pelbagai jenis antaranya AV8 Gempita, Lipan Bara, Kenderaan Tempur Pembawa Senjata (KPS), Kenderaan Pembawa Meriam (KPM) berserta Meriam 85 milimeter, Command Rover dan motosikal lasak.

87 Tahun TD Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa



Bulanan

- 26 | BERSAMA PEMIMPIN
- 68 | MK PMT TD
- 72 | MK PMB TD
- 74 | MK PLDTD
- 78 | MK 1 DIV
- 82 | MK 2 DIV
- 86 | MK 3 DIV
- 90 | MK 4 DIV
- 94 | MK 5 DIV
- 98 | TRUP TD
- 108 | TENTERA BERSAMA RAKYAT
- 110 | BAKAT
- 114 | KEAGAMAAN/KEROHANIAN

www.btdm.my



Mej (B) Dato' Salehuddin PGB Ketua Operasi Teliti 2

"Operasi ini dilancarkan berikutan kejayaan pihak Cawangan Khas Sarawak dibawah pimpinan Deputi Superintendant Polis, Yuen Yet Leng berusaha dengan gigih sejak tahun 1971 menyusupi organisasi dan rangkaian perhubungan Pasukan Militan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU/NKCP)"

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Jen Tan Sri' Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi

KETUA PENGARANG

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin

EDITOR

Mej Aminin Hafizhin Minhad

WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli, Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Kpl Ainur Aisyah Yahaya,

SUSUN ATUR DAN GRAFIK

SSjn Nor Rizam Hamad dan Saifun Hakimi Zainon

KORESPONDEN

TRUP TD

Kapt Sirichai Manichorte, Kapt Mohamad Haziq Mohd, Lt Azfar Asyrafie Ahmad, SSjn Ahmad Norizam Jaafar, SSjn Md Noor Sabar, LKpl Muhammad Razif Anzeli

MK PMBTD

Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Fikry Nordin dan Kpl Norirawati Abdul Wahab

MK PMTTD

Mej Muhammad Muzhafar Salji, Sjn Mohd Khairil Anuar Zahli

MK PLDTD

Mej NorShafiza Zakaria, Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Kapt Syed Abdul Muiz Sed Manshor, Lt Nur Shahida Ahmad

1 DIV

Kapt Siti Rabia Aldawia, Kapt Syaiful Shahidan, , Lt Muhammad Khawarizmi Abdul Shukor, Lt Muhammad Safwan Md Yusof, Lt Azlan Azmi, Sjn Donny Mike Andy, Kpl Muhammad Shukri Anuar, Pbt Nazirul Abdullah

2 DIV

Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Mej Azrol Mansor, Kapt Muhd Farith Ibrahim, Lt Abdul Hadi Abdul Halim, Sjn Mohd Rashidi Ab.Ghani, Kpl Md Shukor Md Soleh, LKpl Mohamad Nasrol Mokhtar, Pbt Mohamad Sufri Suleiman

3 DIVISYEN

Mej Mohamed Fahmi Ishak, Lt Aizul Fahmi Jamaluddin, SSjn Muhammad Haffizz Hamid, SSjn Azwan Pairus, Sjn Muhamad Suhaimy Jimmy, Kpl Mohd Hafiz Hamzah, LKpl Noor Atirah Abu Seman

4 DIVISYEN

Mej Wan Ismail Wan Abdullah, Mej Norhelmi Mohd Zaki, Kapt Mohd Yusof Mohd Noh, Sjn Che Azham Che Raman, Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Kpl Norsalina Johari, Kpl Siti Zubaidah Ramelan, Kpl Mohd Nazrul Adnan, LKpl Khatijah Sahbudin, Pbt Abu Huzaifah Sabaruddin

5 DIVISYEN

Mej Aisyah Ismail, Kapt Muhammad Yasin Mohd Sazali, Lt Chang Wee Loong, Kpl Naim Ahmad

Mari ikuti kami di Laman rasmi kami...



WWW.
btdm.my



46

OP PENAWAR



Orang ramai diminta supaya duduk di rumah dan hanya boleh keluar dari rumah sekiranya ada perkara penting untuk diuruskan.



64

LATIHAN

Hayati Sumpah Perajurit - PTD

Tidak ramai orang awam sedia menghadapi cabaran serta mengabdikan diri demi menjaga dan mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama.

114 | Berikhtiarlah Dalam Mengkalkan Kesihatan Diri

Islam menganjurkan agar umatnya menjalani kehidupan yang baik melalui pengamalan, gaya hidup sihat seperti bersukan, beriadah, mengambil makanan yang berkhasiat dan seimbang serta penjagaan kebersihan diri dan persekitaran.

BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan kritikan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu ada nama penuh dan di tandatangani. Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:

**Pengarang BTDM, Tingkat 8-11,
Markas Tentera Darat,
Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR
atau**

**e-mail: www.btdm.my / Faks: 03-26923195
Tel: 03-20716290/0320713667**



PELANCARAN HTD KE-87 GAMIT PENDUDUK TAWAU

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: SSjn Vijay Gaundar dan
Sjn Saiful Fazley

SABAH: Ribuan pengunjung warga Tawau hadir dalam Majlis Pelancaran Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat Sempena Sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 yang disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Padang Majlis Perbandaran Tawau pada 19 Jan 2020.

Sejurus ketibaan PTD, satu pertunjukan penerjunan oleh sepuluh penerjun bebas dari Grup Gerak Khas yang membuat penerjunan dalam dua sesi iaitu sesi pertama terdiri dari empat orang penerjun yang ditugaskan sebagai pengiring cokmar dan seorang penerjun sebagai pembawa Cokmar Tentera Darat.

Manakala sesi kedua terdiri dari lima penerjun yang ditugaskan khas sebagai pembawa bendera Malaysia, bendera Negeri Sabah, bendera TD, bendera Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat, bendera 5 Div dan bendera Grup Gerak Khas.

Penyerahan Cokmar TD kepada PTD merupakan simbolik gimik perasmian Majlis Pelancaran Hari Tentera Darat Ke-87 dan cokmar ini merupakan mercu tanda yang ditempah khas daripada pewter diukir dengan ukiran emas dan perak serta dihiasi permata biru Kristal dan titanium.





HARI TD KE 87

Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat Malaysia (TDM) merupakan acara pertama dilaksanakan sebelum menjelangnya sambutan HTD yang diraikan pada 1 Mac, setiap tahun bermula daripada penubuhannya pada tahun 1933.

Konvoi berkenaan dilaksanakan bertujuan mempamerkan ketumbukan TD di Sabah melalui jelajah *Battle Group* ke hampir semua bandar utama di Sabah bermula 19 Jan 2020 dari Tawau dan berakhir di Kota Kinabalu pada 29 Feb 2020.

Selain itu, ia bertujuan untuk mengukuhkan komitmen TD terhadap pertahanan dan kepentingan keselamatan negeri Sabah serta meningkatkan interaksi antara rakyat dan warga TD.

Komposisi Konvoi Kumpulan Tempur TD adalah terdiri daripada 29 buah kenderaan tempur dan kenderaan logistik melibatkan aset yang berada di negeri Sabah.

Antara kenderaan yang terlibat dengan konvoi berkenaan adalah kenderaan perisai Gempita dan Lipan Bara, Kenderaan Tempur Pembawa Senjata (KPS), Kenderaan Pembawa Meriam (KPM) beserta Meriam 105mm, *Command Rover* dan motorsikal *scrambler* serta kenderaan bantuan logistik seperti trak tiga tan, ambulans medan dan kenderaan bantuan pembaikan, Kembalik.

Pada tahun ini, TD telah memilih Negeri Sabah sebagai lokasi utama Sambutan HTD Ke-87 dengan tema Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa. Pelbagai acara menarik telah diatur oleh TDM sempena sambutan yang Ke-87 ini dengan penglibatan tentera bersama rakyat serta pemimpin-pemimpin tertinggi negeri Sabah.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain dan Pegawai Kanan TD.





HARI TD KE 87



SEKITAR PELANCARAN





HUT TD DI TAWAU



Konvoi Kumpulan Tempur TD Pamer Ketumbukan TD

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: PR TD

Kenderaan Tempur Tentera Darat (TD) dilihat mula berkonvoi di pekan Tawau, Sabah. Ramai dikalangan penduduk setempat mula terpikir adakah peristiwa di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada tahun 2013 akan berulang kembali. Mereka tertanya-tanya mengapa secara tiba-tiba begitu banyak kenderaan tempur TD berada di pekan Tawau. Ada juga

penduduk setempat yang tidak melepaskan peluang mengambil gambar kenderaan tempur TD ini sebagai kenangan. Segala persoalan terungkai apabila mereka mengetahui rupanya kenderaan tempur ini adalah salah satu segmen dalam sambut Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87.

Negeri Sabah khususnya Tawau dipilih sebagai lokasi utama destinasi pertama Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat sempena sambutan HTD Ke-87







yang diraikan 1 Mac setiap tahun. Pada tahun ini, Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa dipilih sebagai tema sambutan HTD Ke-87. Buat julung kalinya juga Negeri Sabah terpilih bagi sambutan HTD. Pelbagai acara menarik diatur dengan pembabitan pasukan TD bersama rakyat serta pemimpin tertinggi negeri bermula 19 Jan 2020 di Padang Bandaran Tawau sehingga acara kemuncak pada 28 Feb hingga 1 Mac 2020 di Stadium Likas, Kota Kinabalu.

Konvoi ini melibatkan sebanyak 29 buah kenderaan tempur pelbagai jenis antaranya AV8 Gempita, Lipan Bara, Kenderaan Tempur Pembawa Senjata (KTPS), Kenderaan Pembawa Meriam (KPM) berserta Meriam 105 milimeter, *Command Rover* dan motosikal lasak selain beberapa kenderaan bantuan logistik termasuk trak tiga ton serta ambulans dengan kekuatan seramai 200 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Jelajah konvoi ini akan melalui beberapa bandar utama bermula di Tawau, Semporna, Lahad Datu, Sandakan, Kudat, Kota Belud dan berakhir di Kota Kinabalu.

Pada masa yang sama, Konvoi Tempur ini akan berhenti di bandar-bandar utama dan mengadakan pelbagai acara menarik seperti Pameran Aset Ketenteraan, Pengambilan Perajurit Muda, Pertunjukan Pancaragam, Derma Darah, Pameran Kerjaya dan Promosi, Demonstrasi Ikhtiar Hidup dan Pertunjukan Payung Terjun.

Selain itu pelbagai aktiviti lain juga diadakan di setiap hentian seperti pemeriksaan dan rawatan gigi, Demonstrasi Kawad Tempur Seksyen, Tempur Tanpa Senjata, pertunjukan terbang lintas pesawat Agusta serta Program Jiwa Murni Tentera Bersama Rakyat iaitu gotong royong membersih tanah perkuburan dan tadika, membaiki masjid dan gereja serta aktiviti sukan bersama penduduk setempat.





Simbolik Konvoi Kumpulan Tempur TD ini ialah konvoi akan membawa Cokmar HTD yang mula dilepaskan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Tawau. Ia akan diserahkan kepada pegawai kanan TD yang akan menerimanya di setiap destinasi hentian konvoi dan apabila konvoi mula bergerak ke destinasi seterusnya Cokmar HTD akan diserahkan semula kepada Ketua Konvoi.

Pada masa sama konvoi ini bertujuan mempamerkan ketumbuhan TD di Sabah melalui jelajah *battle group* ke hampir semua bandar utama di Sabah. Disamping itu ianya turut mengukuhkan komitmen TD serta meningkatkan interaksi antara rakyat dan warga TD.

Kebanyakan pengunjung yang hadir melihat konvoi ini amat teruja dan berpuas hati dengan kesiapsiagaan TD dalam menjaga keamanan negara terutamanya fokus TD kepada kepentingan keselamatan strategik negeri Sabah serta mengukuhkan kedudukan, kepentingan keselamatan bersama agensi awam dan rakyat.





Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: PR TD

SABAH: Seramai 500 pengunjung dari sekitar Kota Belud hadir menyaksikan Latihan Kuasa Tembakan (LKT), Tentera Darat (TD) yang buat pertama kalinya dia-dakan di Negeri Di Bawah Bayu bertempat di Lapang Sasar Kota Belud, Kem Paradise pada 15 Feb 2020.

LKT dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Hj Juhar Datuk Hj Mahiruddin, bersempena dengan sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 yang di sambut di Negeri Sabah selain bertujuan untuk mempamerkan keupayaan ketumbukan Divisyen Kelima Infantri Malaysia melaksanakan kuasa tembakan.

Terdapat dua segmen dalam LKT ini iaitu Segmen Dinamik melibatkan sistem persenjataan tembakan langsung yang mana akan mempamerkan keupayaan atur gerak kenderaan tempur, aplikasi dan keberkesanan sistem persenjataan TD serta impak ke atas sasaran



LKT Gegar Bumi SABAH



HARI TD KE 87



manakala segmen kedua pula ialah Segmen Tembakan Tidak Langsung yang merupakan kuasa tembakan mortar dan artileri serta impak ke atas sasaran.

Antara aktiviti semasa pelaksanaan Segmen Dinamik adalah Tembakan Agusta A109 LOH (*Gattling Gun*), Persenjataan Kompeni (M4, Minimi, M203, GPMG), Persenjataan Bantuan Kompeni (RPG-7, Mortar 60 mm), Tembakan Senjata Batalion (HMG, AGL), Tembakan LIPAN

BARA dan *BUSHMASTER* dan Tembakan GEMPITA.

Bagi Segmen Tembakan Tidak Langsung dilaksanakan secara tembakan berkumpulan seperti Meriam 105 mm dan Mortar 81 mm.

Selain itu, LKT ini telah memberi pendedahan kepada pegawai dan anggota LLP yang terlibat berkenaan pengaplikasian kuasa tembakan yang efisien merangkumi persenjataan kecil hingga ke senjata berkaliber besar dan






mempertingkatkan kompetensi serta melatih anggota untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Pada masa sama, TYT Yang Di-Pertua Negeri Sabah berkesempatan untuk menembak Meriam 105 mm ke arah sasaran serta turut menyempurnakan acara Penyerahan Cokmar menandakan tamat aktiviti persinggahan di Kota Belud kepada Ketua Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat ke destinasi terakhir di Kota Kinabalu.

Terdahulu, TYT Yang Di-Pertua

Negeri Sabah turut menyaksikan pertunjukan Payung Terjun dari pasukan 21 Grup Gerak Khas dan VAT 69 PDRM yang melakukan penerjunan dari pesawat EC 725 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bertempat di Airstrip Kota Belud, Kem Paradise.

Turut hadir Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain, Pesuruhjaya Polis Sabah, CP Dato' Zaini Jass dan Panglima 5 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Khir Abdullah.





Acara Penutup HTD 87 MEMUKAU WARGA SABAH



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: SSjn Vijay Gaundar
Arikrishnan dan Sjn Saiful Fazley
Rusli.

SABAH: Sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 bermakna Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa mencipta sejarahnya tersendiri apabila buat julung kalinya disambut di Kota Kinabalu dengan pelbagai acara menarik bermula dari 19 Jan hingga 1 Mac 2020.

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Hj Juhar Datuk Hj Mahiruddin telah berkenan hadir ke kemuncak acara Sambutan HTD Ke-87 iaitu Pertujukan Tatu anjuran Tentera Darat Malaysia (TDM) di Stadium

Likas pada 29 Feb 2020.

Pertunjukan Tatu adalah acara kemuncak HTD di mana ia merupakan kesinambungan dari

Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Padang Majlis Perbandaran Tawau pada 19 Jan 2020.

Acara dimulakan dengan persembahan dari Badan Kesenian Tentera Darat (BKTD) bersama artis jemputan dan seterusnya penyampaian Anugerah Pengurusan dan Inovasi Tentera Darat (APITD) Tahun 2019 kepada para petanding yang mana setiap johan kategori akan menerima piala iringan, sijil dan wang tunai berjumlah RM 3000.00 daripada PTD.

Anugerah yang diberikan terbahagi kepada beberapa kategori antaranya adalah Anugerah Pengiktirafan dimenangi oleh Markas 10 Bdg (Para) dengan projek Pembinaan Lapang Sasar PIAW, Anugerah Pengurusan Logistik dimenangi oleh pasukan



acara pertama iaitu Majlis Pelancaran Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad



72 Batalion Kor Ordnans Diraja, Anugerah Pengurusan Briged dimenangi oleh Markas 10 Bgd (Para) dan Anugerah Pengurusan Divisyen dimenangi oleh Markas Divisyen Keempat Infantri Malaysia.

Seterusnya, bagi penerima Anugerah Pengurusan Pemerintahan pula dimenangi oleh Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat manakala Johaan Keseluruhan Anugerah Pengurusan dan Inovasi Tentera Darat Tahun 2019 berjaya dimenangi oleh Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia.

Bagi penerima Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera pula telah dimonopoli oleh Markas 10 Bgd (Para).

Dalam pada itu, turut diadakan penyampaian Anugerah Khas iaitu Penganugerahan Pisau Tentera Darat diberikan kepada anggota wanita iaitu Kpl Siti Jumaidah Bensali, merupakan anak jati kelahiran Sabah yang telah memberi



sumbang bakti serta jasa sekaligus mengharumkan nama TD.

HARI TD KE 87

Beliau merupakan satu-satunya peserta tunggal dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dalam Ekspidisi Misi Negara ke Antartika anjuran *All Women's Expedition To Antarctica* (AWETA) yang telah bersaing dalam beberapa siri pemilihan sehingga terpilih menjadi Protege Terbaik serta berjaya dalam ekspidisi di Union Glacier, Antartika bersama-sama tiga rakyat Malaysia yang lain.

PTD turut menyampaikan hadiah kepada Johan Pertandingan Deklamasi Sajak Dari Meja Panglima Tentera Darat iaitu kategori pegawai dimenangi oleh Lt Izzati Liyana Mohamed Zainodi manakala kategori Lain-Lain Pangkat dimenangi oleh Kpl Muhammad Saifuddin Mohd Suib dan kedua-duanya dari Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat.

Acara sambutan diteruskan lagi dengan Persembahan Tatu iaitu satu pertunjukan yang istimewa melibatkan koordinasi pergerakan seragam, aksi lagak negeri, aksi akrobatic dan muzikal pancaragam yang dipersembahkan oleh anggota TDM khas buat warga Sabah.

Persembahan dan demonstrasi pada malam bersejarah buat negeri bawah bayu ini merangkumi Persembahan Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Drumline Tentera Darat, Demonstrasi Tempur Tanpa Senjata, Tarian Perang melibatkan 200 anggota TDM, Penampilan Khas daripada Pancaragam PDRM Kontinjen Sabah,

Senyap, Persembahan Akrobatik Motosikal daripada Army Red Warrior diakhiri dengan Pertunjukan Penerjunan Payung Terjun daripada Grup Gerak Khas (GGK) dan VAT 69 (PDRM).

Turut dipertontonkan adalah Majlis Penyerahan Cokmar TD kepada PTD sebagai simbolik tamatnya Konvoi Kumpulan Tempur Tentera



Tayangan Video Khas "The Making Of Bakara" dan kehadiran salah seorang pelakon filem tersebut iaitu Fauzi Mohd Nawawi, Pertunjukan Kawad

Darat Sempena HTD Ke-87. Cokmar tersebut dibawa bermula dari Tawau melalui bandar-bandar utama di sabah iaitu Semporna, Lahad Datu,




Sandakan, Kudat, Kota Belud dan berakhir di Kota Kinabalu melibatkan kenderaan-kenderaan yang digunakan dalam TD antaranya Lipan Bara, Gempita, Kenderaan Pembawa Senjata, Kenderaan Pembawa Meriam dan lain-lain kendaraan.

Acara kemuncak apabila PTD telah melancarkan Hari Tentera Darat ke-87 secara rasminya pada tepat detik 12 malam diiringi dengan pertunjukkan bunga api dan diakhiri dengan penyampaian cabutan bertuah hadiah utama iaitu sebuah kereta Perodua AXIA, 2 buah motosikal berjenama SYM, televisyen 43 inci serta sebuah peti ais.



Turut hadir, Ketua Menteri Sabah merangkap Penaung Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Sabah, Brig Jen Kehormat Datuk Seri Panglima Hj Mohd Shafie Hj Apdal, Ketua Setiausaha Negeri Sabah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Sabah, Kol Kehormat Datuk Hj Safar Untong, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan pegawai kanan TD.



Pegawai Kanan TD Naik Pangkat

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

SABAH: Seramai tiga pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat semasa acara kemuncak Sambutan Hari TD Ke-87 di Stadium Likas pada 29 Feb 2020.

Kenaikan pangkat tersebut disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi.

Pegawai kanan yang dinaikkan pangkat adalah Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah yang dinaikkan pangkat ke Lt Jen dan menjawat jawatan sebagai Panglima Divisyen Kelima Infantri Malaysia.

Manakala dua lagi pegawai kanan dinaikkan pangkat Mej Jen iaitu Brig Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan dan Brig Jen Suriakala Suriabagavan.

Terdahulu, PTD turut memakai Pangkat Kehormat kepada Ketua



Menteri Sabah dan Ketua Setiausaha Negeri Sabah.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hj Mohd Shafie Hj Apdal dianugerahkan pangkat Brig Jen Kehormat dan memegang jawatan sebagai Penaung Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Sabah manakala Ketua Setiausaha

Negeri Sabah, Datuk Hj Safar Untong dianugerahkan pangkat Kol Kehormat.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan pegawai kanan TD.

Khutbah Khas Sempena HTD Ke-87



SABAH: Warga Tentera Darat yang berada di Kota Kinabalu menuaikan Solat Jumaat dan mendengar Khutbah Khas sempena Sambutan Hari TD Ke-87 bertempat di Masjid Bandaraya pada 28 Feb 2020.

Khutbah Khas kali ini bertajuk Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa yang mengajak seluruh warga TD serta jemaah menghayati apa yang di sampaikan oleh Khatib berkenaan keharmonian, keselamatan, serta kedaulatan sesebuah negara bergantung kepada hubungan rakyat dan tentera yang sama-sama menjaga negara.

Selain itu mimbar juga menjelaskan bahawa TD sentiasa bersiap sedia

dengan segala keupayaan dan kelengkapan yang ada untuk menjaga keselamatan serta menjamin kedaulatan negara tidak tergugat.

"Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan Kertas Putih Pertahanan yang menekankan peranan utama anggota tentera iaitu mengekalkan keamanan dan sentiasa bersiap sedia menghadapi setiap konflik bersenjata demi mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan kepentingan negara daripada ancaman luar yang mana TD sentiasa bersiap sedia sebilang masa," kata Mimbar.

Tambah mimbar lagi warga TD janji sekali-kali lupa akan tiga ancaman yang dihadapi iaitu ketidaktentuan

hubungan kuasa besar, kejiran Asia Tenggara dan ancaman keselamatan bukan tradisional yang berterusan iaitu aktiviti keganasan dan eksterimisme, ancaman siber, ancaman keselamatan maritim serta percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

Ancaman yang dinyatakan itu menuntut anggota TD sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan dan kemampuan masing-masing di tahap yang maksimum yang mana semangat kepahlawanan dan keperwiraan ini yang membentuk jati diri tentera yang unggul bagi menjaga negara ini dari sebarang bentuk ancaman.

Terdahulu dari itu warga TD yang hadir menuaikan Solat Jumaat dan mendengar khutbah khas telah membaca yasin untuk tahlil sempena HTD Ke-87.

Turut menuaikan Solat Jumaat di masjid tersebut ialah Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan pegawai kanan TD. - **Sjn Saiful Fazley, Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan**

Battle Of The Bands Meriahkan HTD Ke-87



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan dan Sjn Saiful Fazley Rusli

SABAH: Kumpulan D'Elektras dari Kor Jurutera Letrik dan Jentera Diraja (KJLJD) muncul johan kategori Kor dalam Pertandingan *Battle Of The Bands* sempena Sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Padang Merdeka, Kota Kinabalu pada 26 Feb 2020.

Johan membawa pulang wang tunai bernilai RM 3000 dan piala pusingan manakala kumpulan kedua dimenangi oleh D'Aswa yang diwakili oleh Askar Wataniah dan tempat ketiga dimenangi oleh D'Armor dari Kor Armor Diraja.

Dua kategori dipertandingkan iaitu kategori awam dan kategori Tentera Darat (TD) dimana acara telah bermula pada 25 Feb 2020 melibatkan acara peringkat akhir kumpulan



pemuzik bagi Kategori Terbuka/Awam manakala 26 Feb 2020 melibatkan acara peringkat akhir bagi kategori TD.

Pertandingan ini julung kali dibuka untuk penyertaan kepada band di Sabah bagi Kategori Awam untuk terus menyertai pertandingan ini sejajar dengan tema HTD Ke-87 iaitu Tentera Darat Bersama Rakyat, Sedia Sebilang Masa.

Bagi Kategori Band TD, seramai 10 kumpulan dipilih untuk bertanding merebut kejuaraan dalam pertandingan dimana dua kategori dipertandingkan iaitu Kategori Formasi dan Kategori Kor.

Konsep pertandingan yang dilaksanakan memerlukan setiap kumpulan pemuzik mempersembahkan dua buah lagu berkonseptan patriotik dan parodi.

Johan Kategori Formasi dimenangi oleh kumpulan *The Eastern Venom* yang mewakili MK 1 Div, manakala tempat kedua dimenangi oleh *The Croc Hunterz* dari 13 RAMD dan tempat ketiga dimenangi *Amplifier 24* dari 24 RAMD.

Selain itu, pertandingan ini bertujuan untuk melahirkan pemuzik dalam TD yang berkebolehan mencipta lagu-lagu patriotik ketenteraan untuk diimplementasikan seiring dengan keperluan semasa serta menambahkan koleksi lagu-lagu patriotik TD.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan pegawai kanan TD.



MPLTD Johan Deklamasi Sajak Sempena HTD Ke-87



Oleh: Lt Azlan Azmi

Gambar: Muhammad Asyraf Abdullah

SARAWAK: Seramai 60 pegawai dan 500 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) hadir bagi menyaksikan Pertandingan Akhir Deklamasi Sajak Sempena Hari Tentera Darat Ke-87 bertempat di Dewan RASCOM, Kem RASCOM pada 23 Feb 2020.

Pertandingan ini telah berlangsung selama tiga hari bermula 21 hingga 23 Feb 2020 melibatkan 26 peserta yang mewakili formasi pemerintahan MK TD, MPLTD, PMBTD, PMTTD, MK 21 GGK dan 10 Bgd (PARA).

Seramai 10 peserta terdiri daripada lima pegawai dan lima LLP telah bertanding di dalam pertandingan akhir pada 23 Feb 2020 setelah berjaya melepas peringkat saringan.

Pertandingan mendeklamasikan sajak ini adalah ber temakan Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD)

terbitan Siri 1 sehingga 100.

Pertandingan dimulai dengan gimik perasmian yang disempurnakan oleh Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMTTD), Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain dan diteruskan dengan penyampaian sajak daripada 10 orang peserta tersebut.

PMTTD dalam ucapannya berharap agar pemenang tempat pertama kedua-dua kategori tersebut akan menambah baik teknik dan cara penyampaian sajak bagi membuat persembahan di malam kemuncak sambutan Hari Tentera Darat Ke 87 di Stadium Likas, Kota Kinabalu pada 29 Feb 2020.

Bagi kategori pegawai, tempat ketiga membawa pulang wang tunai sebanyak RM 500 disandang oleh Kapt Abdul Qayyum Rosli daripada MK PMTTD, bagi tempat kedua membawa pulang RM 700 disandang oleh Lt Siti Norashikin Yusof dari PMBTD dan Johan membawa pulang RM 1000 telah dimenangi oleh Lt Izzati Liyana Mohamed Zainodi daripada MPLTD.

Pemenang tempat ketiga bagi kategori LLP pula, membawa wang tunai berjumlah RM 500 dimenangi oleh PW II Muhammad Haffiz Hamid dari MK TD, tempat kedua membawa pulang wang tunai berjumlah RM 700 dimenangi oleh PW I Mushaidi Ismail dari MK 10 Bgd (Para), manakala Johan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 1000 telah dimenangi oleh Kpl Muhammad Saifuddin Mohd Suib daripada MPLTD.

Turut hadir Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab, Panglima 3 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Isa Jaafar, Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng, Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain, Pengarah D&P, Kol Sani Omar dan Veteran Sarawak.

Tahlil dan Khutbah Khas Solat Jumaat Sempena HTD Ke-87

PERAK: Seluruh warga 2 Bgd terdiri daripada pasukan-pasukan di bawah naungan menghadiri Tahlil dan Khutbah Khas Solat Jumaat Sempena Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 bertempat di Surau Kem Gua Permai 23 RAMD pada 28 Feb 2020.

Terdahulu ketibaan Ketua Staf 2 Bgd, Lt Kol Mior Rasidi Mohamad Idris disambut oleh Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan naungan 2 Bgd.

Acara dimulakan dengan Tahlil dan Khutbah Khas yang bertajuk Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa disampaikan oleh Pegawai Staf Agama MK 2 Bgd, Lt Kol Titan Abdul Wahab kemudian disusuli dengan solat jumaat.

Intipati khutbah yang disampaikan mengajak warga Tentera Darat (TD) bersama-sama melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan laranganNya seperti yang disebutkan

dalam Ikrar Kesatria iaitu Beriman Kepada Tuhan dan Bertakwa Kepadanya.

Selain itu, warga TD perlu bersatu dalam mempertahankan agama, bangsa dan negara. - Cwg Risik MK 2 Bgd



7 Bgd Adakan Tahlil dan Doa Selamat Sempena HTD Ke-87

Oleh: Lt Syed Hibry Shah Syed Islam

Gambar: Kpl Khuzaimi Paimon

JOHOR: Seramai 920 warga 7 Bgd menghadiri Majlis Tahlil, Doa Selamat dan Khutbah Khas Solat Jumaat Sempena Hari Tentera Darat Ke-87 yang dihadiri Panglima 7 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Zawawi Hj Adam di Surau Al-Makmur Kem Mahkota Kluang pada 28 Feb 2020.

Khutbah Khas ini bertemakan Tentera Darat Bersama Rakyat Sentiasa Bersama yang dibacakan oleh Pegawai Staf 2 Agama MK 7 Bgd, Mej Hj Tirmizi Hj Md Isa yang mana intipati khutbah mengajak seluruh warga TD serta jemaah untuk memperkasakan lagi takwa masing-masing kepada Allah dengan berkehualan tinggi melakukan apa yang diperintahkan dan di dalam masa yang sama memiliki kekuatan yang kental untuk menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang ditegah.

Di akhir khutbah, Khatib mengingatkan warga TD perlu bersikap kompetitif dengan kebijaksanaan menguasai



segala ilmu ketenteraan serta menyepakuk semangat bersama rakyat bagi memantapkan aspek kualiti hidup demi melaksanakan tugas dengan penuh ikhlas, amanah dan bertanggungjawab.

Khutbah Khas Jumaat Sempena HTD Ke-87

KUALA LUMPUR: MK 4 Div telah mengadakan Khutbah Khas Solat Jumaat Sempena Hari Tentera Darat Ke-87 yang disampaikan oleh Pegawai Agama 1 RRD, Lt M Muadz Sabar bertempat di Masjid Muhammad Al-Fateh

pada 28 Feb 2020.

Khutbah yang bertajuk Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa ini menjelaskan bahawa sesebuah negara tidak akan aman seandainya tiada organisasi ketenteraan yang sedia mempertahankan keadaulatannya daripada segala macam ancaman.

Negara juga tidak akan harmoni jika rakyatnya tidak bersatu dan berselisihan antara satu sama lain dalam menjaga keamanan sehingga menarik negara luar untuk campur tangan menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam negara.

Tambah Khatib lagi, warga TD perlu berterima kasih dan berbangga kepada pejuang-pejuang terdahulu kerana meninggalkan legasi yang mampu dibanggakan, dihortomi, dipercayai masyarakat tempatan, negara jiran maupun negara sahabat.

Turut hadir, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Azhar Hj Ahmad dan pegawai-pegawai. - Kpl Mohd Sadiq Zakaria



Perutusan Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera Ke-21



Oleh: Sjn Nurul Haswani Ruzaini

Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM telah menyampaikan Perutusan Perintah Ulung beliau sebagai Panglima Angkatan Tentera Ke-21 di Auditorium Wisma Pertahanan pada 15 Jan 2020.

Di dalam Perintah Ulung berkenaan beliau telah menekankan empat teras sebagai menyokong visi pembentukan Kertas Putih Pertahanan (KPP) iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.

Dalam menjayakan teras yang digariskan, beliau telah

menekankan agar segala doktrin dan dokumen berkaitan ATM perlu selari dengan KPP terutama dalam Pelan Pembangunan Strategik Angkatan Tentera Malaysia yang dikenali sebagai *4th Dimension Malaysian Armed Forces* atau 4D MAF. Ini adalah perlu agar ATM tidak ketinggalan dalam pembangunan pertahanan serta peningkatan keupayaan.

Empat teras yang menjadi keutamaan dalam perintah ulung tersebut adalah Memperkasakan Kesiagaan Aset Angkatan Tentera Malaysia sebagai teras pertama, Memperkasa Warga ATM Yang Cemerlang sebagai teras kedua manakala teras ketiga adalah Mengukuhkan Keupayaan ATM dalam Domain Siber dan terakhir adalah Menterjemahkan Kertas Putih Pertahanan.





Justeru itu juga, pelan keupayaan ketiga-tiga perkhidmatan ATM yang lain iaitu Pelan *ARMY For Next Generation* atau *Army 4 Next G* dalam Tentera Darat, Pelan TLDM 15 to 5 atau RMN 15 to 5 bagi Tentera Laut dan Perancangan *Capability 2055* atau #CAP55 bagi TUDM perlu diselarasaskan oleh setiap perkhidmatan.

Kajian menyeluruh perlu dilaksanakan sewajarnya kepada polisi dan pelan sedia ada agar ianya dapat dimangkinkan oleh KPP berkenaan.

Beliau juga menegaskan bahawa KPP merupakan pemangkin dan pemandu kepada segenap aktiviti ATM daripada perolehan, pembangunan, latihan dan operasi.

Semua pemerintahan perlu menghalusi KPP ini dan menyelaraskan semula segala polisi, doktrin serta prosedur di bawah naungan agar ianya dapat diperkuuhkan sebagaimana di sarankan dalam KPP tersebut.

Setiap pemerintahan juga perlu untuk menyemak dan menyelaras hala tuju masing-masing serta menyediakan pelan tindakan bersesuaian yang boleh mencapai serta mendokong aspirasi KPP berkenaan.

Melalui perintah ulung ini juga beliau turut menekankan keupayaan ATM dalam mengukuhkan penguasaan

siber.

Bagi mencapai semua aspirasi, beliau turut menekankan pelaksanaan konsep *to do more with less* dalam menggalas amanah negara untuk menentukan keutamaan dalam apa jua perancangan bagi menyesuaikan ketumbukan di dalam kekangan peruntukan sedia ada.

Ini meletakkan organisasi ini untuk berbelanja secara berhemah dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan serta keberkesanan dalam melaksanakan tugas.

Dalam erti kata yang lain, ATM perlu melaksanakan operasi dan latihan yang telah dijadualkan di samping keperluan merancang peruntukan kontigensi bagi menghadapi sebarang insiden atau situasi yang tidak diingini.

Aspek kebijakan warga ATM turut tidak ditekankan dalam mendokong teras dan pembentukan KPP yang akan mendorong kepada penghasilan warga yang cemerlang.

PAT turut berkehendakan agar segenap lapisan pemerintahan ATM melihat kepada aspek kebijakan keseluruhan anggota secara holistik termasuk aspek keselamatan dan kesempurnaan fasilitas tempat bekerja, keselesaan tempat tinggal, peralatan dan perkakasan yang diperlukan untuk tugas warga serta gaji dan eluan.

Begitu juga dengan kebijakan warga veteran di mana

ATM akan terus komited membantu seberapa daya upaya selagi bantuan itu masih di bawah bidang kuasa.

Beliau menegaskan ATM akan terus memastikan latihan yang bersesuaian diberikan sebagai persediaan untuk para veteran meneroka kerjaya baharu yang dapat meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebolehpasaran mereka setelah meninggalkan perkhidmatan.

Turut hadir Panglima dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan.



Hari Pertama MENHAN Baharu



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan (MENHAN) Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob secara rasminya telah memulakan tugas sebagai MENHAN yang baharu di Wisma Pertahanan pada 12 Mac 2020.

Sebaik sahaja tiba di perkarangan Wisma Pertahanan, MENHAN disambut oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz bersama Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM.

Beliau seterusnya menerima tabik hormat dari Kawalan Kehormatan Utama (KKU) Batalion Pertama

Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) diketuai oleh Mej Mohd Izham Ahmad Rashidi terdiri daripada tiga pegawai 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Serba ringkas keperibadiannya, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob lahir pada 18 Jan 1960 merupakan Ahli Parlimen Bera dan berkahwin dengan Datin Sri Muhamin Zainal Abidin pada 1986 serta mempunyai empat orang cahayamata.

Memulakan alam persekolahan di Sekolah Kebangsaan Bangau lalu meneruskan pendidikannya di Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan pada 1973 dan Sekolah Menengah Teknik Kuantan pada 1976 serta belajar di tingkatan enam di Jaya Akademik seterusnya menyambung

pelajaran di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya pada tahun 1980.

Beliau telah memulakan kerjayanya mulai pada tahun 1985 sebagai seorang peguam dan pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Daerah Temerloh pada 1987 serta Ahli Majlis Perbandaran Temerloh pada 1996.

Pada tahun 1995, beliau dilantik menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia pada tahun 1995.

Selain itu beliau pernah dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 9 Apr 2009.

Selesai acara KKU, beliau diperkenalkan kepada Pegawai Kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan awam seterusnya memasuki pintu masuk VIP Wisma Pertahanan dengan mengakseskan Kad Kerja Wisma Pertahanan sebagai tanda bermulanya hari pertama beliau di Wisma Pertahanan.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz turut menerima tabik hormat dari KKU 1 RAMD yang mana beliau juga memulakan tugasnya pada hari yang sama dengan MENHAN.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Muez Abdul Aziz, Panglima-Panglima Perkhidmatan dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan.

Kunjungan Hormat Sempena Lawatan RTA Ke Malaysia

KUALA LUMPUR: Commander In Chief, Royal Thai Army (C-in-C, RTA), Gen Apirat Kongsompong dan delegasi melakukan Kunjungan Hormat (KH) ke atas rakan sejawatnya Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi sempena lawatan kerja beliau ke Malaysia di Wisma Pertahanan pada 29 Jan 2020.

Sebaik tiba di perkarangan Wisma Pertahanan, Gen Apirat Kongsompong disambut oleh PTD lalu menerima tabik hormat dari Kawalan Kehormatan Utama Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) yang terdiri dari tiga pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Mej Mohd Shaiful Amri Omar.

Selesai KKU, PTD mengiringi beliau untuk diperkenalkan kepada pegawai kanan Tentera Darat dan seterusnya meneruskan acara kunjungan hormat di pejabat PTD serta menandatangani Buku Lawatan.



Dalam pada itu beliau turut berkesempatan melakukan kunjungan hormat kepada Menteri Pertahanan (MENHAN), Hj Mohamad Sabu dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Affendi Hj Buang TUDM di Wisma Pertahanan. Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah. - Sjn Nurulhaswani Ruzaini, Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya



Commander In Chief RTA Terima Beret Kehormat

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

MELAKA: *Commander In Chief, Royal Thai Army* (C-in-C, RTA), Gen Apirat Kongsompong dianugerahkan Beret Merun dan Sayap Penerjunan Kehormat 10 Briged (Para) disem-purnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bertempat di Dataran Parawood Batalion Kelapan Rejimen Renjer Diraja (Para) pada 30 Jan 2020.

Terdahulu dari itu, Gen Apirat Kongsompong dipertonton dengan persembahan demonstrasi dari anggota

10 Bgd meliputi acara Tempur Tanpa Senjata, Tactical Combat Casualty Care (TCCC), Renang Tempur, Abseiling/Repelling, Fast Roping, Serangan Seksyen dan Human Wave.

Acara kemudian diteruskan dengan penganugerahan Beret Merun dan Sayap Penerjunan Kehormat 10 Briged (Para) dan delegasi negara Thailand dipersembahkan Para War Dance atau Tarian Perang yang mana persembahan ini melambangkan keberanian dan kekuatan pahlawan para serta hanya dipertontonkan kepada tetamu kehormat negara sahaja.

Selain itu, objektif utama penganugerahan ini adalah sebagai simbolik pengukuhan hubungan erat

diplomatik dua negara dan kerjasama ketenteraan yang sedia terjalin di antara Royal Thai Army dan Tentera Darat Malaysia (TDM) khasnya serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya.

Turut hadir mantan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj Zulkefili Mohd Zin (Bersara), Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, AKS CSM, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad, AKS Perisikan, Mej Jen Dato' Rezil Shahidin dan Panglima 10 Bgd Para, Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki.



PTD Dimasyurkan Sebagai Ahli 'Hall Of Fame' Pertama USAWC

Oleh: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan.

AMERIKA SYARIKAT:

Panglima Tentera Darat (PTD) Ke-27, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, sekali lagi telah mencipta sejarah sebagai Ahli *International Fellows Hall of Fame* pertama dari negara Malaysia serta Tentera Darat Malaysia khususnya yang dianugerahkan gelaran tersebut dari *United States Army War College* (USAWC), Pennsylvania.

Majlis penganugerahan telah berlangsung di USAWC, Carlisle, Pennsylvania pada 6 Mac 2020 bersempena dengan Majlis Penganugerahan *Hall of Fame* peringkat antarabangsa sebagai ahli yang Ke-71.

Pengiktirafan ini diberi kepada bekas-bekas penuntut USAWC yang telah berjaya menjawat jawatan tertinggi dalam perkhidmatan masing-masing.

USAWC merupakan

sebuah institusi Pendidikan Tentera Darat Amerika Syarikat yang telah diasaskan pada tahun 1901 untuk peringkat Pegawai Kanan Tentera dan awam yang menjurus kepada pembentukan kepimpinan serta tugas dan tanggungjawab Pegawai Kanan.

Komandan USAWC, Maj Gen John S. Kem telah menyampaikan anugerah tersebut dan majlis turut dihadiri



disaksikan oleh Mantan Komandan USAWC Tahun 2005, Lieutenant General David H. Huntoon dan empat rakan sekelas yang mana ianya juga merupakan rekod kehadiran Hall of Fame, USAWC bagi rakan-rakan sekelas yang bersama-sama meraikan

majlis berprestij ini.

Secara tidak langsung ianya juga merupakan satu kejayaan bagi Tentera Darat Malaysia kerana telah mendapat pengiktirafan diperingkat antarabangsa.



Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 50 pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 18 Feb 2020.

Mendahului senarai, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin yang dinaikkan pangkat daripada Mej Jen ke Lt Jen dan menjawat jawatan sebagai Ketua Staf MK ATM, Kol Rizuan Abu Bakar dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Ketua Staf Perkhidmatan MK PMTTD.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada sembilan pegawai kanan dinaikkan pangkat daripada Lt Kol ke Kol didahului oleh Kol Zamri Othman yang menjawat sebagai Juruarah, MPAT, Kol Abd Munir Hj Abd Rani menjawat jawatan Timb Panglima, MK 11 Bgd, Kol Razali Kosnan menjawat jawatan sebagai Timb Panglima, MK 10 Bgd (Para), Kol Mohd Afendi Abu Bakar menjawat jawatan Komander Rejimen Jurutera (KRJ), MK RAJD 3 Div, Kol Fauzi Mamat menjawat jawatan Kol Pengurusan, Cwg Pengurusan, MK ATM – BPK dan Kol Ahmad Jafri Ahmad Zuliyadai menjawat jawatan sebagai Ketua Perisikan, Bn 165 Risik TD.

Disamping itu juga pemakaian pangkat kepada Kol (Kehormat) kepada Naib Canselor, UniMAP, Prof Ir

Ts Dr R. Badlishah Ahmad menjawat jawatan sebagai Komandan PALAPES UniMAP, Naib Canselor, UteM, Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim menjawat jawatan sebagai Komandan PALAPES UteM dan Ketua Pegawai Eksekutif Sapura Sdn Bhd, Dato' Wan Shaharuddin Wan Mahmood menjawat jawatan sebagai Ahli JAKPAW Kementah

hasil kegigihan, integriti dan sifat terpuji yang konsisten, ketiga-tiga aspek tersebut adalah antara ciri-ciri asas bagi pemimpin.

"Sebagai pegawai kanan yang memimpin anggota bawahan, saya berharap saudara-saudari dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing agar TD akan menjadi lebih harmoni dan lebih cekap," tegas



Manakala seramai 24 pegawai kanan termasuk Pegawai Sukarela AW dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol serta 15 Pegawai Senarai Tugas Khas dinaikkan ke pangkat Lt Muda.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai yang dinaikkan pangkat, ianya kurniaan Ilahi serta berkat

PTD.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan.





Pelancaran Filem Bakara



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KEDAH: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Filem Bakara di Padang Kawad Batalion Ke-19 Rejimen Askar Melayu Diraja (19 RAMD) Mekanize, pada 17 Jan 2020.

Pengarah Adrian Teh sekali lagi dipertanggungjawabkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menghasilkan filem Bakara, di atas kejayaan filem Paskal The Movie dan Wira yang memberi impak positif kepada industri filem tempatan.

Filem Bakara berdasarkan kejadian sebenar pertempuran di Pasar Bakara, Mogadishu, Somalia, pada 1993 dan adaptasi daripada filem *Black Hawk Down* versi sebenar Malaysia.

Bakara turut memaparkan pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dalam operasi menyelamat pasukan tentera Amerika Syarikat yang dikepung ribuan pengikut Farah Aidid semasa pertempuran di Bakara Market, Somalia.

"Kita berharap filem ini dapat membawa sudut berbeza berbanding dengan apa yang ditunjukkan dalam sebuah filem antarabangsa sebelum ini," ujar PTD

Tambahnya lagi, sebelum ini filem berkaitan pertempuran itu pernah diterbitkan *Hollywood* di bawah judul *Black Hawk Down*, namun hanya memaparkan pertempuran membabitkan tentera Amerika Syarikat sahaja, filem Bakara akan dibuat berdasarkan maklumat daripada anggota tentera Malaysia yang terbabit secara langsung dalam pertempuran itu.

"Kita harap filem ini akan menjadi salah sebuah filem yang boleh menjadi kebanggaan rakyat Malaysia, sekali gus menaikkan jati diri serta semangat cintakan negara."

Filem yang menelan belanja lebih RM20 juta yang dinaung dibawah syarikat produksi Act 2 ini bakal membariskan pelakon tangkas Hairul Azreen, Bront Palarae, Shaheizy Sam, Remy Ishak, Fauzi Nawawi dan anggota ATM serta aset ketenteraan.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Ketua Staf Markas TD, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Yadi, Veteran TD, anggota yang pernah terlibat dalam pertempuran di Bakara Mogadishu serta masyarakat setempat.

Majlis Menyambut Ketibaan PAT Ke-21



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang

KUALA LUMPUR: Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM telah disambut secara rasmi di Kementerian Pertahanan sebagai Panglima Angkatan Tentera Ke-21 pada 7 Jan 2020.

Ketibaan beliau di Wisma Pertahanan disambut oleh Panglima-Panglima Perkhidmatan dan pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia serta pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan. YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM seterusnya mengambil tabik hormat dan menerima Kawalan Kehormatan Utama (KKU) yang diberikan oleh Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja. Kontinjen KKU yang berkekuatan 3 Pegawai dan 103 Anggota Lain-lain Pangkat berkenaan telah diketuai oleh Mejar Mohd Izham bin Ahmad Rashidi serta diiringi oleh Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja.



Perasmian TPA M-15



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Affendi Buang, telah menyempurnakan Majlis Perasmian Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao 15 (TPA M-15) atau *International Monitoring Team Mindanao 15 (IMT M-15)* di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia pada 4 Mac 2020.

Penghantaran TPA M-15 adalah kesinambungan dalam memenuhi hasrat Kerajaan Filipina dan juga persetujuan Kerajaan Malaysia untuk menghantar tim pemantau bagi tempoh 12 bulan, TPA M-15 diketuai oleh Mej Jen Dato' Muhammad Anwar Abdullah selaku Ketua Misi akan meneruskan misi menggantikan TPA M-14 yang telah tamat penghujung Mac tahun ini.

Seramai 10 pegawai daripada ketiga cabang perkhidmatan dan satu anggota Lain-Lain Pangkat, dua pegawai daripada Polis Diraja Malaysia dan tiga pegawai awam dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri.

Komposisi TPA M-15 melibatkan 28 pegawai dan anggota daripada empat buah negara, Malaysia merupakan *Lead Nation* dan mempunyai komposisi yang terbesar iaitu sebanyak 16 pegawai dan anggota.

TPA M turut dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada Negara Brunei melibatkan sembilan pegawai, Jepun

dua pegawai dan Norway seorang pegawai.

Penglibatan Malaysia mengetuai Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao (TPA M) bermula pada 10 Okt 2004 berikutan jemputan daripada Kerajaan Filipina atau *Government of Philippines* (GPH) dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF), sehingga kini sejumlah 13 tim telah diaturgerakkan menjalani misi di Mindanao.

Tujuannya adalah untuk memantau gencatan senjata dan pembangunan sosio ekonomi di wilayah yang ber golak di Mindanao.

Penugasan TPA M adalah sejajar dengan syarat-syarat perjanjian dan persefahaman yang dimuktamadkan termasuk Terma Rujukan (TOR) yang telah dipersetujui oleh pihak GPH dan MILF dan konsep organisasi TPA M adalah secara *lead nation* kerana melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei, Jepun dan Kesatuan Eropah di mana Malaysia adalah sebagai negara peneraju dan juga fasilitator bagi proses perdamaian di antara GPH dan MILF.

Beberapa perjanjian damai yang ditandatangani di antara Kerajaan Filipina dan MILF membuktikan bahawa peranan TPA M telah mencapai sasaran dan berjaya mengembalikan kedua-dua pihak yang bertelagah ke meja rundingan.

Bagi perkembangan terkini proses perjanjian damai, GPH melalui *Commission on Election* (COMLEC)

telah mengadakan satu pungutan suara (*Plebiscite*) untuk mendapatkan consensus rakyat di selatan Filipina mengenai sokongan kepada Bangsamoro *Organic Law* (BOL)/ Bangsamoro *Basic Law* (BBL).

Sekiranya mendapat lebih banyak sokongan daripada penentangan, Bangsamoro *Autonomous Region in Muslim Mindanao* (BARMM) akan menggantikan *Autonomous Region in Muslim Mindanao* (ARMM) dan keputusan *Plebiscite* menunjukkan keputusan memihak kepada sokongan untuk BOL dan sekaligus mewujudkan BARMM.

Pengerusi MILF, Murad Ebrahim telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri wilayah baru BARMM pada 22 Feb 2019.

Setakat ini, tiada sebarang insiden yang boleh menjelaskan proses perjanjian damai antara GPH dan MILF serta kerajaan Malaysia telah ber setuju untuk meneruskan tugas TPA M-14 bagi mewujudkan keadaan yang kondusif bagi kedua-dua pihak di dalam menjalankan proses rundingan damai sehingga wilayah Mindanao mencapai keamanan sepenuhnya.

Turut hadir Panglima Tentera Laut, Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Hj Mohd Asghar Khan Goriman Khan.

PERNAMA Taja Kalender 2020



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Affendi Buang TUDM menghadiri Majlis Penyerahan Kalendar Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Tahun 2020 yang diserahkan oleh Pengurus PERNAMA Jen Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Hj Zainal (B) bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 20 Jan 2020.

PERNAMA telah menghasilkan kalender sejak lebih 30 tahun dan menjadi satu kewajipan dan merupakan sebahagian dari usaha memastikan maklumat umum berkaitan dengan tema yang dipilih dapat dikumpul dan dikongsi dalam bentuk yang mudah difahami dan disimpan sebagai kenangan, kalender ini juga secara tidak langsung boleh menjadi bahan rujukan kepada pegawai dan anggota khususnya generasi muda Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

ATM sememangnya terkenal dengan kesiaagaan dalam melaksanakan tanggungjawab melindungi kedaulatan dan integriti negara, mengatasi ancaman antarabangsa serta memelihara ketenteraman awam, bagi memastikan setiap anggota sentiasa berada dalam keadaan bersedia, anggota ATM bukan sahaja dilengkapi dengan senjata-senjata moden dan terkini, mereka turut dilengkapkan dengan mental dan fizikal, pelbagai latihan dan eksesais dijalankan sama ada latihan atau eksesais dalaman,

diantara perkhidmatan atau dengan angkatan tentera negara-negara luar.

PERNAMA telah tampil dengan daya usaha dan inisiatif tersendiri, menghasilkan kalender yang memaparkan pelbagai aktiviti berkaitan ATM, dengan demikian ia diharapkan dapat mengimbau kenangan disamping memberikan inspirasi kepada warga ATM.

Pengeluaran kalender tajaan PERNAMA tahun 2020 adalah bertemakan Kedaulatan Negara, Tanggungjawab Bersama, pengisian kalender ini memaparkan gambar-gambar dan serba sedikit penerangan berkenaan aktiviti yang dijalankan oleh ATM.

PERNAMA juga pada kali ini turut berkongsi keuntungan dengan warga ATM melalui sumbangan dividend kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), sumbangan kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT), sumbangan pendidikan kepada anak-anak ATM.

Dalam ucapan PAT beliau mengucapkan syabas kepada PERNAMA diatas pemilihan tema serta konsep penerbitan pada kali ini kerana beliau amat yakin bahawa kalender ini akan

menjadi bahan bacaan alternatif untuk tatapan para pembaca khususnya kepada pegawai dan anggota tentera.



"Syabas diucapkan kepada PERNAMA kerana akan membuka komplek perniagaan baru bersebelahan Wisma Bintara ATM yang bakal siap, ATM juga berbesar hati kerana PERNAMA turut menyerahkan sumbangan tahunan 2019 untuk TKAT bagi menampung perbelanjaan berbentuk kebajikan bagi warga ATM yang memerlukan," ujar PAT.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara, Jen Dato' Seri Ackbal Hj Abdul Samad TUDM dan Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman Ayob serta para pegawai kanan ATM.

Majlis Penutupan Dan Penyerahan Premis MTAT



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM merasmikan Majlis Penutupan dan Penyerahan Premis Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) di Dewan Hikmat, Haigate pada 31 Jan 2020.

Majlis ini merupakan simbolik kepada penyerahan penutupan premis berkenaan yang telah berpindah secara berperingkat ke Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS), Putrajaya pada Sep 2020 yang mana Penuntut Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia (KPSM) Siri 49/2020 telah memulakan sesi pengajiannya di premis baharu mulai 1 Sep 2019 hingga 31 Ogos 2020 dan premis MTAT di Haigate akan diambil alih oleh Bahagian Komunikasi Elektronik (KOMLEK), Rejimen 91 RSD dan

Wisma Perwira ATM.

Majlis diteruskan dengan upacara menandatangani Deklarasi Penutupan MTAT, *Higate* oleh Ahli Lembaga Gabenor Maktab diiringi Komandan MTAT, Brig Jen Dato' Mohd Sofi Md Lepi.

Kemuncak acara telah menyaksikan upacara menurunkan bendera MTAT diiringi tiupan last post dimana bendera inilah yang telah berkibar megah di *Haigate* selama 48 tahun bermula tahun 1971 yang akan diserahkan oleh mantan Komandan Pertama MTAT, Brig Jen (B), Datuk A. Arulpragasam kepada Komandan MTAT untuk terus dikibarkan dengan megah di premis baharu MTAT di Kompleks PUSPAHANS, Putrajaya.

MTAT merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menyediakan pengajian profesional di peringkat

Diploma Lepasan Ijazah yang dihadiri oleh pegawai-pegawai ATM ber pangkat Mejar atau setaraf daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM bagi melengkapkan dan menyediakan mereka untuk menjawat jawatan di peringkat yang lebih tinggi serta turut menawarkan tempat kepada pegawai dari agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam.

Menyentuh sedikit sejarah penubuhan MTAT yang ditubuhkan pada 8 Jan 1971 yang disempurnakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dengan matlamat utama untuk melatih pegawai-pegawai yang terpilih sebagai pegawai staf yang berkualiti bagi memenuhi keperluan ketiga-tiga perkhidmatan.

Pada tahun 2018 program pengajian telah dinaiktaraf kepada Diploma Pasca Siswazah Pengajian Pertahanan dan Strategik (DPSPP) disamping Diploma *passed staff college* (psc) dan mata pelajaran untuk kursus diploma adalah sebahagian daripada keseluruhan kurikulum kursus yang dikendalikan oleh Fakulti Pengurusan serta Pengajian Pertahanan UPNM dimana peserta kursus yang lulus keseluruhan modul pengajian akan dianugerahkan dua diploma iaitu psc daripada MTAT DPSPP dan daripada UPNM.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Asghar Khan Goriman Khan TUDM.



PAT Lakukan Kunjungan Hormat Ke Atas TYT Pulau Pinang

Oleh: PR 2 Div

PULAU PINANG: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM mengadakan



kunjungan hormat ke atas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Hj Abdul Rahman Hj Abbas di kediaman rasmi TYT Tun di Seri Mutiara, Jalan York, George Town dan diiringi oleh Panglima Divisyen

Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad.

Ini merupakan pertemuan pertama PAT dengan TYT Tun sejak beliau dilantik sebagai PAT Ke-21 daripada Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin pada bulan Jan 2020 yang lalu.

Panglima 2 Div telah menyambut ketibaan PAT di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) sebelum dibawa ke kediaman rasmi TYT Tun.

PAT Lawat 4 Bgd Mek

PAHANG: Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM telah melakukan Lawatan Kerja ke 4 Bgd (Mek) bertujuan untuk melihat perkembangan dan permasalahan di sekitar kawasan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) pada 16 Jan 2020.

Ketibaan PAT disambut oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan dibawa melawat kawasan di dalam Kem Batu 10 bersama-sama dengan agensi pelaksana BPKP dan JKR.

Lawatan PAT dimulai dengan melawat RKAT Blok G 311 bertujuan untuk melihat perkembangan naik taraf RKAT daripada dua pintu kepada satu pintu yang ditaklimatkan oleh agensi pelaksana JKR.

PAT juga turut me luangkan masa melawat Dewan Indera dan Masjid Al-Ikhwan sebelum bergerak ke Rumah Tamu TR Residence bagi jamuan makan tengahari, lawatan

diakhiri dengan upacara menandatangani buku lawatan di ruang Rumah Tamu TR Residence.

Turut hadir, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Fauzi Tengku Ibrahim dan Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan Atan.





87 TAHUN TD TEGUH MENJAGA KEDAULATAN NEGARA

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini



Setiap tahun pada tanggal 1 Mac Tentera Darat (TD) akan menyambut Hari Ulang Tahunnya bagi memperingati sejarah penubuhan TD yang memberi banyak erti kepada warganya yang menempuh pelbagai kehidupan pahit dan manis dalam mempertahankan tanah air tercinta. Tarikh keramat ini bukan saja sarat dengan nilai sentimental bagi bekas anggota yang bersara dan keluarga yang hilang insan tersayang malah turut dirasai oleh seluruh warganya yang menyambung legasi perjuangan mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanahair.

Walaupun tarikh tersebut mungkin tidak memberi makna kepada sebahagian besar generasi kini namun bagi mereka yang memahami dan mengetahui akan tarikh keramat tersebut terutama kepada pesara-pesara TD merasakan begitu bangga dengan tarikh tersebut. Hari ini TD menjangkau usia 87 tahun dan dalam tempoh itu, TD melalui pelbagai peristiwa dan cabaran sejak sebelum Perang Dunia Kedua, darurat, konfrantasi sehingga galah ancaman komunis. Sehingga kini ia terus teguh sebagai komponen terbesar dalam Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) yang mendukung hasrat bangsa dan negara sejajar dengan sambutan pada kali ini yang memberi sedikit kelainan dari tahun yang sebelumnya.

Sejarah Penubuhan TD

Mengimbas sejarah penubuhan TD yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933 bermula dengan kekuatan satu kompeni percubaan terdiri dari 25 anak melayu yang ketika itu dirugikan kebolehan mereka oleh pihak British. Mereka ini telah melaporkan diri di Haig



Lines,
Port
Dickson un-
tuk menjadi aset
terawal dalam seja-
rah negara.

Namun, pembentukan itu selesai menjelang 1936 apabila empat daripada mereka menjadi anak Melayu pertama ditauliahkan sebagai pegawai TD yang mana mereka terdiri dari pada No 8 Lt Muda Ariffin Sulaiman, No 12 Lt Muda Ibrahim Sidek, No 13 Lt Muda Ismail Tahar dan No 25 Lt Muda Raja Lope Nor Rashid Raja Abd Rahman.

Secara umumnya, sejarah penubuhan TD bermula dengan usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang dianggotai oleh anak-anak Melayu. Usaha ini bermula semenjak tahun 1902 lagi. Banyak perbincangan oleh Raja-Raja Melayu dan Penasihat-Penasihat British telah dijalankan bagi mewujudkan pasukan ini.

Dalam tahun 1913 Almarhum DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Muhamad Ibni Yam Tunku Antah, Almarhum DYMM Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah, Almarhum Raja Di Hilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah Hj Damad telah menyuarakan hasrat menubuhkan pasukan Askar Melayu. Hasrat Raja-Raja ini telah menjadi kenyataan apabila di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Jan 1933, Rang Undang-Undang Askar Melayu telah diluluskan dan dikenali sebagai Undang-Undang No. 11.

Bagi menyahut seruan untuk mempertahankan ibu pertiwi, lebih dari seribu pemuda-pemuda Melayu dari pelukuk tanah air telah tampil menawarkan khidmat mereka, tetapi hanya 25 orang sahaja yang berjaya dipilih sebagai pengasas Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu. Skuad Pertama ini telah menjalankan latihan dengan gigih dan penuh tabah dan pihak pegawai-pegawai British, selaku jurulatih sangat berpuas hati dengan kebolehan, kecekapan serta semangat keperwiraan yang ditunjukkan.

Pada pertengahan tahun 1934, Kompeni Percubaan telah diishtiharkan sebagai berjaya dengan cemerlangnya dan layak diperbesarkan ke satu batalion yang lengkap. Seterusnya buat julung kali, pada 4 Nov 1936, empat pemuda anggota Skuad Pertama telah ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda.

Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Jan 1938. Apabila tercetusnya pererangan di Eropah pada 3 Sep 1939, latihan anggota Askar Melayu telah dipertingkatkan dan kekuatannya diperbesarkan.

Pada 1 Dis 1941, Batalion Kedua Askar Melayu telah ditubuhkan iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya, bagi menghadapi serangan Tentara Jepun yang sedang mara. Kompeni A, Batalion Kedua adalah unit Askar Melayu pertama menentang Tentara Jepun yang mendarat di Pantai Cinta Berahi (sekarang Pantai Cahaya Bulan), Kelantan pada 8 Dis 1941.

Kedua-dua batalion ini telah menunjukkan kebolehan

mereka dalam perperangan menentang tentera Jepun. Kekuatan tentera Jepun yang berlipat ganda telah memaksa kompeni tersebut berundur ke Kuala Krai dan seterusnya Singapura. Di Singapura, Batalion Pertama dan Kedua Askar Melayu telah berjuang bersama Tentera British menentang kemaraan musuh. Askar Melayu telah berjuang dengan penuh semangat di sekitar kawasan Pasir Panjang, Buona Vista Labrador dan Alexander.

Pada zaman darurat juga, angkatan tentera telah melihat penubuhan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada tahun 1952.

Salah satu peristiwa yang sukar dilupai dalam sejarah TD ialah peristiwa tindakan tentera Jepun manawan Bukit Chandu yang dipertahankan oleh Platon No. 7, Kompeni C, Batalion Pertama Askar Melayu yang diketuai oleh Lt Adnan Saidi. Tentera musuh, setelah gagal dalam percuban yang pertama, mengulangi serangan dengan kekuatan yang berlipat ganda. Di dalam pertempuran yang sengit ini, ang-

orang-orang Melayu dan tidak lupa juga, individu-individu berbangsa Cina dan India telah diseksa dan dibunuhan dengan kejam. Terutama sekali, individu-individu berbangsa Melayu yang telah bertugas sebagai anggota polis di bawah pihak berkuasa Jepun. MPAJA kemudiannya menukar nama Anggota-anggota komunis telah bertindak dengan zalim dan melulu. Tiada langsung perasaan belas kasihan yang ditunjukkan terutama sekali kepada mereka-mereka yang disyaki tidak sehaluan dengan perjuangan mereka.

Pembunuhan tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak pada tahun 1948 telah menyebabkan kerajaan persekutuan mengisytiharkan darurat di seluruh kawasan Tanah Melayu. Sebulan kemudian, PKM telah diharamkan. PKM menggunakan strategi, bersekongkol dengan pihak-pihak kesatuan sekerja yang ada pada waktu itu di samping menubuhkan Persatuan Buruh Baru (New Democratic Youth League). Usaha untuk melakukan mogok yang mendapat sokongan daripada pihak PKM, walau bagaimanapun, telah gagal



gota Platon No. 7 telah berjuang dengan semangat yang gigih tanpa mengaku kalah. Lt Adnan sendiri mengendalikan senjata Lewis Machinegun dan mara untuk memberi semangat dan perangsang. Walaupun mengalami kecederaan, namun beliau telah menunjukkan semangat untuk terus berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Akhirnya tentera musuh telah berjaya menawan Bukit Chandu dan Lt Adnan telah ditikam dengan benet serta mayat beliau digantung kepala ke bawah di sebatang pokok.

Ancaman Komunis, Darurat dan Konfrontasi

Selepas tentera Jepun menyerah kalah kepada pihak British pada 15 Ogos 1945, telah terjadi kekosongan kuasa di Tanah Melayu, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman. Kontinjen pertama tentera British hanya tiba di Tanah Melayu pada tanggal 3 Sep 1945.

Ini disusuli dengan ketibaan tentera British di Singapura pada 8 Sep 1945. Dalam tempoh masa tujuh hari selepas penyerahan Tentera Jepun, berikutnya kekosongan kuasa pada waktu itu, anggota-anggota Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) yang merupakan cawangan Parti Komunis Malaya (PKM) telah keluar dari hutan-hutan dan mula menunjukkan kekuatan dan kuasa mereka. Ramai

dan undang-undang baru telah dibuat oleh pihak British untuk melemahkan PKM.

Darurat Tanah Melayu merupakan darurat yang telah diisytiharkan oleh kerajaan British di Malaya dari tahun 1948 sehingga tahun 1960. Darurat ini diikuti dengan penarikan hak-hak sivil, pemberian kuasa istimewa kepada pihak polis, dan langkah-langkah lain yang bertujuan untuk mengongkong kegiatan politik berhaluan kiri, terutamanya yang membabitkan PKM. Perang gerila merupakan sebahagian daripada konflik yang berlaku di antara PKM dan parti haluan kiri yang lain dengan kerajaan British bermula dari penyerahan Jepun pada tahun 1945 sehingga perjanjian damai di antara pihak PKM dan kerajaan Malaysia ditandatangani pada Dis 1989 di selatan Thai.

TD sekali lagi berhadapan satu ancaman besar dalam mempertahankan kedaulatan negara apabila Indonesia di bawah pimpinan Presiden Sukarno melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia pada 1963 dan menamatkannya pada 1 Jun 1966. Konfrontasi merupakan bantahan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia pada 16 Sep 1963 yang menggabungkan Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Konfrontasi ini berterusan selama tiga tahun dan banyak kejadian-kejadian serta pertempuran berlaku di antara TD dengan

SEJARAH TD

angkatan rejim Sukarno. Peristiwa pahit yang tidak dapat dilupai dalam ketika konfrantasi ialah Peristiwa Kalabakan yang berlaku pada 29 Dis 1963.

Dalam peristiwa ini, satu Pos Sementara Tentera di Kalabakan, Tawau Sabah dengan kekuatan satu platoon di bawah perintah Mej Zainal Abidin Haji Yaacob dari Kompeni C, Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja telah diserang ketika mereka sedang menunaikan solat Maghrib di bangunan madrasah. Walaupun dalam keadaan tidak tersedia, anggota-anggota platoon telah menentang musuh yang berlipat ganda ramainya dan memaksanya berundur. Serangan itu mengorbankan tujuh orang anggota platoon tersebut, termasuk Mej Zainal Abidin dan mencederkan 16 yang lain.

Di Semenanjung pula banyak peristiwa berlaku di kawasan Batu Pahat, Pontian, Kota Tinggi dan Labis dalam negeri Johor. Di kawasan ini angkatan musuh telah menyusup masuk melalui pantai. Mereka juga dapat masuk melalui udara dengan payung terjun di Labis pada 1 Sep 1964. Semua penyusupan ini dapat dipatahkan oleh TD dalam beberapa hari sahaja kerana pihak musuh langsung tidak dapat sokongan atau bantuan rakyat tempatan.

Peristiwa Bukit Jenalik

Pada tahun 2000 menyaksikan TD mendapat tamparan hebat selepas 43 tahun negara mencapai kemerdekaan, termasuk selepas semua ancaman komunis berakhir apabila sebuah Kumpulan Al-Maunah yang terdiri daripada 27 anggota melarikan senjata dan ribuan peluru pada subuh 2 Jul 2000 dari kem Rejimen Askar Wataniah di Gerik, Perak. Mereka berpakaian pegawai kanan tentera dan berlagak melakukan pemeriksaan mengejut ke atas Kem Rejimen Askar Wataniah serta berjaya memperdayakan anggota tentera di situ. Kumpulan tersebut diketuai Mohamed Amin kemudiannya mendirikan pangkalan rahsianya di kawasan hutan Bukit Jenalik, Sauk, Perak. Misinya untuk menggulingkan kerajaan Malaysia. Amin mengagih-agihkan semua senjata-senjata yang dilarikan tersebut kepada orang-orangnya untuk dilatih. Atas kebijaksanaan TD peristiwa itu dapat dipatahkan, namun tragedi hitam itu turut mengorbankan seorang anggota komando Grup Gerak Khas iaitu Truper Mathew Medan.

Peristiwa Kampung Tanduo

Setelah 13 tahun peristiwa di Bukit Jenalik, pada tahun 2013 negara dikejutkan dengan pencerobohan 235 orang Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kg. Tanduo, Daerah Lahad Datu, Sabah pada 9 Feb 2013. Kumpulan tersebut yang menggelarkan diri mereka sebagai Angkatan Keselamatan Diraja Kesultanan Sulu dan Borneo Utara, telah dihantar oleh Jamalul Kiram III yang merupakan salah seorang dari pihak-pihak yang menuntut takhta Kesultanan Sulu. Kiram menyatakan bahawa matlamat mereka adalah untuk menuntut kembali wilayah mereka di bahagian timur Sabah yang masih tidak dapat diselesaikan. Namun penglibatan TD dalam Op DAULAT berjaya mematahkan pencerobohan pengganas yang cuba menganggu gugat kedaulatan negara. Dalam operasi tersebut seorang anggota TD iaitu Pbt Ahmad Hurairah Ismail dari Batalion 7 RAMD terkorban semasa pertempuran di Sungai Nyamuk, Kg Tanjung Batu, Lahad Datu.



Perkembangan TD

Pada masa ini, TD sedang pesat dipermodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu untuk menghadapi cabaran masa depan yang mana TD merupakan komponen terbesar dalam ATM yang mempunyai 17 Kor terdiri dari pasukan tempur, pasukan bantuan tempur dan pasukan bantuan serta menyusun semula organisasinya yang melibatkan pembangunan dari segi peralatan dan logistik.

TD kini perlu mempamerkan keupayaan untuk bertindak sebagai sebuah angkatan tempur yang kredibel dan



seimbang serta berdaya tahan untuk memikul amanah sebagai benteng pertahanan negara dan kelengkapan yang serba canggih tidak akan menjanjiakan kejayaan dalam satu-satu pertempuran kerana keupayaan serta sumber aset manusia juga perlu selaras dengan pembangunan teknologi pertahanan.

Negara-negara luar yang begitu moden dengan aset peperangan beranggapan imej TD cukup tinggi kerana penglibatan anggota TD dalam misi-misi pengamanan dan pemantauan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) sedikit sebanyak menaikkan nama TD dimata dunia. Penglibatan TD



dalam membantu mengekalkan keamanan sejagat telah mendapat pengiktirafan dan sanjungan dunia khasnya PBB. Ini secara tidak langsung telah menaikkan imej negara demi menjaga hubungan baik dengan negara luar dalam aspek menghulurkan bantuan kepada masyarakat antarabangsa bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian dunia.

Pengiktirafan ini membolehkan TD diberi mandat untuk sama-sama melibatkan diri dalam melaksanakan misi-misi pengaman di bawah PBB bertitik mula dengan penglibatan ulung TD dalam misi pengaman di Congo, sehingga terus mendapat kepercayaan untuk terlibat dalam misi pengaman di Kemboja, Namibia, Somalia, Bosnia-Herzegovina

aset terpenting negara di kala menghadapi ancaman musuh malah menjadi barisan hadapan yang bersedia tampil untuk membantu rakyat dalam sebarang bentuk bencana dan malapetaka.

TD sentiasa bersiap sedia dengan segala keupayaan dan kelengkapan yang ada untuk menjaga keselamatan serta menjamin kedaulatan negara tidak digugat dan tergugat. TD merakamkan penghargaan kepada kerajaan Malaysia dia atas kepercayaan dan sokongan untuk pembangunan TD serta menghargai segala bentuk kerjasama dari mana-mana pihak

bagi menentukan penghormatan rakyat terus dipelihara demi tugas dan tanggungjawab mempertahankan maruah serta kedaulatan negara terus terpelihara selamanya. TD sentiasa bersiap sedia dengan segala keupayaan dan kelengkapan yang ada untuk menjaga keselamatan serta menjamin kedaulatan negara tidak digugat dan tergugat.

Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan Kertas Putih Pertahanan yang meneckankan peranan utama anggota tentera iaitu mengekalkan keamanan dan sentiasa bersiap sedia menghadapi setiap konflik bersenjata demi mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan kepentingan negara daripada ancaman luar yang mana TD sentiasa bersiap sedia sebilang masa.



serta Lubnan. Keadaan ini membuktikan bahawa TD mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab demi keamanan sejagat dengan cemerlang dan kejayaan yang kita raih semasa melaksanakan misi-misi ini telah diberi pengiktirafan antarabangsa khasnya dari Amerika Syarikat dan PBB sendiri dengan dibuktikan melalui peristiwa menyelamat tentera elit Amerika Syarikat di Pasar Bakara pada 3 Okt 1993 yang mana telah membuka mata dunia akan kewibawaan TDM.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya TD diusia 87 tahun telah membuktikan kewujudannya bukan sekadar menjadi



HTD Ke-87 Apa Kata Mereka ?


Negeri Sabah telah dipilih sebagai lokasi sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 yang diraikan pada 1 Mac setiap tahun. Membawakan tema Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa dengan pelbagai acara menarik diadakan melibatkan pasukan keselamatan bersama rakyat serta pemimpin tertinggi negeri di Stadium Likas, Kota Kinabalu. Sambutan HTD bermula di Tawau iaitu acara pertama merupakan Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat yang bertujuan mempamerkan ketumbuhan TD di Sabah melalui jelajah Battle Group hampir ke semua bandar utama di negeri ini. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan komitmen TD terhadap pertahanan dan kepentingan keselamatan Negeri Sabah. Pada masa sama ianya juga dapat meningkatkan interaksi antara rakyat dan warga TD.

Antara program lain yang turut diadakan ialah Pameran Kerjaya serta pengambilan Perajurit Muda, Pendaftaran Askar Wataniah, Pameran Senjata dan Aset

TD, Persembahan Tempur Tanpa Senjata, Pemeriksaan Kesihatan dan Pergigian percuma, Pertunjukan Payung Terjung, Persembahan Tambor, Demonstrasi Ikhtiar Hidup dan Demonstrasi Kawad Tindak Meriam.

Bagi acara kemuncak pula pada malam sambutan HTD seperti Persembahan Tatu iaitu satu pertunjukan yang istimewa melibatkan koordinasi pergerakan seragam, aksi lagak ngeri, aksi akrobatik dan muzikal pancaragam yang dipersembahkan oleh anggota TD khas buat warga Sabah. Pelbagai reaksi dan pandangan diberikan oleh pengunjung yang hadir dan rata-ratanya berpuas hati dengan sambutan HTD yang diadakan di Sabah. Bagi mengetahui lebih lanjut lagi reaksi dari penduduk Negeri Sabah, ikuti Tinjauan Pendapat dari Wartawan **Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)**, Sjn Nurulhaswani Ruzaini bersama Jurugambar BTDM, Kpl Ainur Aisyah Yahaya semasa sambutan HTD Ke-87 bertempat di Stadium Likas, Kota Kinabalu

Sabah Secara keseluruhannya sambutan HTD Ke-87 pada kali ini yang di sambut di Negeri Sabah amat tepat sekali kerana ramai rakyat Sabah berpuas hati akan segala aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu secara tidak langsung ianya membuktikan bahawa kredibiliti TD di Negeri Sabah amat menyakinkan rakyat Sabah. Ini menunjukkan TD tidak memilih kawasan mana yang harus dijaga dan perkara terpenting ialah maruah dan kedaulatan negara paling diutamakan bagi membolehkan rakyat tidur lena serta hidup dalam aman dan damai.





Zakiah Manaf, 57, beliau mengatakan pertama kali melihat sambutan tentera yang begitu meriah dan ah ini yang mana sebelum ini beliau tidak pernah melihat dengan lebih dekat sambutan HTD.

"Saya mengucapkan Selamat Hari Tentera Darat Ke-87 kepada semua warga Tentera Darat dimana perselembahan yang diadakan di sini amat menakjubkan kepada orang awam khususnya warga Sabah dan seumur hidup saya inilah sambutan HTD yang pertama saya lihat dan bangga melihat anggota TD," jelasnya.

Jason James, 43 mengatakan beliau berbangga dengan apa yang ditonjol serta dipamerkan oleh warga TD namun berharap TD mengadakan selalu aktiviti sedemikian bagi menarik golongan belia.

"Sebagai rakyat Sabah saya berasa amat bangga dan teruja dengan perselembahan yang ditonjolkan oleh barisan TD dan apa yang dipersembahkan ini dapat membantu serta menarik perhatian anak muda untuk menyertai tentera sebagai pilihan utama pekerjaan mereka bagi menjaga tanahair tercinta." jelas beliau.



Oliver Linggi, 41 berpendapat sambutan HTD ini amat bertepatan sekali dilaksanakan di Negeri Sabah pada tahun ini kerana sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda rakyat Sabah bahawa tentera tidak pernah jemu menjaga keamanan negara disamping rakyat sabah dapat mendekati dengan lebih dekat lagi akan kehidupan tentera.

"Saya berasa sangat teruja kerana tahun ini HTD Ke-87 telah memilih untuk disambut Di Negeri Di Bawah Bayu dan saya berharap TD terus memaparkan tugas dan peranan dalam melindungi kedaulatan, integriti dan kepentingan negara." katanya.

Martis Lee, 38, pula berkata amat gembira kerana dapat bawa anak-anak melihat pertunjukan dan perselembahan dari anggota TD sempena HTD Ke-87 dan beliau berharap agar tahun seterusnya akan diadakan lagi perselembahan sebegini di Sabah.



Salmah Taib, 36, beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada anggota tentera kerana telah berkorban nyawa mempertahankan tanah air yang tercinta dan dengan adanya pameran serta sambutan sebegini memberi lebih keyakinan rakyat terhadap tentera bahawa kedaulatan negara ini sentiasa di jaga oleh tentera.

"Tanpa warga tentera kami semua tidak mungkin dapat menjalani kehidupan yang sebegini setiap hari kerana saya tahu kerjaya seorang tentera ini melaksanakan kerja 24 jam tidak kira dimana berada terutama sekali menjaga persempadan negara," tegasnya.



Felicia Chua, 34, sebelum ini beliau hanya tengok kenderaan tentera hanya melalui kaca televisyen tetapi kini beliau dapat melihat dengan sendirinya di depan mata selain boleh juga mengambil gambar bagi tujuan simpanan untuk kenangan dimasa depan.

Tambah beliau lagi sambutan ini amat menarik dan berharap dipanjangkan masa dan hari bagi acara-acara pameran agar membolehkan warga Sabah yang

jauh hadir melihat asset TD dan perselembahan yang mengujakan oleh anggota TD.



OP PENAWAR

RISIKO DAN TANGGUNGJAWAB

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Umum telah mengetahui bahawa dunia kini sedang dilanda wabak pandemik Coronavirus atau lebih dikenali dengan panggilan COVID-19. Setiap hari, ada saja kes serta angka kematian yang dicatatkan di seluruh dunia meningkat. Virus ini bukanlah sesuatu yang perlu dipandang ringan kerana sehingga kini tiada lagi vaksin yang mampu melawan ancaman yang dibawa virus ini.

Wabak yang telah membunuh ribuan manusia di seluruh dunia ini telah memaksa dunia mengambil langkah-langkah pencegahan seperti melakukan proses nyah kuman, melaksanakan perintah berkurung dan sebagainya bagi memutuskan rantai jangkitan yang dibawa oleh virus COVID-19 ini.

Suguhpun begitu, masih lagi ada segelintir masyarakat yang tidak memandang serius akan perkara ini.

Di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020.

Orang ramai diminta supaya duduk di rumah dan hanya boleh keluar dari rumah sekiranya ada perkara penting untuk diuruskan. Arahan PKP ini untuk semua rakyat di negara ini dan hanya memberi pengecualian kepada segmen kritikal seperti keselamatan, penyiaran dan beberapa segmen lain.



Kini Malaysia berada dalam krisis perang malapetaka yang tidak pernah diimpikan atau dirasai akan berlaku. Rutin harian seseorang yang pergi bekerja, bermesyuarat, riadah, bersukan, makan, berlepak di kedai mamak, pasar raya atau panggung wayang sudah berubah sekelip mata.

Cuma aktiviti atas talian seperti kumpulan WhatsApp, Facebook, Instagram dan Twitter meningkat. Siapa sangka 17 Mac 2020 merupakan hari terakhir kehidupan yang dinikmati selama ini tanpa sempat bersyukur ke atasnya. Segalanya terhenti dan kehidupan berubah. COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan juga Malaysia merupakan penyakit luar biasa yang tidak mengenal agama, etnik, ritual, kepercayaan, gender maupun fahaman politik.

Jangan disalahkan gerakan ijtimak tabligh kerana mereka juga tidak tahu kehadirannya. Ia adalah musuh yang tidak diketahui ada di mana. Kita perlu keluar daripada melabel, stereotyping dan bersifat prejudis. COVID-19 juga tidak kenal persempadan manusia hatta dunia. Begitu juga dengan institusi atau struktur sosial maupun sistem politik, budaya, norma, dan nilai manusia.

Ia adalah Perang Dunia Ketiga melalui rangkaian jaringan globalisasi ciptaan manusia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan COVID-19 sebagai pandemik sekali gus menegaskan penularan dan keadaan wabak itu yang teruk adalah sangat membimbangkan.

Bermula di Wuhan, kini di Malaysia dan kita perlu berhadapan dengan pandemik ini. Rantaian pandemik ini mesti diputuskan dan bukan dibiarkan merebak. Ikatannya juga perlu dihentikan kerana pergerakannya terlalu pantas dan agresif sifatnya sehingga apabila sedar kita positif, virus ini sudah membunuh. Seluruh dunia mengambil keputusan drastik dengan menutup aktiviti awam menjadi keutamaan, perkhidmatan kurang berkepentingan dihentikan sementara waktu.

Maka kita mula kenal perkataan kuarantin, essentials, frontliners dan moratorium. Ramai yang berkorbani dan bersengkang mata untuk mengekang wabak ini.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Kerajaan telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 hingga 14 Apr 2020. Lanjutan daripada pengisyiharan



tersebut, langkah-langkah susulan telah diambil bagi menyelaras dan memperincikan pelaksanaan PKP.

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan mesyuarat penyelarasan antara agensi kerajaan pada 17 Mac 2020 untuk memperincikan pelaksanaan PKP agar Perintah ini dapat berjalan dengan baik dan lancar serta memastikan keperluan orang ramai kepada perkhidmatan-perkhidmatan asas tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini berkuatkuasa.

PKP ini berkuatkuasa mulai jam 12.00 tengah malam, 18 Mac 2020. Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk mematuhi semua peraturan yang telah diputuskan oleh pihak berkuasa. Bagi melaksanakan PKP, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 telah diwartakan pada 18 Mac 2020.

Pegawai Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan RELA telah dilantik sebagai pegawai diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Bagi meningkatkan lagi keberkesanan Perintah Kawalan Pergerakan ini, orang ramai dinasihatkan supaya berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Selain itu, amalkan penjarakan sosial (social distancing) dari orang sekeliling demi mengelakkan jangkitan COVID-19.

OP PENAWAR Bermula

Selepas tiga hari pelaksanaan PKP hanya kira-kira 60 peratus rakyat yang mengikuti arahan tersebut menyebabkan tindakan lebih tegas perlu diambil kerana peningkatan kes

semakin meningkat setiap hari. Pada ketika itu, PDRM telah melakukan 504 sekatan jalan raya di seluruh negara melibatkan penugasan kira-kira 8,600 anggotanya.

Akhirnya kerajaan telah bersetuju khidmat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dikerah untuk membantu PDRM memantau pematuhan PKP bagi memastikan rakyat berada di rumah masing-masing dalam usaha membendung COVID-19. Perkara tersebut diputuskan oleh Menteri Pertahanan yang juga Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pada satu sidang akhbar di Kuala Lumpur.

Operasi ini dilancarkan pada 22 Mac 2020 dan di beri nama Operasi PENAWAR (OP PENAWAR). Usaha kawalan itu dibuat di bawah Seksyen 5 Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Langkah itu dilaksanakan bagi mengurangkan beban PDRM dalam penugasan sepanjang perintah berkenaan selain mahu melihat keberkesannya terhadap orang awam yang enggan mematuhi perintah tersebut. Atur gerak tentera ini melibatkan ketiga-tiga cabang ATM dan bukanlah perintah darurat, sebaliknya bagi meningkatkan pematuhan rakyat terhadap kawalan tersebut.

Penugasan ATM tidak melibatkan penggunaan kenderaan berperisai atau kereta kebal di tempat awam seperti dibayangkan sekelompok rakyat. Ia kerana ATM sendiri mempunyai tatacara pelaksanaan sesuatu penugasan bagi membezakan antara operasi tempur dan operasi ketenteraan selain daripada perang. Tugas membantu pihak berkuasa awam termasuklah dalam kategori tersebut.

Penugasan ATM pada saat ini juga amat dialu-alukan sebahagian besar



rakyat yang mahu pematuhan PKP dilaksanakan lebih tegas sekali gus penularan wabak COVID-19 dapat diminimumkan. Bagi mereka yang masih keliru berhubung penglibatan ATM memantau pematuhan PKP, ia jelas terkandung dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) iaitu menggariskan dua peranan ATM melibatkan peranan utama dan sekunder.

Menerusi KPP, ATM berperanan melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan tanah air daripada serangan musuh. Peranan sekunder pula ialah melaksanakan operasi ketenteraan selain peperangan, membantu pihak berkuasa awam dalam penguatkuasaan serta sokongan usaha keamanan sejagat melalui panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).


Gabungan kerjasama antara ATM dan PDRM berhubung soal keselamatan juga bukan baharu, malah pernah ditonjolkan menerusi inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) pada tahun 2011.

Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM menyambut baik langkah kerajaan dalam menguatkuasakan PKP kerana ia merupakan langkah terbaik untuk memutuskan rangkaian wabak COVID 19. Justeru, masyarakat perlu faham bahawa PKP dilaksanakan atas pertimbangan sewajarnya demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Keputusan melibatkan ATM dalam membantu PDRM juga adalah satu

yang wajar agar PKP ini dapat dilaksanakan atau dikuatkuasakan dengan sebaik mungkin.

Justeru, peranan ATM yang bermula pada 22 Mac 2020 adalah membantu PDRM dalam mengadakan rondaan, sekatan jalanraya, mengawal hospital dan sempadan, kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan awam yang berisiko tinggi. Kolaborasi ATM dan PDRM ini tidak perlu dipertikai-kank terutama sejauh mana peranan



yang dibawa oleh ATM.

Pada awal OP PENAWAR dilaksanakan, PKP mencapai kadar pematuhan 90 peratus, namun masih ada jumlah 10 peratus yang masih ingkar. Peratusan tersebut melibatkan kira-kira 3 juta orang dan ia merupakan satu jumlah yang besar.

Kegagalan juga bukanlah suatu pilihan di dalam ATM dan justeru itu, apabila tugas diberi untuk membantu PDRM, ATM secara langsung akan membantu memupuk sifat berdisiplin di kalangan rakyat Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah dan arahan

yang sah yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. ATM juga bersetuju untuk penguatkuasaan PKP ini diberi tumpuan lebih kepada kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti lokasi pasar dan pasar raya di mana didapati sehingga kini pengguna masih bersesak dan tidak mengamalkan penjarakan sosial (social distancing).

Orang ramai juga dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang berita tular terutama melibatkan informasi, gambar, video atau rakaman suara yang menunjukkan atur gerak ATM pada skala besar maupun perlakuan tidak munasabah yang bakal diambil oleh anggota tentera. Ini kerana ia boleh mencetuskan kebimbangan serta panik dan secara tidak langsung menunjukkan kaedah yang tidak benar dalam penguatkuasaan PKP ini. Secara keseluruhan, seramai 7,500 anggota ATM ditugaskan untuk membantu PDRM.

Anggota-anggota ATM daripada ketiga-tiga perkhidmatan ini ditugaskan di lokasi Sekatan Jalan Raya (SJR) dan lokasi rondaan MPV di seluruh negara setiap hari.

Dron Tingkat Penguatkuasaan PKP

ATM dan PDRM mula mengaturgerakkan penggunaan teknologi dron dalam PKP bagi mengawasi kawasan titik panas di seluruh negara. Penggunaan dron tersebut adalah untuk menentukan penguatkuasaan PKP agar dilaksanakan dengan lebih efisien untuk membuat liputan serta pengawasan dari udara dengan cepat bagi mengawal pergerakan orang ramai selain turut membantu pergerakan anggota tentera dan polis yang melakukan penujasan sampai ke sesuatu tempat dengan lebih pantas.

Dron berkenaan turut dilengkapi dengan alat teknologi pengesan haba dan pembesar suara mini sebagai medium kawalan pengawasan yang lebih menyeluruh. Apa yang menariknya, dron yang digunakan ini juga berupaya memberikan siren amaran dan nasihat kepada masyarakat untuk mematuhi PKP dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil.

Cara sedemikian dilihat efektif bagi menyampaikan amaran dan maklumat di kawasan lebih luas dan



jauh kerana masih ramai individu gagal mematuhi arahan apabila masih banyak kenderaan dilihat berada diatas jalan raya. Antara lokasi penggunaan dron ialah di tempat-tempat tumpuan awam seperti Pasar Borong Selayang, Pasar Keramat, Chow Kit dan Little India, di Brickfields.

Pada masa sama ATM juga ada menghantar unit-unit dron ke beberapa kawasan di luar Kuala Lumpur, mengikut keadaan kawasan yang mana ada kumpulan-kumpulan masih lagi berdegil melanggar arahan PKP. Gambar yang diambil dari dron akan disalurkan kepada tim di lapangan untuk diambil tindakan seterusnya.

PDRM melalui Unit Dron Pasukan Gerakan Udara (PGU) bersama ATM kini dilihat menggunakan dron secara meluas bagi mengawal dan memantau pergerakan orang awam sepanjang tempoh PKP. Jika sebelum ini dron digunakan hanya sebelah siang, namun penggunaan dron kini diperluaskan pada sebelah malam bagi memantau pola pergerakan orang awam di pusat bandar serta di sekitar Lembah Klang selain turut digunakan di kawasan zon merah wabak COVID-19.

ATM turut menggunakan dron dalam melaksanakan pemantauan dari udara di Simpang Renggam, Johor bagi mempertingkatkan pematuhan masyarakat kepada penyuatuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). PKPD di Simpang Renggam telah dikuatkuasakan mulai 27 Mac hingga 9 Apr 2020 yang mana merupakan usaha memutuskan rantaian wabak COVID-19 melibatkan Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid serta sembilan kampung berhampiran.

Elaun Khas COVID-19

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan pemberian elauan khas kepada petugas barisan hadapan (frontliners) dan ini memberi suntikan moral kepada anggota tentera yang turut terlibat dalam usaha memerangi wabak COVID-19 di negara ini.

ATM amat menghargai Elauan Khas RM 200 sebulan melalui pakej rangsangan tersebut yang diberikan kepada

beberapa pasukan keselamatan termasuk anggota tentera atas penglibatan secara langsung dalam menguatkuasakan PKP.

Selain itu, Elaun Khas sebanyak RM 600 sebulan kepada doktor dan kakitangan perubatan dapat memberi suntikan moral kepada petugas Perkhidmatan Kesihatan ATM yang turut terlibat dalam membantu Kementerian Kesihatan Malaysia merawat dan menguruskan mereka yang telah positif dijangkiti COVID-19. Pembayaran elaun bermula Apr 2020 sehingga ancaman wabak COVID-19 tamat.

Risiko OP PENAWAR

Anggota tentera turut terkesan dengan penularan COVID-19. Ini terutamanya penglibatan anggota tentera dalam melaksanakan OP PENAWAR bagi membantu pihak PDRM menguatkuasakan PKP.

Mereka juga turut berisiko untuk dijangkiti dan menjangkiti orang lain termasuk keluarga terdekat mereka semasa menjalankan tugas. Namun atas tugas dan tanggungjawab seperti yang termaktub dalam peranan sekundernya, ATM mengambil amanah ini sebagai tanggungjawab dalam melindungi rakyat dan negara dari sebarang ancaman yang boleh menjelaskan kesejahteraan semua.

Selain itu anggota ATM juga ditempatkan di kawasan atau titik panas melibatkan kawasan jangkitan yang meningkat naik seperti di Simpang Renggam, Johor manakala Kuala Lumpur pula di Menara City One, Jalan Munshi Abdullah, Bangunan Selangor Mansion dan Malayan Mansion, Jalam Masjid India yang di isytihar PKPD. Pada awal operasi ini, ada juga segelintir rakyat yang mempertikaikan kehadiran anggota tentera sehingga ada yang beranggapan tentera akan melakukan kekerasan.

Ada juga yang membuat viral di media sosial dan bermacam lagi mengatakan tentera menyalahguna kuasa sehingga menimbulkan panik dikalangan rakyat. Namun ramai juga yang menyokong kehadiran ATM dalam membantu pihak PDRM semasa pelaksanaan PKP.

Tag Line Stay Healthy, Protect Yourself

Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menegaskan semua anggota TD untuk menjaga kesihatan dan melindungi diri mereka dari dijangkiti wabak COVID-19 semasa melaksanakan OP PENAWAR. Oleh itu TD telah menerangkan tagline atau cogan kata *Stay Healthy, Protect Yourself* iaitu Jaga Kesihatan,

Lindungi Diri buat warga TD yang melaksanakan OP PENAWAR bagi membendung penularan COVID-19.

PTD berpesan kepada anggota yang bertugas bahawa peraturan ditetapkan kepada yang bertugas merupakan langkah pencegahan bagi mengelakkan mereka dari dijangkiti yang mana boleh menyebabkan sesuatu fasiliti tentera akan lumpuh.

Setiap anggota TD mestilah sihat dalam menjalankan tugas serta mengikuti prosedur yang telah diberi agar tidak ada anggota yang positif COVID-19 semasa melaksanakan tugas kerana sekiranya ada salah seorang daripada anggota yang positif COVID-19 ianya boleh menyebabkan satu kemiskinan.


Kesimpulan

OP PENAWAR ini adalah satu operasi kerjasama diantara pihak ATM dan PDRM bagi memutuskan rantaian virus COVID-19 dari terus merebak dan berjangkit dengan lebih cepat. Rakyat juga perlu memahami bahawa penglibatan ATM adalah untuk membantu pihak PDRM bagi mendisiplinkan rakyat agar mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Selain itu kolaborasi ini akan memantapkan lagi penguasaan serta kerjasama di antara ATM dan PDRM. Orang ramai dinasihatkan agar memberi kerjasama sepenuhnya kepada ATM dan PDRM dalam menguatkuasaan PKP ini agar tidak menimbulkan sebarang permasalahan yang boleh merumitkan keadaan.

Jangan menimbulkan sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat palsu yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam. Rakyat juga perlu tahu bahawa mereka bukan musuh ATM tetapi musuh utama ialah virus COVID-19 yang tidak boleh dilihat dengan mata, tidak boleh dibunuh dengan peluru malahan amat berbahaya kepada seluruh rakyat dan negara. Bahkan dunia sendiri mengalami perkara yang sama. Mana-mana negara didunia kini sedang berperang dengan virus ini sehingga masih belum terciptanya vaksin bagi menghapuskan COVID-19. Sesungguhnya tanggungjawab dalam menghapuskan rantaian wabak COVID-19 ini bukan terletak 100% di bahu semua agensi atau petugas yang digelar sebagai frontliner.

Rakyat juga seharusnya bertanggungjawab dalam memberikan kerjasama sepenuhnya untuk mematuhi PKP agar wabak ini dapat dibendung keseluruhannya.



Lawatan PTD Ke Simpang Renggam



Oleh: Risik Pasukan

JOHOR: Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah melawat penugasan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Simpang Renggam Kluang pada 14 Apr 2020.

Beliau sendiri turun padang serta meninjau anggota yang sedang melaksanakan tugas di Sekatan Jalan Raya (SJR) di Simpang Parit Hj Salam.

SJR ini dipertanggungjawabkan kepada anggota Rejimen ke-33 Artilleri Diraja (33 RAD) yang bergilir-gilir mengawasi lingkungan kawasan zon merah.

Penugasan mereka adalah bagi memastikan penduduk mematuhi PKP yang dilaksanakan bagi menekang penularan wabak Covid-19.



Panglima Tentera Darat turut menyampaikan sumbangan serta memberi kata-kata semangat kepada anggota ATM dan PDRM yang bertugas.

Beliau turut meninjau SJR di Plaza Tol Simpang Renggam yang dilaksanakan oleh anggota ATM dari Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja (5 RAMD) bersama-sama anggota PDRM.

Kehadiran Panglima Tentera Darat secara tidak langsung dapat menaikkan moral anggota yang sedang bertugas demi keselamatan masyarakat sekeliling dari dijangkiti virus Covid-19.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Mohd Nazir Hj Mami, Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Datuk Tengku Mohd Fauzi Tengku Ibrahim dan Ketua Staf Markas Tentera Darat, Mej Jen Datuk Zakaria Mohd Yadi.



MENHAN Dan PTD Tinjau Op PENAWAR



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan (MENHAN) Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bersama Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj

yang telah dikeluarkan serta dapat melihat keberkesanan langkah ini melalui kolaborasi dua agensi keselamatan negara.

Turut mengikuti tinjauan tersebut Timbalan MENHAN, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz serta pegawai kanan Tentera Darat.

Stay Healthy Protect Yourself OP PENAWAR – PTD

KUALA LUMPUR: Tentera Darat (TD) telah mengeluarkan tagline atau cogan kata *Stay Healthy, Protect Yourself* iaitu Jaga Kesihatan, Lindungi Diri buat warga TD yang melaksanakan OP PENAWAR bagi membendung penularan COVID-19 yang dilaksanakan bermula 22 hingga 31 Mac 2020.

Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menegaskan semua anggota TD untuk menjaga kesihatan dan melindungi diri mereka dari dijangkiti wabak COVID-19 semasa melaksanakan OP PENAWAR.

PTD berpesan kepada anggota yang bertugas bahawa peraturan ditetapkan kepada yang bertugas merupakan langkah pencegahan bagi mengelakkan mereka dari dijangkiti yang mana boleh menyebabkan sesuatu fasiliti tentera dikuarantin.

"Kita mesti sihat dalam menjalankan tugas kita serta ikutlah prosedur yang telah diberi dan kita tidak mahu ada anggota yang positif (COVID-19) semasa melaksanakan tugas.

"Kita kluatir sekiranya kalau salah seorang daripada anggota kita positif (COVID-19) menyebabkan satu kem dikuarantin, maka eloklah kita buat langkah pencegahan sebelum kita menyesal," kata PTD kepada pemberita selepas meninjau Sekatan Jalan Raya (SJR) di Jalan Ampang pada 23 Mac 2020.

Pelaksanaan OP PENAWAR telah melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 18 hingga 31 Mac 2020.

Selain itu, PTD menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anggota ATM serta PDRM yang bertugas demi negara dan rakyat serta turut berpesan kepada anggota yang bertugas bahawa peraturan ditetapkan kepada yang bertugas merupakan langkah pencegahan bagi mengelakkan mereka dari dijangkiti.

Kerjasama di antara ATM dan PDRM ini dilihat sebagai salah satu usaha serius kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19 dimana atur gerak ini membolehkan penguatkuasaan PKP dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan rakyat mematuhi arahan yang telah dikeluarkan serta dapat melihat keberkesanan langkah ini melalui kolaborasi dua agensi keselamatan negara. - **Kpl Ainur Aisyah Yahaya, Gambar: Saifun Hakimi Zainon**



PTD Tinjau Pengoperasian Dron OP PENAWAR



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi meninjau pengoperasian dron bagi memantau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sebagai usaha membendung peningkatan wabak Covid-19 di sekitar kawasan Cheras pada 28 Mac 2020.

Semasa tinjauan tersebut, PTD melihat sendiri keadaan dan cara pelaksanaan pengoperasian Tim Dron ATM disamping melihat kesiapsiagaan anggota pasukan keselamatan yang terlibat dalam operasi Sekatan Jalan Raya (SJR) yang dilaksanakan.

"Keberadaan kita disini, disebabkan arahan Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara untuk menggunakan pakai dron dan kita telah aturgerakkan Tim Dron ATM dan PDRM untuk digunakan dalam OP PENAWAR.

"Kelebihan dron ini dapat menjimatkan masa serta dapat pergi ke tempat yang sukar dipantau dengan lebih cepat dan dengan menggunakan teknologi ini akan membantu menjadi mata kepada kami.

"Ianya akan digunakan di kawasan merah yang telah dikenal pasti yang mana penerbangan dron ini bukanlah sesuka hati kerana ia mengikut perancangan khas ATM, PDRM dan pihak berkuasa lain," katanya dalam sidang media semasa tinjauan pengoperasian dron.

Beliau juga berharap dengan adanya penggunaan dron ini akan memantapkan PKP selain dapat memberi lebih kesedaran kepada rakyat agar mematuhi PKP.

Tambah beliau lagi, ATM turut membantu pihak polis dan pihak berkuasa tempatan di kawasan Simpang Renggam, Johor yang diistiharkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) serta turut melibatkan pegawai dan anggota perubatan ATM.

Selain itu PTD mengatakan dua perkara dihadapi kini iaitu virus COVID-19 yang tidak dapat dilihat dan juga netizen yang tidak mematuhi arahan PKP yang mana jika kes semakin meningkat

berkemungkinan PKP ini akan terus berlanjutan.

"Adanya kami disini sebab ketidakpatuhan tersebut, selagi tidak patuh selagi itu kami bertugas. "Jangan anggap pihak berkuasa sebagai musuh, kita adalah pasukan sahabat yang hendak menentukan bahawa rangkaian wabak ini dapat diputuskan agar rakyat boleh kembali menjalani kehidupan seperti biasa," katanya.

Jelasnya lagi, langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan ini adalah untuk kebaikan dan bukan untuk menyusahkan rakyat serta beliau merayu kepada semua pihak yang tidak ada kepentingan untuk keluar agar mematuhi PKP ini.

Turut hadir dalam tinjauan berkenaan Panglima Medan Barat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan.



Pelancaran Bantuan Bekalan Makanan Sarawak (Fasa 1- Bahagian Miri)



SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah hadir ke Majlis Simbolik Pelancaran Bantuan Bekalan Makanan Sarawak (Fasa 1-Bahagian Miri) sempena Program Agihan Bantuan Kerajaan Negeri Sarawak ke Kawasan Pedalaman bagi tempoh Fasa 2 Perintah Kawalan Pergerakan pada 5 Apr 2020.

Majlis disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Hj Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Hj Openg.

Menurut Ketua Menteri Sarawak, semua kenderaan yang membawa bekalan makanan dibenarkan untuk membuat penghantaran ke seluruh Sarawak tanpa sebarang sekatan.



Kebenaran itu diberikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memastikan penduduk tidak menghadapi masalah bekalan makanan sepanjang tempoh penguatan kuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagi kawasan yang jauh di pedalaman, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersetuju untuk membantu membuat penghantaran menggunakan helikopter.

“Beberapa kawasan yang tidak boleh atau sukar dihubungi melalui jalan darat seperti Bario, Telang Usan, Baram, Lawas, Sri Aman dan Kapita akan dibantu oleh ATM dengan menggerakkan aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk mempercepatkan penghantaran

bekalan makanan ke kawasan terbabit.

“Sebagai permulaan hari ini, penghantaran makanan menggunakan helikopter TUDM dilaksanakan ke kawasan Bario,” katanya dalam kenyataan selepas melancarkan Program Penghantaran Bekalan Makanan disempurnakan di hangar Unit Udara JBPM, Miri.

Tambah beliau lagi pihak TUDM akan memberi jaminan penghantaran bekalan makanan ke semua 13 lokasi pedalaman menggunakan helikopter EC725 bergantung kepada keadaan cuaca.

Selain itu, Kerajaan Sarawak turut menyediakan peruntukan berjumlah RM16.4 juta untuk memastikan bekalan makanan mencukupi untuk setiap rakyat.

Kira-kira 450,000 rakyat Sarawak menerima bekalan



makanan apabila setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) diperuntukkan RM200,000 dan golongan sasaran yang dibekalkan dengan makanan asas ini terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) di kawasan luar bandar dan pedalaman, penduduk miskin bandar dan mereka yang terputus pendapatan kerana PKP.

Semua penerima bantuan makanan itu ditentukan oleh Jawatankuasa Bencana Bahagian atau Daerah yang terdiri daripada Residen, Pegawai Daerah, agensi-agensi Kerajaan, Pusat Khidmat ADUN dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Turut hadir Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abd Rahman A. Wahab dan Komander Rejimen 511 AW, Brig Jen Abang Mohamad Abang Marzuki.

PTD Lawat OP PENAWAR KTJ 2 Bgd

Oleh: Cwg Risik MK 2 Bgd

PERAK: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Lawatan Kerja ke OP PENAWAR Kawasan Tanggungjawab (KTJ) 2 Bgd pada 8 Apr 2020.

Ketibaan PTD disambut oleh Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman di SJR Bidor dan seterusnya dibawa ke Wisma Perwira 2 RRD untuk sesi Taklimat Op Penawar.

Selesai taklimat, PTD dibawa melawat ke SJR Tambun dan dibawa melawat ke beberapa lokasi SJR di sekitar Ipoh.

Lawatan yang diadakan adalah untuk melihat sendiri perlaksanaan Operasi Penawar di KTJ 2 Bgd.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Asisten Ketua Staf



Cawangan Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad, Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Ya'cob Hj Samiran dan Ketua Polis Perak, Datuk Razarudin Husain@ Abd Rasid.

Lawatan PMTTD Ke Kem Penrissen dan Kem Semenggo



SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMTTD), Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain melawat Kem Penrissen dan Kem Semenggo pada 8 Apr 2020.

Di Kem Penrissen, beliau telah memantau keadaan kemudahan pasar basah yang terdapat di dalam kem serta turut melawat PERNAMA. Ia bertujuan memastikan agar keluarga warga Medan Timur tidak menghadapi kesulitan membeli barang basah dan kering semasa mereka sedang melaksanakan OP PENAWAR yang mana Perintah Kawalan Pergerakan telah memasuki Fasa kedua.

PMT TD juga turut melaksanakan lawatan ke RKAT Kem Semanggo bagi melawat kediamaan anggota. Turut hadir, Kol Operasi MK PMTTD, Kol Abd Munir Hj Abd Rani dan Ketua Staf Markas Briged Ketiga Infantri, Lt Kol Salleh Mohamad.

PMT TD Lawat Kediamaan Anggota Sukarela Rej 511 AW

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah melawat kediamaan keluarga Anggota Sukarela Rej 511 AW di Kuching pada 9 April 2020.

Beliau mengadakan lawatan ke lima buah kediamaan anggota sukarela yang bertugas sebagai *frontliners* untuk melihat keadaan keluarga semasa suami masing-masing sedang bertugas menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2. Panglima Medan Timur juga ingin memastikan kebijakan keluarga anggota terbela.

Turut hadir, Komander Rejimen 511 AW, Brig Jen Abang Mohamad bin Abang Marzuki, Timbalan Komander Rej 511 AW, Lt Kol Mohd Nadzri Ismail, Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 511 AW, Lt Kol Mahadi bin Hj Khalid.



PTD Lawat OP PENAWAR KTJ 4 Bgd MEK

PAHANG: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah membuat lawatan ke OP PENAWAR di bawah Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Briged Keempat Infantri Malaysia (Mekanize) Kuantan pada 7 April 2020.

Ketibaan PTD telah disambut oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan bin Atan sebelum beliau diberi taklimat berkenaan penugasan anggota di OP PENAWAR. Selesai sesi taklimat, beliau kemudiannya berkesempatan melawat ke dua lokasi Sekatan Jalan Raya (SJR) di Jalan Kuantan-Sg Lembing dan SJR Tanjung Lumpur (berhadapan KPJ Pahang Specialist Hospital).

Lawatan ini adalah bertujuan bagi berkongsi maklumat dan mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap pelaksanaan OP PENAWAR di



sekitar KTJ 4 Bgd (Mek).

Turut hadir Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Asisten Ketua Staf Cawangan Sumber Manusia, Mej Jen

Dato' Badrul Hisham bin Muhammad, Ketua Polis Pahang, CP Datuk Abd Jalil Hassan dan Ketua Polis Daerah Kuantan, ACP Mohamad Noor Yusof Ali. - PRTD

PTD Lawat OP PENAWAR KTJ 11 Bgd

SELANGOR: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah mengadakan lawatan ke lokasi Sekatan Jalan Raya (SJR) di kawasan Lebuhraya PLUS bagi penugasan OP PENAWAR di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Briged Ke-11 Infantri Malaysia (11 Bgd) pada 8 Apr 2020.

Beliau telah melawat ke lokasi pelaksanaan SJR di Plaza Tol Sg Buloh (Utara), Selangor.

Ketibaan beliau disambut oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Norsham Md Tap dan Ketua Polis Daerah Sg Buloh, Supt Shafa'aton Abu Bakar.

Seterusnya PTD diberikan taklimat ringkas berkenaan penugasan anggota ATM membantu PDRM dalam operasi ini.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada petugas-petugas PDRM dan ATM yang melaksanakan penugasan SJR di lebuhraya.

Turut hadir Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Haji Mohd Nazir Hj Mami dan Asisten Ketua Staf Cawangan Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad.



BAKAT ATM Sumbang 10,000 Kotak Makanan Kepada Petugas Barisan Hadapan

Oleh: MK ATM

KUALA LUMPUR: Atas rasa keprihatinan dan tanggungjawab sosial terhadap kebajikan keluarga anggota tentera khasnya dan anggota tentera amnya, Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hari ini menyumbangkan 10,000 kotak makanan sebagai tanda sokongan kepada anggota tentera yang bertugas dalam menguatkuasakan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Tengku Puteri Seri Teja Puan Seri Tengku Muhamini Almarhum Sultan Ahmad Shah telah menyampaikan pek makanan kepada para petugas ATM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang bertugas untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dari terus merebak di negara ini.

Tengku Muhamini berkata, sumbangan ini merupakan pek makanan ringan untuk para petugas yang terlibat, dengan harapan ianya sedikit sebanyak dapat memberi sokongan moral dan menceriakan petugas barisan hadapan di sepanjang penugasan mereka.

"Sumbangan 'tip bits' ini untuk menceriakan anggota tentera yang bertugas. Kami sediakan air kotak, gula-gula, kek, buah, roti gardenia, kismis dan biskut yang disediakan serta dibungkus oleh ahli-ahli BAKAT sendiri,

"Niat kami (ahli-ahli BAKAT) hanya untuk menceriakan mereka yang bertugas, "ambil mereka bertugas dan ada kalanya tiada masa untuk berehat, jadi kami sediakan makanan ringan yang sihat untuk mereka," jelasnya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumbangan BAKAT ATM Kepada Petugas Barisan Hadapan COVID-19 di Wisma Pertahanan pada 3 Apr 2020.



Beliau berkata sumbangan ini adalah hasil kerjasama daripada semua BAKAT perkhidmatan yang terdiri daripada BAKAT Darat, Laut, Udara dan Gabungan serta beberapa penyumbang individu yang lain.

Dalam masa yang sama, Tengku Muhamini menegaskan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menyediakan aktiviti-aktiviti untuk anak-anak supaya mereka sentiasa berada di rumah.

"Ibu bapa kena kreatif dan keluarkan idea yang bernes untuk mengisi masa lapang mereka supaya anak-anak tidak bosan duduk dirumah.

"Selain itu, masa PKP ini juga adalah masa yang sesuai untuk mereka meluangkan lebih masa kepada keluarga dan anak-anak," tambah Tengku Muhamini.

Memasuki hari ketiga fasa kedua Perintah Kawalan Pergerakan, anggota ATM terus komited dalam membantu PDRM menguatkuasakan kawalan tersebut bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Lebih 6,000 anggota ditugaskan untuk membantu PDRM dalam penugasan ini.

PAT Turun Padang Melihat Kesiagaan ATM

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM turun padang



melihat kesiagaan anggota ATM dan PDRM yang terlibat dalam penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Sekitar Kawasan Tanggungjawab pada 1 Apr 2020.

Lawatan kerja ini melibatkan beberapa lokasi Sekatan Jalan Raya (SJR) termasuk lokasi yang dikategorikan dalam Zon Merah dan dikuatkuasakan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu di City One Plaza. Antara lokasi SJR yang dilawati adalah di Plaza Tol Subang, Plaza Tol Bukit Jelutong, Plaza Tol Rawang Selatan (Guthrie), KM 14 Arah Rawang (Jalan Selayang), Tol Gombak dan Kg Klang Gates. - MK ATM

Kursus Asas Pegawai PRJ dan PTRJ Peringkat MK TD Siri 1/2020

KUALA LUMPUR: Seramai 17 peg dan 24 Lain-Lain Pangkat (LLP) anggota daripada BCJ di bawah naungan MK TD telah berjaya menamatkan Kursus Asas Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) & Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Peringkat MK TD Siri 1/2020 Tahun 2020 bertempat di Dewan Watan Bahagian Pasukan Simpanan (BPS) mulai 28 hingga 30 Jan 2020.

Objektif kursus adalah untuk memahami konsep perundangan dan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib 2003 (Akta 629) dan juga melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.

Penceramah Jemputan Pegawai Arkib

Negara, Puan Nor'Atiqah Safri dari Seksyen Pengurusan Rekod, Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Pertahanan. - Mej Ishraq Ibrahim, Gambar: Sjn Haidy



Kunjungan Hormat Provost Marsyal Darat Ke atas Pengarah SPRM Negeri Selangor



SELANGOR: Provost Marsyal Darat, Brig Jen Abd Wahab Geoh telah melakukan Kunjungan Hormat ke atas Pengarah SPRM Negeri Selangor, Dato' Hj Alias Salim, bertempat di Pejabat SPRM Negeri Selangor pada 29 Jan 2020.

Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan berkaitan isu-isu semasa dan tugas penyiasatan selain dapat mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua agensi.

Lawatan berakhir dengan pertukaran cenderahati di antara Provost Marsyal Darat dan Pengarah SPRM Negeri Selangor.

Turut hadir Ketua Cawangan Siasatan Zon Tengah, Mej Mohd Syafean Sahrudin. - Detektif Syaiful Amir

Serah Terima Tugas Ketua 48 CSJ KPTD

KUALA LUMPUR: Seramai 11 pegawai dan 59 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari 48 Cawangan Siasatan Jenayah KPTD terlibat di dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Cawangan Siasatan Jenayah 48 CSJ KPTD yang diadakan di Markas 48 CSJ KPTD, Jalan Padang Tembak , Kuala Lumpur pada 10 Mac 2020.

Mej Razman Mat Rawi telah menyerahkan tugas dan tanggungjawab selaku Pemangku Ketua CSJ kepada Ketua CSJ yang baharu, Lt Kol Asmadi Ahmad dan disaksikan oleh Provost Marsyal Tentera Darat, Brig Jen Abd Wahab Geoh

Perbarisan diketuai oleh Ketua Anti Narkotik, Mej Harun Salim dan turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Zon CSJ. - Kpl Syaiful Amir Alias, Gambar: Detektif Shamsul Shaari



SUDUT PENGORBANAN



Mej (B) Dato' Salehuddin Abd Mutallib PGB

Ketuai Operasi Teliti 2 (Operasi Bertaraf Rahsia Besar)

Saya terpaksa meniru tandatangan ayah saya untuk mengisi borang menjadi seorang Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja (MTD) di Sungai Besi. Masa tu saya ada terbaca sebuah iklan dalam surat khabar Utusan Melayu. Ayah saya memang tak bagi untuk memasuki bidang ketenteraan ni, kalau boleh kedua ibu bapa ingin melihat saya menjadi seorang guru sekolah demi meneruskan perjuangan bapa saya sebagai seorang pendidik", ujar Mej (B) Dato' Salehuddin Abd Mutallib PGB.

Bagi mengikuti lebih lanjut pengalaman serta pengorbanan yang dicurahkan Mej (B) Dato' Salehuddin Abd Mutallib PGB, ikutilah Wawancara Wartawan **Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)**, Sjn Nurulhaswani Ruzaaini bersama Jurugambar BTDM, SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan bersama beliau.

Mej Dato' Salehuddin Abd Mutallib PGB dilahirkan pada 16 Nov 1948 di Rumah Guru, Sek Melayu Jalan Sungai

Nibong, Telok Anson Perak, merupakan anak kedua daripada Sembilan orang adik beradik dan bapanya bekerja sebagai seorang guru.

Memulakan kerjaya dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai Pegawai Kadet Tauliah Jangka Tetap pada 6 Mei 1967 dan ditauliahkan ke Rejimen Peninjau Malaysia pada 12 Apr 1969 serta mula bertugas di Pasukan Rejimen Pertama Peninjau Malaysia di Kem Sunggala, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Dengan kelulusan dan kemahiran yang dimiliki dalam bidang perisikan, saya telah ditumpangkan ke Kor Risik ATM serta ditempatkan di Angkatan Tentera Cawangan Khas (ATCK) atau *Military Intelligent Special Branch* di Bukit Aman pada tahun 1972 serta bertugas sebagai Pegawai Perisikan Tentera atau *Military Intelligent Officer* (MIO) di Sandakan.

Memandangkan ketika di Sandakan tiada ancaman daripada sebarang element *subversive* atau lain-lain ancaman, saya telah ditugaskan menjadi Pegawai Penyelaras Operasi Bersama

SUDUT PENGORBANAN

Indonesia/Malaysia di Wongpadong, Semanggang, Divisyen Kedua, Sarawak dibawah MIO Sarawak, Kapt Maulud Maamin.

Saya ditempatkan disini untuk menyelaras kesemua informasi dan maklumat termasuk mengawal kesemua operasi gabungan berkaitan dengan ancaman komunis di Malaysia dan Indonesia.

Pada masa itu, satu serang hendap telah dilakukan oleh segerombolan pengganas komunis di Jalan Biawak/Titiakar, Lundu di Bahagian Pertama di mana 15 orang anggota keselamatan daripada Rejimen Ketujuh Renjer Malaysia telah terkorban. Oleh demikian saya diarahkan oleh Kapt Maulud Maamin berpindah ke Lundu Bahagian Pertama untuk mencari maklumat membanteras kesemua pergerakan komunis di sana.

Semasa di Lundu, saya mengendalikan satu operasi bersama pihak Cawangan Khas Polis DiRaja Malaysia, Cawangan Sarawak dan Bahagian Perisikan Angkatan Tentera yang dinamakan Operasi Teliti 2. Operasi ini dilancarkan berikutan kejayaan pihak Cawangan Khas Sarawak dibawah pimpinan Deputi Superintendant Polis, Yuen Yet Leng berusaha dengan gigih sejak tahun 1971 menyusupi organisasi dan rangkaian perhubungan Pasukan Militan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU/NKCP).


Ketika itu seorang pengganas komunis telah menyerah diri kepada orang kampung di Lubuk Antu, Semanggang dan seterusnya diserahkan kepada pihak Polis Cawangan Khas Semanggang. Semasa disoal siasat, pihak polis mendapati satu maklumat yang amat penting dimana pengganas yang menyerah diri itu daripada anggota Unit Bersenjata 1026 (Combat Unit 1026), Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU).

Tetapi unit penggempur yang bergerak dan beroperasi di kawasan Semanggang ini sebenarnya daripada Unit Bersenjata 330 (Combat Unit 330) PARAKU. Satu operasi yang bertaraf Rahsia Besar dirancangkan untuk menjemput Commander Pasukan Bersenjata 330 PARAKU, Commander Fam Tze Heong dan isterinya, Comrade Hoi Yen selaku Pegawai Kewangan Combat Unit 330 yang sarat mengandung ketika itu bertemu untuk berbincang penggabungan Combat Unit 330 dan Combat Unit 1026.

Pertemuan ini adalah untuk meletakkan Comrade Hoi Yen dirumah penyokongnya supaya dapat melahirkan anak pertama mereka. Maklumat ini didedahkan oleh pengganas

komunis yang menyerah diri itu.

Misi ini sepertutnya diketuai oleh MIO Sarawak, Kapt Maulud Maamin namun atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, tempat itu diganti oleh saya. Saya diarahkan untuk mengetuai sendiri Operasi



Teliti 2 serta memimpin tiga orang bekas pengganas komunis yang baru saja menyerah diri untuk menangkap Commander Fam Tze Heong dan isterinya hidup-hidup atau pun membunuh mereka jika perlu.

Tiga orang *Surrendered Enemy Personnel* (SEP) yang akan bergerak bersama saya ialah SDO Ah Chai, SEP Ah Lee, SEP Sar Kim dan SEP Peng Kuan. Saya dikehendaki belajar cara-cara hidup sebagai seorang pengganas komunis serta gerakan -gerakan yang dilaksanakan oleh mereka sehari sebelum kami bergerak.

Pada 16 Julai 1972 ketika jam 11.30 malam, kami bergerak ke simpang Engkelili/Semanggang yang dihantar oleh Pbt Omar menggunakan kenderaan MIO dan meninggalkan Balai Polis Semanggang setelah makan malam dan menerima maklumat terakhir daripada *District Special Branch Officer* (DSBO), Dep Supt Polis Bobby Ong Yon Chuan.

Setelah bergerak lebih kurang selama satu jam, kami diturunkan lima kilometer dari persimpangan masuk ke Jalan Engkelili. Dari situ, kami dikehendaki berjalan kaki ke lokasi yang ditetapkan lebih kurang lima jam. Dan pada jam 0430 pagi, kami telah mengambil tempat masing-masing untuk membuat serang hendap.

Semasa Operasi Teliti 2 ini kami tidak dibenarkan membawa sebarang bekalan makanan dan hanya dibekalkan dengan senjata serta peluru sahaja.

Lebih kurang jam 0615 pagi 17 Julai 1972, SEP Ah Lee pergi berseorangan ke rumah penyokong mereka dan meninggalkan sepucuk surat untuk disampaikan kepada Ketua Pasukan Bersenjata 330 (Combat Unit 330), Commander Fam Tze Heong.

Sewaktu menunggu kedatangan Commander Fan Tze Heong dan Comrade Hoi Yin, kami tinggal di dalam belukar berdekatan dengan rumah penyokong tersebut dan pada setiap hari SEP Ah Lee akan keluar mengambil makanan yang telah dimasak oleh penyokongnya yang berhampiran.

Memandangkan semua masakan yang diberi tidak halal, maka saya terpaksa memakan roti kering bekalan yang saya bawa hasil masakan isteri Pbt Omar dan minum air sungai sahaja.

Semasa Operasi Teliti 2 ini, kami dilarang sama sekali memasak makanan atau pun mengisap rokok bagi mengelakkan dari dikesan oleh pengganas komunis yang lain. Kami menghabiskan masa dengan persiapan dan latihan cara-cara hendak menangkap mereka berdua.

Mengikut perjanjian antara SEP Ah Lee dan penyokongnya, ketibaan Commander Fam Tze Heong dan Comrade Hoi Yin di rumah penyokong tersebut akan dimaklumkan melalui isyarat batuk oleh penyokong tersebut. Sebagaimana yang dijanjikan, tepat jam 0000 malam 20 Julai 1972, saya terdengar bunyi batuk dari arah rumah penyokong.

"Itu dia sudah datang. Baiklah lu pergi sekarang dan jaga baik-baik", kata SEP Ah Lee lalu dia mencapai senapang LE Riflenya terus meninggalkan kami.

Sewaktu SEP Ah Lee pergi menjemput kedua mereka, saya, SDO Ah Chai, SEP Sar Kim dan SEP Pang Kuan turut mengambil tempat seperti mana yang telah dirancangkan. Ikat perancangannya, SEP Ah Lee akan pergi menjemput Commander Fan Tze Heong dan isterinya serta membawa mereka melalui lorong tempat saya berada manakala SEP Sar Kim, SEP Pang Kuan dan SDO Ah Chai menanti untuk menangkap atau membunuh mereka berdua.

SEP Ah Lee akan berjalan dihadapan dengan meninggalkan Commander Fan Tze Heong dan isterinya dalam jarak antara lima ke 10 kaki, saya akan berada diatas lorong tersebut sementara SDO Ah Chai, Sar Kim dan Peng Kuan akan berada di sebelah kiri saya. Apabila sampai dihadapan saya, SEP Ah Lee akan meloncat



dibelakang tempat duduk saya supaya saya dapat melepaskan tembakan permulaan ke arah *Commander Fan Tze Heong* dan isterinya.

Selepas meninggalkan kami, saya terdengar buni pergerakan dalam keheningan tengah malam tersebut. Saya tidak begitu khuatir dengan



buni tersebut kerana mengetahui bahawa buni tersebut ialah buni pergerakan SEP Ah Lee, *Commander Fan Tze Heong* dan isterinya. Saya yakin operasi yang sedang berlangsung ini berjalan dengan lancar sebagaimana yang saya rancangkan.

Dengan senjata *Sub Machine Gun* yang telah siap sedia bercekah, saya menanti ketibaan SEP Ah Lee dalam kegelapan malam dengan hati yang berdebar. Lama kelamaan buni pergerakan yang saya dengar semakin hamper dan degupan jantung saya semakin kencang. Setibanya dihadapan saya, SEP Ah Lee melompat ke belakang saya.

Commander Fan Tze Heong tiba-tiba berada dihadapan saya kerana beliau berjalan agak pantas dengan SEP Ah Lee. Dengan tidak berlengah lagi saya menarik picu senjata untuk melepaskan satu tembakan semburan ke arah *Commander Fan Tze Heong* dan isterinya. Namun tembakan yang saya lepaskan jaraknya terlalu dekat kira-kira lima kaki sahaja menyebabkan *Commander Fan Tze Heong* yang terkena tembakan itu tidak rebah tetapi isterinya yang berada dibelakang beliau jatuh ke bumi selepas satu semburan peluru yang saya muntahkan ke arah mereka berdua dalam kegelapan

malam itu

Selepas itu, saya melihat *Commander Fan Tze Heong* berdiri sambil melepaskan tembakan melulu beberapa butir ke kiri dan kanan menjadikan saya bertambah cemas. Dengan erat saya menggenggam laras senjata SMC yang tidak berpeluru itu lalu melepas satu pukulan ke tengkok *Commander Fan Tze Heong*. Oleh kerana hayunan yang begitu kuat dan tepat mengenai sasaran, maka *Commander Fan Tze Heong* rebah ke tanah dan senjata SMC yang saya pegang juga terlucut dari genggaman lalu terpelanting ke dalam semak.

Saya menerpa ke arah *Commander Fan Tze Heong* sambil dengan pantas memulas tengkoknya beberapa kali. Kemudian secepat kilat saya mengeluarkan parang yang berada dipinggang serta terus membenamkan hujung mata pisau saya hingga kehulunya ke dada *Commander Fan Tze Heong*



Dato Salehuddin bersama isteri

dengan dua tikaman.

Selepas itu, saya terdengar Hoi Yen sedang mengerang kesakitan dihadapan saya dan kerana khuatir beliau

akan bertindak secara membuta tuli melepaskan tembakan lagi ke arah saya, dengan tidak melengahkan masa saya menerpa pula ke arahnya sambil melibas paras ke dada dan perutnya.

Sewaktu saya melepaskan tembakan kearah *Commander Fan Tze Heong* dan isterinya, saya hanya mendengar satu dua butir sahaja peluru yang ditembak oleh salah seorang bekas pengganas yang berada dikiri saya. Entah kemala hala tembakan itu saya tak pasti. Apa yang pasti selepas pertempuran selesai, saya membuat pemeriksaan peluru dan mendapati dua butir sahaja yang digunakan oleh DO Ah Chai.

Manakala SEP Sar Kim dan SEP Pang Kuan langsung tidak melepaskan tembakan dan memeberi alasan takut kalau-kalau tembakan tersebut terkena saya. Namun, saya menjangan bahawa mereka tidak sampai hati untuk bertindak ke atas bekas ketua mereka. Ini kerana mereka pernah tinggal dihutan bersama bertahun-tahun lamanya untuk menegakkan ideologi komunis yang sama-sama mereka dukung.

Setelah pasti kedua-dua pengganas telah tidak bernyawa lagi, saya mengumpulkan senjata, peluru 4 dan peralatan yang didapati daripada mereka berdua iaitu sepucuk senapang AK 47 buatan Rusia bersama empat kelopak, sepucuk Stangun bersama dua kelopak, peluru 7.62mm sebanyak 120 butir dan peluru 9mm sebanyak 50 butir serta dua beg galas yang berisi kelengkapan peribadi, peta dan dokumen pengganas.

Oleh kerana *Commander Fan Tze Heong* dan isterinya merupakan pemimpin tertinggi kumpulan mereka, maka beg galas kedua saya menjumpai wang kertas Ringgit Malaysia dan Rupiah Indonesia serta dua dua jongkong emas.

Setelah hari siang, saya terus berjalan ke Balai Polis Engkelili untuk menghubungi Balai Polis Semanggang bagi memaklumkan kejayaan yang telah dicapai disamping meminta Pbt Omar untuk mengambil kami kembali ke Semanggang. Setibanya di Balai Polis Semanggang, saya menyerahkan kesemua SDO, SEP dan senjata serta peluru kepada DSBO, DSP Bobby Ong Yon Chuan.

Saya terus bergerak menuju ke Kem Wongpadong untuk membawa masuk anggota-anggota dari Batalion Keempat Rejimen Renjer bawah pimpinan Lt Kol Anthony Silva ke tempat kejadian untuk membawa mayat-mayat pengganas komunis yang telah saya bunuh.

LATIHAN





" Tidak ramai orang awam sedia menghadapi cabaran serta mengabdiikan diri demi menjaga dan mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama"

Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli dan Saifun Hakimi Zainon

NEGERI SEMBILAN: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyeru Perajurit Muda (PM) supaya menghayati sumpah perajurit dan berpegang teguh kepada ikrar kesatria yang telah berjasa kepada mereka yang terdahulu.

Selain itu PTD berharap Perajurit Muda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tugas yang diamanahkan kerana suasana bekerja di pasukan adalah berbeza dengan dunia latihan.

"Amalkan apa yang dilatih dan didik kerana itulah bekalan saudara di pasukan nanti kerana tiada lagi jurulatih yang akan membimbing dan menegur setiap kesalahan yang dilakukan" kata PTD semasa ucapan beliau

Hayati Sumpah Perajurit - PTD

OP PENAWAR



dalam Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda Lelaki Siri 190/2019 di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Bandar TD pada 15 Feb 2020.

Tambah PTD lagi, tidak ramai orang awam sedia menghadapi cabaran serta mengabdikan diri demi menjaga dan mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama namun PM merupakan insan terpilih yang diamanahkan oleh tuhan untuk menggalas tugas ini.

"Setiap anggota perlu memiliki ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam bidang masing-masing kerana kekuatan fizikal dan mental sahaja

belum cukup untuk memacu Tentera Darat TD ke arah kecemerlangan," ujar PTD.

Dengan ilmu dan kemahiran yang dimiliki tugas akan dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut perubahan persekitaran yang berlaku dan PTD turut berpesan supaya sentiasa berusaha dan merebut peluang menambah pengetahuan agar PM menjadi aset berguna bukan beban kepada TD.

Pengambilan PM pada kali ini turut mengutamakan kepada pemohon yang mempunyai akademik yang



terbaik untuk menghasilkan keupayaan tenaga kerja yang berasaskan pengetahuan dan kemahiran ke arah askar pintar selain untuk meningkatkan kesiapsiagaan Tentera Darat Malaysia (TDM) dengan penyediaan aset dan kelengkapan yang diperlukan.

Ianya sejajar dengan Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang dibentangkan oleh Menteri Pertahanan dalam Bab 4 iaitu Angkatan Masa Hadapan yang menyatakan bahawa Kerajaan akan





membangunkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menjadi angkatan yang bersepdua, tangkas dan berfokus yang mampu bertindak balas terhadap ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional semasa aman atau konflik dengan tahap kesiagaan yang tinggi untuk melaksanakan operasi ketenteraan dalam persekitaran yang tidak menentu.

Seramai 1809 PM yang berkeyakinan diri, berketerampilan, berdisiplin

serta kompeten untuk mencapai kualiti sumber manusia yang terbaik sesuai dengan kehendak TD berjaya menamatkan latihan selama enam bulan bermula dari 2 Ogos 2019 hingga 15 Feb 2020.

Terdahulu, ketibaan PTD disambut oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah bersama Kol Zambery Jefry Hj Darus lalu menerima tabik hormat dari kontijen perbarisan diketuai PM Muhammad Alif Najmi Rabiul Shawal yang juga merupakan PM Keseluruhan Terbaik.

Perbarisan diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada PM meliputi beberapa kategori dimana

PM Akademik Terbaik diberikan kepada PM Raymond Ma, PM Kecergasan Jasmani Terbaik ialah PM Mohammad Haizan Idris manakala PM Kawad Terbaik, PM Muhammad Ridzuan Maula Mohd Rezal dan PM Penembak Terbaik di berikan kepada PM Shahirul Hafizal Mohamad.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan.



Majlis Pemakaian Pangkat MK PMTTD



Oleh: Mej Muhammad Muzhafar Salji
Gambar: Sjn Mohd Khairil Anuar Zhali

SARAWAK: Majlis Pemakaian Pangkat pegawai dan anggota Lain Lain Pangkat (LLP) Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (MK PMTTD) telah di laksanakan di Foyer MK PMTTD pada 6 Jan 2020.

Pemakaian pangkat daripada Kapt ke Mejari melibatkan dua pegawai iaitu Kapt Syarini Marzukhi dan Kapt Muhammad Hanafi Arshad . Bagi anggota LLP, Pbt Muhamad Najib Asni Hanapiyah dinaikkan pangkat dari Pbt ke Lans Koperal berkuatkuasa.

Majlis telah disempurnakan oleh Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain.

UJL 5 Km Uji Kecergasan Warga MK PMTTD

SARAWAK: Seramai 31 pegawai dan 62 anggota Lain- Lain Pangkat (LLP) Markas Pemerintahan Medan Timur TD telah melaksanakan Ujian Jalan Laju (UJL) lima kilometer di sekitar kawasan Kem Muara Tuang pada 23 Jan 2020.

UJL dilaksanakan bagi menguji kecerdasan mental dan fizikal serta kemampuan daya tahan dalam apa jua keadaan selain dapat menilai perintah dan kawalan serta meningkatkan kerjasama antara satu sama lain.

UJL ini adalah permulaan siri UJL sebelum diteruskan dengan UJL lapan km bagi mengekalkan kecerdasan warga PMTTD-Cwg Risik MK PMTTD



Lawatan Penuntut Kursus KPSM Siri 49/2020

SARAWAK: Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat telah

menerima lawatan daripada Penuntut Kursus KPSM Siri 49/2020 pada 3 Feb 2020.



Ketua Staf Am Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said telah menyampaikan taklimat kepada penuntut kursus tersebut di Dewan Serbaguna, Kem Muara Tuang bagi memberi pendedahan mengenai peranan, tanggungjawab dan aturgerak Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMT TD) serta isu-isu keselamatan yang berlaku di Sabah dan Sarawak.

Turut hadir, Komandan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) Brig Jen Dato' Mohd Sofi Md Lepi dan Panglima 3 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Isa Jaafar. **Perhubungan Raya MK PMTTD**

Pertandingan Menembak

Monthly Medal MK PMTTD

Oleh: PR MK PMTTD

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah menghadiri Pertandingan Menembak *Monthly Medal* MK PMTTD Siri 1/2020 di Lapang Sasar 25 Meter, Kem Muara Tuang pada 27 Jan 2020.

Tujuan menembak *Monthly Medal* ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran pengendalian dan melatih keupayaan menembak pistol di kalan-gan pegawai MK PMTTD.

Selain itu, aktiviti menembak ini diadakan adalah untuk memilih pen-embak yang terbaik bagi mewakili tim Medan Timur bagi acara menembak pistol bersama Ketua Jabatan/Agensi Perkhidmatan Awam negeri Sarawak yang akan berlangsung pada 30 Jan 2020.

Pertandingan menembak pistol telah dijalankan secara liga terdiri daripada 12 kumpulan daripada pelbagai Sel/Cawangan MK PMTTD.

Bagi kategori *Winners Pool*, tempat ketiga jatuh kepada Tim *Winter Soldier* disertai KS Am, Atur Turus, Cwg Armor, Cwg Artileri manakala tempat kedua Tim *Bulls Eye* dari 72 RSPMT dan tempat pertama dimenangi oleh Tim *Wild Wild West* dari Cawangan Latih yang turut disertai oleh Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk



Zamrose Mohd Zain.

Selain itu, turut dipertandingkan adalah kategori *Loser Pool* yang mana kategori ini, Naib johan jatuh kepada Tim *Sniper* dari Cwg Ops dan Johan dimenangi Tim *Hawkeye* dari Senggaraan. Material serta Tim yang memenangi pertandingan ini telah menerima hadiah berupa wang tunai.

Turut hadir Ketua Staf Am, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said dan Ketua Staf Perkhidmatan, Brig Jen Hj Ismail Hj Mogiri.

Program *Connectivity Engagement Talk* Tingkat Pengetahuan Warga PMTTD

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah menghadiri Program *Connectivity Engagement Talk* yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kem Muara Tuang pada 29 Jan 2020.

Program ini bertujuan untuk memberi penerangan dalam sistem C2 MAF yang menyokong pengoperasian ATM di kawasan Malaysia Timur.



Ia juga, memberi maklumat tentang rancangan masa depan pembangunan dan peningkatan Sistem Komunikasi ATM di setiap peringkat yang meliputi strategik, operasional dan taktikal yang berkonsepkan *connectivity, enhancement* dan *convergence*.

Anggota pengendali program ini adalah pegawai dan anggota LLP daripada Bahagian KOMLEK, Pusat Komunikasi Satelit (PKS), Rejimen Perhubungan Strategik (RPS), Tim Projek NCO, Cawangan OPLAT TD, Jab RSD, Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP) serta rakan strategik ATM dari SCS, TM dan SAPURA.

Selain itu, turut diadakan Sesi Dialog PMT TD dan AKS KOMLEK bersama peserta yang hadir.

Turut hadir Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Abu, Panglima 3 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Isa Jaafar, Panglima 5 Bgd, Brig Jen Datuk Muhammad Hafizzudeain Jantan, Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab dan Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain. - PR MK PMTTD

Acara Menembak Simbolik Sambutan HUT PMTTD KE-6

Oleh: PR MK PMTTD

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah merasmikan Acara Menembak Bersama Agensi Penguatkuasa Tempatan Negeri Sarawak di Lapang Sasar 25m Kem Muara Tuang, Kota Samarahan pada 30 Jan 2020.

Dalam acara ini, Panglima Medan Timur TD turut menyempurnakan Pelancaran Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-6 Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (HUT PMTTD) dalam suatu acara gimik ringkas dan simbolik.

Majlis telah bermula dengan tembakan pelarasan dan ketibaan serta ucapan pembukaan oleh PMT TD disusuli acara *Pool Bull* dan diteruskan dengan pertandingan menembak pistol.

Acara Menembak Bersama Agensi Penguatkuasa Tempatan Negeri Sarawak ini merupakan program yang julung kalinya dianjurkan di Bumi Kenyalang.

PMT TD dalam ucapannya turut menyatakan bahawa sebagai agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam hal-hal penguatkuasaan dan keselamatan, Tentera Darat di ketumbukan PMT harus memiliki teras ikatan kerjasama profesional yang sihat, kukuh dan mesra dengan agensi-agensi keselamatan serta penguatkuasaan lain di negeri ini.

Sebanyak 13 tim dari agensi keselamatan dan penguatkuasaan tempatan terlibat disamping tim



dari pihak media di Sarawak turut mengambil bahagian termasuk semua formasi tentera di bawah naungan PMTTD.

Tempat ketiga pertandingan menembak pistol dimenangi oleh Pusat Latihan Polis Di raja Malaysia (PULAPOL) Sarawak, manakala tempat kedua dimenangi Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) Sarawak manakala Johan pertandingan diungguli oleh Tim Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat yang turut disertai oleh Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain.

Majlis penyampaian hadiah serta pertukaran cenderahati kepada wakil agensi turut diadakan sebelum diakhiri dengan majlis makan tengah hari di Wisma Perwira Sri Kenyalang

Turut serta Panglima formasi bawah naungan PMT TD dan pegawai kanan TD.

Majlis Perasmian Gimnasium Kem Muara Tuang

SARAWAK: Majlis Perasmian Gimnasium Kem Muara Tuang telah disempurnakan oleh Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain pada 12 Feb 2020.



Majlis telah dimulakan dengan Upacara Mendaratangani Nota Serah Terima Projek Naik Taraf Gimnasium Kem Muara Tuang diantara Ketua Staf Am Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat selaku Komander Garisson

Kem Muara Tuang, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said dengan Penolong Jurutera Awam JKR Bhg Samaran, Noorahim Nordin disaksikan PMT TD.

Seterusnya PMT TD telah memotong reben perasmian dan mendaratangani Plaka Perasmian Gimnasium Kem Muara Tuang.

Projek pembinaan Gimnasium Kem Muara Tuang telah bermula pada 3 Okt 2019 dan telah siap keseluruhannya pada 1 Dis 2019.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan MK PMTTD. - PR MK PMTTD

Serah Terima Tugas Kol Operasi MK PMTTD

Oleh: PR MK PMTTD

SARAWAK: Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (MK PMTTD) mengadakan Majlis Serah Terima Tugas Kolonel Operasi MK PMTTD bertempat di Ruang Legar MK PMTTD pada 23 Feb 2020.

Serah Terima Tugas ini di antara Brig Jen Rizuan Abu Bakar dan Kol Abdul Munir Hj Abdul Rani disaksikan oleh Ketua Staf Am MK PMTTD, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said.

Turut hadir Kol Risik, Kol Zamri Kamarudin dan Kol Perubatan, Kol Dr Meor Adzhary Sagiruddin.



Pertandingan Sajak PMTTD Tahun 2020

SARAWAK: Seramai 60 pegawai dan 600 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari formasi 9 Bgd dan 31 Bgd hadir menyaksikan Pertandingan Sajak Peringkat Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD) yang diadakan di Dewan RASCOM, Kem RASCOM Sibu pada 12 Feb 2020.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab yang mewakili Panglima PMT TD.

Seramai 16 peserta sajak telah mengambil bahagian yang mewakili setiap formasi dibawah PMTTD dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Pegawai dan

Lain-Lain Pangkat (LLP).

Pertandingan mendeklamasikan sajak ini bertemakan Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD) terbitan Siri 1 hingga 100.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta yang mana bagi kategori pegawai tempat pertama dimenangi oleh Lt M Muhammad Syariffudin Md Sukor dari 31 Bgd, tempat kedua dimenangi oleh Kapt Abdul Qayyum Rosli dari PMT TD dan tempat ketiga dimenangi oleh Lt Nuraini Rahman dari 5 Div.

Bagi kategori LLP pula tempat pertama dimenangi oleh

PW II Nik Faizal Nik Wail dari 9 Bgd, tempat kedua dimenangi oleh LKpl Mohamad Hafiz Ishak dari 3 Bgd dan tempat ketiga dimenangi oleh Kpl Karuni Alwi.

Bagi pemenang tempat pertama kedua-dua kategori akan mewakili PMT TD ke pertandingan peringkat TD yang akan diadakan pada 21 hingga 23 Feb 20 di Dewan RASCOM, Kem RASCOM Sibu.

Turut hadir Ketua Staf MK 9 Bgd, Lt Kol Mohd Aklif Hj Abd Rajak dan Pegawai Memerintah serta Pemerintah naungan 9 Bgd. - Sjn Donny



Riadah Pegawai Peringkat Kentonmen Sungai Besi

Oleh: Kpl Norirawati Abdul Wahab

KUALA LUMPUR: Seramai 62 pegawai peringkat Kentonmen Sungai Besi telah menyertai Riadah Pegawai Peringkat Kentonmen Sg Besi bagi acara memanah dengan bantuan dan bimbingan dari Pusat Cemerlang Memanah Tentera Darat iaitu pasukan 74 Bn KPD bertempat di Lapang Sasar Memanah Tentera Darat, Kem Perdana, Sg Besi pada 14 Jan 2020.

Acara dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Ketua Tim Memanah TD, Mej Suhaila Abd Malek.

Tujuan riadah ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman baharu dalam sukan memanah kepada pegawai Kentomen Sg Besi di samping mengeratkan hubungan sesama pegawai.

Turut hadir Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj



Mohd Hassan Loman, Ketua Staf Perkhidmatan, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah dan Pegawai Memerintah 74 Bn KPD Lt Kol Zamri Zainal.

Serah Terima Tugas KS Perkhidmatan

KUALA LUMPUR: Seramai 45 pegawai dan 91 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) telah terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD di Kompleks MK PMBTD pada 3 Mac 2020.

Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah secara rasminya menyerahkan tugas dan tanggungjawab beliau sebagai Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD kepada Brig Jen Ab Aziz Mohd Sharif yang disaksikan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami.

Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah dalam ucapannya menzahirkan perasaan terharu dan ucapan terima kasih terhadap sokongan serta semangat kerjasama yang telah diberikan oleh semua pegawai dan anggota MK PMBTD sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD.

Acara diakhiri dengan jamuan ringan di Bilik Rehat Pegawai MK PMBTD serta penyerahan cenderahati oleh PMB TD kepada Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah.

- Kpl Nor Azlina Abd Azmi



Road Show Task Force Perisai Wira



KUALA LUMPUR: Seramai 29 pegawai dan 273 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Kentonmen Kem Perdana Sg Besi terlibat dalam Program Road Show Task Force Perisai Wira yang diadakan di Dewan Dato Jamil Ahmad pada 22 Jan 2020.

Ceramah yang bertajuk Ancaman Extremisme dan terrorisme kepada ATM disampaikan oleh Ketua Cawangan Anti Keganasan BSPP, Lt Kol Dr Zulkarnain Haron.

Objektif utama program ini adalah untuk terus memberi kesedaran kepada warga TD supaya tidak terpengaruh atau melibatkan diri dengan perjuangan kumpulan-kumpulan ekstrimis, radikal dan militan yang disampaikan dalam bentuk syarahan dan dialog.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman kepada warga tentera mengenai Undang Undang Anti Keganasan di negara ini serta implikasi terhadap kerjaya mereka dalam ATM.

Turut hadir Pemangku Panglima Briged Altileri Roket, Kol Shamsuddin Hj Hasni dan semua pegawai di bawah Kentonmen Sg Besi. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi

Seminar Collaboration Call Pegawai Memerintah PMBT Siri 1/2020



Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

PAHANG: Semua Pegawai Memerintah Pasukan Tempur, Bantuan Tempur dan Bantuan Khidmat serta Timbalan

Komander AW di bawah naungan PMBTD telah menghadiri Seminar *Collaboration Call* Pegawai Memerintah Siri 1/2020 bertempat di Bukit Tinggi bermula pada 03 hingga 06 Feb 2020.

Seminar yang dianjurkan oleh Cawangan Tadbir MK PMBTD ini adalah untuk menerangkan Pencapaian Direktif PMBTD tahun 2019 serta rancangan tahun 2020 bagi mendapatkan maklumat dari Pegawai Memerintah juga untuk menambah pemahaman lebih mendalam Bidang Kuasa Pegawai Memerintah serta isu-isu semasa berkaitan perundangan.

Ianya dilaksanakan dalam bentuk syarahan oleh Staf MK PMBTD dan Pensyarah emputan (SME) serta pembentangan plan tindakan sindiket dan Sesi dialog bersama PMBTD bagi mengupas isu-isu yang berbangkit secara mendalam.

Majlis diakhiri dengan acara penutup Seminar *Collaboration Call* Pegawai Memerintah Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat Siri 1/2020 dan Pelancaran Direktif Panglima Medan Barat Tentera Darat 2019-2020.

Bengkel Inovasi dan KIK PMBTD 2020

PULAU PINANG: Seramai 20 pegawai dan 29 anggota Lain-Lain Pangkat terdiri daripada Pegawai Inovasi & KIK Formasi dan Pasukan menyertai Bengkel Inovasi & KIK PMBTD anjuran Sel JLJ MK PMBTD yang disempurnakan oleh KS Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman bertempat di MSS Pulau Pinang pada 20 hingga 23 Jan 2020.

Objektif utama bengkel adalah untuk memberikan lebih pemahaman berkenaan tatacara penyediaan pelaporan yang melibatkan Inovasi & KIK.

Peserta berpeluang mendengar sendiri kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti semasa pemeriksaan fizikal

oleh Tim Pemeriksa APITD tahun 2019 dan seterusnya mengambil langkah pembetulan bagi pelaporan untuk tahun 2020.

Pucuk pimpinan MK PMBTD sentiasa memandang serius terhadap keperluan yang digariskan oleh Markas Tentera Darat dan sentiasa berusaha memperbaiki segala kelemahan yang dikenalpasti demi menambahbaik sistem pengurusan di segenap lapisan pemerintahan.

Pengisian bengkel merangkumi sesi syarahan daripada *Subject Matter Expert* (SME) berkaitan Inovasi & KIK seperti Syarahan Berkaitan Senarai Semak APITD 2020, Pendedahan Terhadap Penemuan Pemeriksaan



Tahun 2019 dan *Wow Factor* oleh IJ TD, Brig Jen (Dr) Kwong Fook Wen, Syarahan KIK Horizon Baru oleh Mej Mohd Ghazali Abdul Rahman, Ketua Tim produk inovasi SMART UAV TD yang memenangi tempat kedua di dalam pertandingan *International Innovation and Creativity 2019* di Tokyo, Jepun selain Syarahan Pengurusan Nilai & Etika Oleh PS 1 Integriti dari BITD.

Turut hadir, Kol Tadbir MK PMBTD, Kol Hashim Osman. - Mej Norhaida Azmi

Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf MK PLTD

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

NEGERI SEMBILAN: Seramai 42 pegawai dan 115 anggota Lain Lain Pangkat (LLP) dari Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (MK PLTD) diketuai oleh Ketua Cawangan Doktrin Bantuan Tempur MK PLTD, Lt Kol Muhamad Shamsi Abdul Latip terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf bertempat di Padang Kawad Kem Segenting, Port Dickson pada 13 Jan 2020.

Perbarisan dimulai dengan ketibaan Mantan Ketua Staf, Kol Mohd Mansor Hj Mohd Sharip disusuli dengan Pemeriksaan Perbarisan dan seterusnya ketibaan Ketua Staf MK PLTD yang baharu, Kol Sarman Baharom.

Perbarisan kemudiannya diteruskan dengan Serah Terima Tugas Ketua Staf disaksikan oleh Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Mohamad Ab Rahman.

Mantan Ketua Staf telah berkhidmat di MK PLTD



mulai 23 Ogos 2017 sehingga 13 Jan 2020 dan bertukar keluar menjawat jawatan sebagai Penasihat Pertahanan di India.

Majlis diakhiri dengan jamuan ringan dan penyampaian cenderahati kepada Mantan Ketua Staf bertempat di Dewan Serbaguna Kem Segenting.

UKM PM TD Lelaki Siri 191/2019

NEGERI SEMBILAN: Ujian Kemahiran Menembak (UKM) Perajurit Muda (PM) Tentera Darat Lelaki Siri 191/2019 telah dilaksanakan di Lapang Sasar Menyala B, Port Dickson.

Majlis Penutupan UKM PM ini adalah kemuncak kepada Latihan Menembak Individu (LMI) Perajurit Muda Siri 191/2019 yang telah dilaksanakan mulai 26 Dis 2019 hingga 16 Jan 2020 yang mana acara Penutupan diakhiri dengan pemilihan PM Penembak Terbaik serta Pertandingan Menembak Staf dan Jurulatih PUSASDA antara Cawangan/Jabatan.

Keputusan akhir pertandingan menyaksikan Kompeni Charlie telah berjaya merangkul gelaran Juara Keseeluruhan manakala PM Muhammad Nasrul Mohd Saidi dari Kompeni Charlie telah dinobatkan sebagai Penembak Terbaik Keseluruhan.

Acara penyampaian hadiah dan Penutupan UKM telah disempurnakan oleh Ketua Bahagian Latih PUSASDA, Lt Kol Ahmad Hafizal Hj Hashim. - **Lt Nur Shahida Ahmad**



Majlis Pengislaman Saudara Baru



NEGERI SEMBILAN: Majlis ringkas Pengislaman Saudara Baharu, Perajurit Muda (PM) Aldy Nichlos Akiam telah diadakan sebelum warga Muslim PUSASDA menuaikan solat maghrib berjemaah di Masjid Depot RAMD pada 16 Jan 2020.

PM Aldy Nichlos Akiam memilih nama Muhammad Adli Akiam sebagai nama Islamnya melafazkan dua Kalimah Syahadah sambil dipimpin oleh Komandan PUSASDA, Kol Zambery Jefry Hj Darus dan disaksikan oleh Guru Agama PUSASDA serta jemaah masjid.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberitakan tentang pengislaman beliau kepada seluruh anggota khususnya warga PUSASDA agar beliau mendapat sokongan serta bimbingan sewajarnya daripada sahabat Muslim yang lain.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sumbangan oleh Komandan PUSASDA kepada saudara baru serta bacaan Yaasin. - **Lt Nur Shahida Ahmad**

Panglima Latihan Lawat Eks LEOPARD PALAPES UNIMAS



Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

SARAWAK: Seramai tiga pegawai, 43 Pegawai Sukarela, 20 anggota Lain-Lain Pangkat dan 107 Pegawai Kadet dari PALAPES UNIMAS telah menerima lawatan daripada Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Mohamad Ab Rahman ke Latihan Kem Tahunan (LKT) yang dikenali dengan Eks Leopard Siri 22/2020 pada 16 Jan 2020.

Ketibaan Panglima Latihan TD disambut oleh Timbalan Komandan, Lt Kol Prof Dr Kamarudin Kana@ Thomas Kana sebelum melawat kubu pertahanan Pegawai Kadet peringkat Senior di kawasan Telok Melano sekaligus mendengar taklimat kawasan pertahanan yang disampaikan oleh Ketua Platoon Pertahanan.

Perbarisan Ulung Komandan ATD Tahun 2020

NEGERI SEMBILAN: Akademi Tentera Darat (ATD) telah melaksanakan Perbarisan Ulung Komandan ATD yang melibatkan seramai 295 pegawai dan 740 anggota LLP serta staf awam bertempat di Padang Kawad Kolej PTT, Kem Haig Line pada 31 Jan 2020.

Perbarisan ini diketuai oleh JLK Div Perkembangan Latihan Kolej PTT, Lt Kol Norazhari Nordin, manakala SMR Perbarisan adalah PW I Suhainizam Mokhtar dan diiringi oleh Brassband dari 2 KAD dibawah pimpinan SSjn Mohd Effendi Al-Munir.

Aturcara perbarisan dimulai dengan pemakaian pangkat Sjn ke SSjn iaitu Sjn Nur Hamida Tun Bahar Sham dari Div Media dan Komunikasi, Kolej Pegawai.

Seterusnya Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderahati bagi Accountability Index Monitoring System (AIMS) kepada Sel Gaji & Belanjawan dan Sel Logistik ATD yang telah mendapat

pengiktirafan 100 peratus bagi AIMS tahun 2019.

Acara Perbarisan diteruskan lagi dengan Penyampaian Sumbangan Kecemerlangan Peperiksaan PT3 dan UPSR bagi tahun 2019 kepada anak-anak pegawai dan LLP yang mendapat keputusan cemerlang. - **Kapt Syed Abdul Muiz Syed Mashor**



Perbarisan Komandan PUSASDA



Oleh: Lt Nur Shahida Ahmad

NEGERI SEMBILAN: Seramai 33 pegawai, 201 staf dan jurulatih, 3474 Perajurit Muda dan 24 kakitangan awam Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) terlibat dalam Perbarisan Komandan PUSASDA bagi tahun 2020 bertempat di Padang Kawad Utama, Kem Sirusa, Port Dickson pada 30 Jan 2020.

OPN - INTAN Siri 1/2020 di ATD

NEGERI SEMBILAN: Akademi Tentera Darat (ATD) telah menerima Kursus Orientasi Pertahanan Negara (OPN) bagi Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Siri 1/2020 di Kem Segenting, Port Dickson pada 10 Feb 2020.

Kursus ini dilaksanakan mulai 10 hingga 21 Feb 2020 melibatkan seramai 161 Penuntut Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) INTAN.

Objektif pelaksanaan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai peranan dan tugas Kementerian Pertahanan, memperkasakan nilai-nilai jati diri dan ketenteraan serta mengaplikasikan peranan PTD dalam urusan pertahanan negara.

Perasmian Kursus ini telah dilaksanakan di Auditorium Sebatang Karah yang disempurnakan oleh Pemangku Komandan ATD, Kol Khairul Anuar Abd Aziz.

Turut hadir dalam perasmian tersebut Ketua Div Kadet, Lt Kol Adam Buqhaiy Amzah serta barisan jurulatih ATD. - **Kapt Syed Abdul Muiz Syed Mashor**



Perbarisan diketuai oleh Ketua Bahagian Latih PUSASDA, Lt Kol Ahmad Hafizal Hj Hashim manakala Ajutan Perbarisan ialah Kapt Mohamad Yusrin Yahaya dan SMR Perbarisan PW I Irwan Shah Dujal.

Atur cara Perbarisan dimulai dengan nyanyian lagu Tentera Darat diikuti Pemeriksaan Perbarisan oleh Komandan PUSASDA dan disusuli dengan ucapan oleh Komandan PUSASDA.

Komandan PUSASDA dalam ucapan beliau menzhahirkan penghargaan kepada seluruh staf, jurulatih dan kakitangan awam PUSASDA yang menjadi tunggak kepada kecemerlangan organisasi.

Beliau juga menyampaikan amanat berkenaan pemantapan disiplin anggota, supaya anggota tidak mengambil tindakan-tindakan yang boleh memberi impak yang buruk kepada diri sendiri, keluarga serta organisasi.

Komandan juga mengingatkan supaya seluruh warga PUSASDA sentiasa bersatu padu sebagai satu keluarga yang besar dan memantap semangat Esprit d'Corps di kalangan warga.

Penasihat Pertahanan Australia Lawat ATD



NEGERI SEMBILAN: Akademi Tentera Darat (ATD) telah menerima Kunjungan Hormat daripada Penasihat Pertahanan Australia di Markas Akademi Tentera Darat (ATD), Kem Segenting pada 11 Feb 2020.

Atur cara kunjungan dimulai dengan Kunjungan Hormat kepada Pemangku Komandan ATD, Kol Khairul Anuar Abd Aziz, dan menandatangani Buku Lawatan dan penyampaian cenderahati di Markas ATD.

Sesi kunjungan diakhiri dengan lawatan delegasi Penasihat Pertahanan Australia ke Pusat Bahasa dan Budaya Tentera Darat. - **Kapt Syed Abdul Muiz Syed Mashor**

PULAMOR Terima Sumbangan Enjin dari Syarikat Proton Holding Berhad

Oleh: Lt Burhannudin Morzuke@ Marzuke

NEGERI SEMBILAN: Pusat Latihan Armor (PULAMOR) telah menerima sumbangan sebanyak dua buah enjin 1.6 liter Turbo VVT daripada Syarikat Proton Holding Berhad pada 2 Jan 2020.

Enjin tersebut akan ditempatkan di Cawangan Memandu dan Senggaraan PULAMOR dan akan digunakan sebagai Alat Bantuan Mengajar kepada penuntut-penuntut untuk kursus yang dianjurkan oleh Cawangan Memandu dan Senggaraan terutamanya Kursus Jurulatih Memandu dan Senggaraan.

Penyampaian sumbangan ini disempurnakan oleh Pengarah Divisyen Kejuruteraan Proton iaitu En Hazrin Fazail Haroon kepada wakil PULAMOR iaitu Mej Mohd Za'im Mohd Nawi bertempat di Bahagian Power Train R&D Proton Subang Jaya, Selangor.



Hari Pengajian PULAPOT



KUALA LUMPUR: Pusat Latihan Kor Polis Tentera Diraja (PULAPOT) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Titiwangsa telah melaksanakan Hari Pengajian peringkat PULAPOT yang bertajuk Kesedaran Kesihatan Berkaitan Penyakit Berjangkit yang dilaksanakan di Dewan Tuanku Fauziah, Kem Genting Klang pada 24 Feb 2020.

Hari Pengajian yang berkonsepkan ceramah dimulai dengan ceramah kesihatan berkaitan penyakit

HIV, COVID-19 dan Tuberculosis (TB) disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Dr Zakwan.

Atur cara diteruskan dengan pemberian suntikan saringan pengeisanan penyakit TB secara percuma melibatkan 179 anggota terdiri daripada staf dan jurulatih serta penuntut PULAPOT.

Pihak kesihatan turut akan melaksanakan pemeriksaan semula kepada semua mereka yang telah menerima suntikan saringan serta

memaklumkan keputusan pemeriksaan saringan pada 28 Feb 2020 kerana kesan penyakit TB mengambil masa selama tiga hari selepas menerima suntikan saringan tersebut.

Turut hadir Komandan PULAPOT, Lt Kol Nozri Senawi, Ketua Jurulatih, Mej Mazwan Hj Mansol serta barisan staf dan jurulatih PULAPOT. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**

Perbarisan OP BALASAH dan JAGAKAWAN Siri 1/2020

Oleh: Lt Ahmad Sufian Sahir
Gambar: Kpli Muhammad Syaharudin Md Salleh

SARAWAK: Seramai 12 pegawai dan 277 anggota Lain Lain Pangkat (LLP) telah terlibat dalam Perbarisan Operasi BALASAH dan JAGAKAWAN Siri 1/2020 yang dilaksanakan di Padang Kawad Kem Sri Miri pada 2 Jan 2020.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Gerak Pasukan Mej Ahmad Faiz Ghazali manakala SMR Perbarisan adalah PW I Zahari Hassan.

Acara perbarisan ini adalah merupakan simbolik kepada pelaksanaan OP BALASAH Siri 1/2020 yang bermula 6 Jan 2020 dan dijangka tamat pada 7 Apr 2020 manakala OP JAGAKAWAN Siri 1/2020 bermula pada 14 Jan 2020 hingga 14 Apr 2020.

Selain itu turut diadakan acara pemakaian pangkat melibatkan dua pegawai yang dinaikkan pangkat daripada Kapt ke Mej menjawat jawatan Ketua Kompeni.

Pegawai Memerintah, Lt Kol Ahmad Nezam Che Ree dalam ucapan beliau turut menyeru dan mengingatkan setiap lapisan anggota agar melaksanakan penugasan



operasi dengan penuh tanggungjawab disamping tidak melakukan perkara yang menyalahi disiplin serta menceangkan nama baik institusi Tentera Darat umumnya dan pasukan khasnya.

Tambahnya, setiap lapisan anggota juga perlu menerapkan prinsip-prinsip yang ditekankan oleh beliau iaitu menepati masa, bercakap benar dan setiakawan.

Perbarisan Panglima 1 Div Bersama Trup Divisyen

SARAWAK: Seramai 14 pegawai dan 240 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Panglima 1 Div Bersama Trup Div yang disempurnakan oleh Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu bertempat di Dewan Bukavu pada 10 Jan 2020.

Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Abu Bakar Kamarozaman dari Kem 1 Div dan diiringi oleh Pancaragam Gabungan

Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat bawah pimpinan Drum Major Pegawai Waren II Abdul Hamid Bulaya.

Panglima 1 Div dalam ucappannya menyatakan rasa syukur atas kesempatan yang diberikan dalam menjayakan perbarisan yang julung kali diadakan di tahun baharu 2020.

Beliau turut berpesan agar semua warganya sentiasa berusaha dengan penuh ilitzam dalam mencapai misi dan visi serta hala tuju 1 Div bagi mewujudkan satu ketumbuhan yang kredibel, relevan dan mampu dalam menghadapi sebarang ancaman.

Terdahulu Panglima 1 Div menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Markas dan Trup Div.

Turut hadir, Komander Rejimen Jurutera Markas RAJD 1 Div, Kol Sharuddin Mohd Noh dan Pemangku Ketua Staf Markas 1 Div, Lt Kol Othman Bahadun.- **Mej Muhammad Afifi Azham Mohd**,
Gambar: Pbt Mohamad Nawawi Mujtabar



Pemeriksaan Am Tadbir Tahunan 1 RSD



Oleh: Mej Muhammad Afifi Azham Mohd
Gambar: Pbt Mohamad Nawawi Mujtabar

SARAWAK: Seramai lapan pegawai dan 205 anggota Lain-Lain Pangkat dari Rejimen Semboyan Divisyen Pertama

Infantri terlibat dengan Pemeriksaan Am Tadbir Tahunan yang telah disempurnakan oleh Panglima 1 Divisyen, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu pada 13 Jan 2020.

Ketibaan Panglima 1 Div disambut oleh Pegawai Memerintah 1 RSD, Kol Nik Roslan Hj Nik Mohamed Ariffin dan diteruskan dengan Pemeriksaan Kawalan Suku di Balai Pengawal.

Pemeriksaan diteruskan dengan acara Perbarisan sebelum Panglima 1 Div melaksanakan pemeriksaan fizikal ke atas Balai Pengawal Pasukan, Stor Bekalan, Cawangan Pengangkutan, Bilik Bujang, aset milik pasukan dan kawasan sekitar kem.

Memetik ucapan Panglima 1 Div selepas selesai pemeriksaan, beliau menyatakan bahawa tujuan pemeriksaan ini diadakan untuk menentukan dan memastikan setiap warga 1 RSD berada dalam keadaan siap siaga sebilang masa.

Beliau turut berpesan kepada semua agar senantiasa menjaga disiplin dan menjaga aset-aset serta nama baik pasukan.

Panglima 1 Div Lawat 7 RS

SARAWAK: Batalion Ke-7 Rejimen Sempadan (7 RS) telah menerima lawatan kerja daripada Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu pada 15 Jan 2020.

Beliau telah diiringi oleh Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng dan ketibaannya disambut oleh Pegawai Memerintah 7 RS, Lt Kol Norhisam Miskon

dan seterusnya Pegawai Memerintah memperkenalkan pegawai dan PTTK kepada Panglima 1 Div.

Acara diteruskan dengan sesi bergambar di padang kawad pasukan bersama warga 7 RS dan disusuli dengan taklimat lawatan oleh Pegawai Memerintah di Bilik Gerakan.



Seterusnya, Perjumpaan Panglima 1 Div bersama Warga 7 RS dan Jamuan Makan di Dewan Matak Kayau dan lawatan diakhiri dengan Panglima 1 Div melawat ke cadangan tapak sewaan kelompok pasukan 7 RS sebelum berangkat pulang ke Kuching.

Turut hadir PS 1 Log 1 Div, Lt Kol Zahasimi Dahlan dan PS 2 Log Mk 31 Bgd, Mej Mohamad Rizal Amrani. - Lt Muhamad Safwan Md Yusof, Gambar: Pbt Ivanly Mize

Serah Terima Tugas Pegawai Pemerintah 9 KOD



Oleh: Lt Azlan Azmi

Gambar: Pbt Mohammad Nazirul Ismaili

SARAWAK: Seramai dua pegawai dan 59 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) serta sembilan orang staf awam

terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Pemerintah 9 Kompeni Kor Ordnans Diraja (9 KOD) di padang kawad 9 KOD pada 13 Jan 2020.

Majlis dimulakan dengan perbarisan dan disusuli dengan upacara menandatangani Nota Serah Terima Tugas diantara Mej Rosman Daud dan Kapt Che Mohd Hafiz Che Hashim sebagai Pegawai Pemerintah 9 Kompeni Kor Ordnans Diraja yang baharu disaksikan oleh Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab.

Turut diadakan upacara Serah Terima Tugas Pengurus BAKAT 9 KOD diantara mantan Pengurus BAKAT, Liza Ahid yang menyerahkan tugasnya kepada Siti Nazariah Mohd Noh dan disaksikan oleh Penasihat BAKAT, Lt Mohd Hafizan Anuar Che Suhami di Rumah BAKAT 9 KOD.

Perbarisan Panglima 9 Bgd Tahun 2020

SARAWAK: Seramai 18 pegawai dan 200 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan di bawah naungan 9 Bgd terlibat dalam Perbarisan Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab bertempat di Padang Kawad Batalion Ketiga Rejimen Renjer Diraja (3RRD) pada 10 Jan 2020.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Memerintah 3 RRD, Lt Kol Zulkifli Jaafar.

Seterusnya, Panglima 9 Bgd telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai di bawah naungan 9 Bgd di Wisma Perwira 3 RRD dan turut diadakan Bacaan Yasin dan Tahfiz, tazkirah ringkas serta Solat Jumaat di Masjid Kem Oya.

Majlis diakhiri dengan Jamuan Makan Tengahari serta ucapan Panglima 9 Bgd berkehendakan agar aspek gerakan, latihan, pentadbiran dan logistik di setiap pasukan terus diperbaiki dan diperkemas untuk agar 9 Bgd menjadi sebuah ketumbukan yang unggul, relevan, efisien dan responsif dalam apa jua keadaan.

Beliau juga menekankan kepentingan pembangunan pendidikan rohani, tahap profesionalisme serta integriti bagi setiap lapisan anggota tentera bagi membantu seorang anggota tentera dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta sebagai benteng yang kukuh bagi membendung diri daripada melakukan perkara yang tidak sepatutnya.

Selain itu, aspek pembangunan dan peningkatan latihan yang progresif serta tahap kesiapsiagaan pengurusan logistik juga perlu dititikberatkan.

Beliau berharap agar semua lapisan pegawai dan anggota bersama-sama mengembangkan tenaga bagi membantu merealisasikan cogan kata 9 Bgd iaitu Tetap Unggul.

Turut hadir, Ketua Staf MK 9 Bgd, Lt Kol Mohd Aklif Haji Abd Rajak, Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan 9 Bgd. - **Sjn Dony, Gambar: Pbt Nazirul Abdullah**



Serah Terima Tugas KS MK 31 Bgd

Oleh: Lt Zahureen Norazan
Gambar: Kpl Muhammad Shukri Anuar

SARAWAK: Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 31 Bgd dan Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT Kem 31 Bgd telah diadakan di Padang Kawad Kem Junaco dan Dewan Kuliah Kem Junaco pada 21 Jan 2020.

Lt Kol Mohd Zaini Hj Hashim menyerahkan tugas Ketua Staf kepada Mej Lokman Pardi, PS 2 Gerak selaku Pemangku Ketua Staf yang baru dengan disaksikan oleh Panglima 31 Bgd Datuk Johnny Lim Eng Seng.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa sepanjang tempoh perkhidmatannya di 31 Bgd selama tiga tahun 20 hari, beliau telah menyaksikan pelbagai perkembangan yang dilalui oleh Bgd sejak awal penubuhan di Sungai Buloh sebelum berpindah ke Kuching dan seterusnya ke Sibu.

Beliau juga menyeru agar semua pegawai dan anggota harus taat setia kepada pemerintah atasan serta memacu briged ini agar setaraf dengan briged yang telah ditubuhkan dahulu.



Selepas perbarisan tersebut dia akan juga temuduga keluar Mantan Ketua Staf bertempat di pejabat Panglima 31 Bgd dan majlis diteruskan dengan jamuan ringan di Dewan Makan Junaco.

Pada sebelah petang pula diadakan Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT Kem 31 Bgd bertempat di Dewan Kuliah Kem Junaco.

Majlis ini menyaksikan acara serah terima tugas antara Mantan Pengerusi BAKAT Kem 31 Bgd, Zuraidah Hj Ismai dan Pemangku Pengerusi BAKAT Kem 31 Bgd, Rozimah Razali disaksikan Pegawai Kerja BAKAT Kem 31 Bgd, Mej Zulkifli Adam.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati, acara bergambar dan jamuan ringan.

Perbarisan Ketua Skuadron 9 SSB



SARAWAK: Seramai tiga pegawai dan 71 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 9 Skuadron Semboyan Brigid (9 SSB) terlibat dalam Perbarisan Ketua Skuadron bertempat di Padang Kawad Kem RASCOM pada 21 Jan 2020.

Pada masa sama turut diadakan Majlis Pemakaian

Pangkat melibatkan 27 anggota LLP yang dinaikkan pangkat disempurnakan oleh Ketua Skuadron, Lt Kol Abdul Jaafar Abdul Halim.

Dalam ucapan Ketua Skuadron, beliau mengucapkan tahniah kepada semua anggota yang telah dinaikkan pangkat dan diingatkan bahawa kenaikan pangkat ini turut diserahkan dengan tanggungjawab yang perlu digalas dengan jujur serta amanah.

Beliau juga menekankan aspek kualiti kerja yang maksimum serta mengamalkan konsep kerjasama, hormat menghormati serta menerapkan sikap ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Selesai perbarisan, acara diteruskan dengan sesi bergambar dan seterusnya anggota yang telah dinaikkan pangkat akan merentas desa Kem RASCOM dan majlis diakhiri dengan jamuan. - **Sjn Idmal Iskandar, Gambar: Kpl Mohd Noor Zaridy Sazali**

Makan Malam Pegawai 8 Bgd Sempena Tahun Baharu 2020



Oleh: Mej Azrol Mansor

KELANTAN: Wisma Perwira 8 Bgd dan Wisma Perwira Gabungan Markas Staf Stesen Desa Pahlawan telah menganjurkan Majlis Makan Malam Pegawai 8 Bgd sempena menyambut Tahun Baharu 2020 pada 3 Jan 2020.

Selain dari menjadi simbolik kepada sambutan tahun baharu, tujuan majlis ini diadakan ialah untuk mengharungi Pemerintah-pemerintah pasukan dibawah naungan 8 Bgd yang akan bertukar keluar disamping menghidupkan awal tahun baharu 2020 dengan dipertontonkan video Perutusan PTD Sempena Tahun Baharu 2020.

Panglima 8 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Huzaime Sabri dalam ucapannya telah mengimbas kembali kejayaan 8 Bgd dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti besar seperti dilantik sebagai Wasit Eksesais Satria Perkasa 6 Bgd pada 1 Mac 2019, penganjuran Pertandingan UKM Peringkat 2 Div dan yang menjadi tumpuan adalah bagaimana seluruh warga 8 Bgd telah sedaya usaha bekerjasama sebagai satu

tim dalam menguruskan istiadat kemangkatan Almarhum Sultan Ismail Petra ibnu Almarhum Sultan Yahya Petra.

Tambahnya lagi, tugas yang diberikan oleh kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu seperti Sambutan Hari Kemerdekaan 2019 dan Sambutan Hari Malaysia 2019 telah berjaya dilaksanakan dengan amat baik sekali.

"Kejayaan-kejayaan seperti ini telah mengharumkan nama 8 Bgd serta membuktikan formasi ini telah diiktiraf dan diberi kepercayaan oleh pelbagai pihak untuk menggalas tanggungjawab yang diberikan," kata Panglima 8 Bgd.

Selain itu, Panglima turut mengingatkan kesemua pegawai agar melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komited dan profesional dalam menempuh tahun 2020 yang mana proses penajaran yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 diharap dapat diterjemahkan ke dalam pelaksanaan tugas-tugas tahun 2020 samada dalam tugas gerakan, latihan, pentadbiran dan pengurusan logistik, pada masa sama kesemua hadirin telah dipertontonkan dengan video Perutusan Tahun Baharu oleh PTD.

Panglima mengharapkan agar intipati perutusan PTD ini dijadikan sebagai panduan dan fokus tindakan bagi tahun 2020, majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah dan cenderahati kepada pemerintah-pemerintah yang bertukar keluar.

Turut hadir semua Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan dibawah naungan 8 Bgd bersama isteri dan Pengurus BAKAT 8 Bgd Datin Hjh Rosilawati Ahmad Tajri.

Serah Menyerah Pen Peg Mem 2 RAMD

PULAU PINANG: Perbarisan Serah Menyerah Penolong Pegawai Memerintah 2 RAMD telah dilaksanakan bertempat di Padang Kawad pasukan pada 6 Jan 2020.

Perbarisan diketuai oleh Mej Zulhisham Abdul Rashid melibatkan 20 pegawai dan 250 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Perbarisan didahului dengan ketibaan Gembala Harimau Malaya Ke 38 iaitu Lt Kol Ahmad Muzaimi Hj Mohd Ali dan diteruskan dengan penyerahan jawatan Penolong Pegawai Memerintah diantara Mej Rozaid Dato' Hj Badrulzaman dan Mej Azadlee Rafedzi Hj Kamal Rafedzi, penyerahan jawatan Pegawai Gerak diantara Mej Khairul Irwan Sulaiman dengan Mej Syuhaimi Hashim dan penyerahan jawatan Ketua Kompeni Alpha diantara Mej Shah Amirul Izaham Samsun Kamar dengan Kapt Hanif Hj Hamzah.

Majlis diakhiri dengan jamuan makan di Dewan Makan R.Bruce yang mana Gembala Harimau Malaya turut menyampaikan ucapan dan mengucapkan tahniah kepada pegawai yang baharu dilantik serta mengharapkan semua peringkat pegawai

dan anggota sentiasa bekerjasama dalam sebarang tugas selain menjaga disiplin diri sebagai warga tentera.

- **Lt Muhammad Syahir Abdul Rahman, Gambar: Kpl Muhamad Alif Awang**



Perbarisan Ulung Pegawai Memerintah

5 RRD Tahun 2020



Oleh: Lt Abdul Hadi Abdul Halim
Gambar : LKpl Mohamad Nasrol Mokhtar

KELANTAN: Seramai 18 pegawai dan 327 anggota LLP Batalion Kelima Rejimen Renjer Diraja (5 RRD) terlibat dalam Perbarisan Ulung Pegawai Memerintah Tahun 2020 bertempat di Padang Kawad Pasukan.

Perbarisan yang diketuai Penolong Pegawai Memerintah, Mej Hirwan Baharudin, pemeriksaan perbarisan oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Hj Jonurzaidi Hj Jusoh.

Kelainan perbarisan pada kali ini adalah turut disertakan dengan acara Pemakaian Pingat dan Pangkat yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah.

Selain itu, beliau juga menyaksikan Acara Serah Menyerah Tugas Pegawai Gerakan 5 RRD di antara Mej Mohd Saberi Md Noor dan Mej Lee Fad Ley.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau mengimbau kembali pencapaian batalion ini pada tahun 2019 dan berharap agar dapat dipertingkatkan lagi pada tahun 2020.

Pegawai Memerintah juga turut menerapkan Core Values pasukan iaitu LIMA yang membawa maksud LOVE, IKIGAI, MINDFUL dan AMANAH.

Di akhir ucapan, Pegawai Memerintah berharap supaya tahun 2020 dapat memberikan semangat dan keazaman baru bagi mencipta kecemerlangan kepada pasukan.

Kebajikan Anggota 6 RAMD

Sentiasa Diutamakan

KEDAH: Pegawai Memerintah 6 RAMD, Lt Kol Zaiham Ab Halim telah mengadakan satu perbincangan bersama agensi pelaksana iaitu pihak JKR Unit Tentera bertempat di RKAT Kem Tok Jalai, Jitra pada 3 Jan 2020.

Perbincangan ini diadakan bagi melihat semula keperluan senggaraan DSA 2020 berdasarkan skop kerja yang diluluskan oleh MK TD – Cwg Log, keperluan senggaraan terkini, pendapat penghuni RKAT dan juga kesinambungan dari senggaraan DSA 2019.

Pada masa yang sama Pegawai Memerintah turut meninjau projek RKAT yang sedang dalam fasa pembinaan iaitu melibatkan 64 buah pintu rumah jenis G Flat.

Projek ini apabila siap pada Apr 2020 akan melibatkan pemindahaan seramai 44 penghuni dari blok G lama dan juga 20 penghuni baharu.

Pasukan 6 RAMD kini dalam proses untuk menentukan kesemua 64 buah rumah baharu nanti dilengkapi dengan perabot mengikut hak dan skala TD agar keselesaan dan kebajikan anggota terjamin.

Selain itu, pasukan juga sedang berusaha dengan gigih bagi mendapatkan kelulusan bangunan Taska (KEMAS) dan KAFA untuk kemudahan warga 6 RAMD di Kem Tok Jalai.

Pada masa kini, Kem Tok Jalai mempunyai kemudahan pendidikan sebuah sekolah rendah, pra sekolah

dan Tabika (KEMAS).

Hasrat mewujudkan Taska (KEMAS) dan KAFA adalah bagi menjadikan kem ini mempunyai kemudahan pendidikan *all inclusive* atau *one stop center* bagi warga 6 RAMD.

Warga 6 RAMD berharap agar hasrat murni ini dapat direalisasikan dan mendapat sokongan pucuk pemerintahan, terutamanya MK TD – Cwg Log yang amat prihatin dan sering memberikan bantuan serta nasihat kepada pasukan ini dalam menentukan segala peruntukan senggaraan yang diluluskan digunakan dengan baik dan memberikan manfaat kepada anggota. - **Oleh: Sel Risik 6 RAMD**



Perbarisan Panglima 8 Bgd

Oleh: Kapt Muhd Farith Ibrahim
Gambar: Sel Risik MK 8 Bgd

KELANTAN: Seramai 97 pegawai dan 1130 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan di bawah Perintah dan Pentadbiran 8 Bgd terlibat dalam Perbarisan Panglima 8 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri yang diadakan di Padang Kawad Batalion Ke-16 Rejimen Askar Melayu Diraja pada 7 Jan 2020.

Perbarisan diketuai Pegawai Memerintah Batalion Ke-16 Rejimen Askar Melayu Diraja, Lt Kol Mohd Helmy Bohari yang terdiri dari 17 Kontinjen.

Panglima 8 Bgd telah menyampaikan Perutusan Tahun Baharu beliau untuk dijadikan plan tindakan dan sasaran dalam pengurusan pasukan demi memantapkan ketumbukan 8 Bgd.

Dalam ucapannya, Panglima 8 Bgd menerangkan bahawa perbarisan ini merupakan pembuka kalender aktiviti untuk tahun 2020 selain dari meneruskan aktiviti rejimental yang perlu dikekalkan sebagai salah satu tradisi ketenteraan, beliau juga turut berkongsi dan mengupas intipati penting dalam Perutusan PTD sempena tahun baru 2020.

Beliau menyeru kepada seluruh warga 8 Bgd untuk sama-sama menjadikan intipati perutusan PTD ini sebagai panduan, objektif dan fokus tindakan pasukan tahun ini, dan ingatan PTD agar menjadi Agen Pembangunan TD dan bukannya Agen Perosak.

Jika kesemua elemen ini diaplikasikan dalam



pengurusan G, A, Q pasukan, nescaya matlamat untuk menjadikan 8 Bgd sebagai satu ketumbukan yang profesional, kompeten, cemerlang dan relevan akan dapat direalisasikan sesuai dengan motto 8 Bgd.

Selain itu, Panglima 8 Bgd turut berkehendakkan setiap pasukan terus berpegang kepada pendekatan kembali kepada asas dan adaptasi dalam setiap pelaksanaan aktiviti.

Diakhir ucapan, beliau menyeru kepada semua warga 8 Bgd untuk menjaga imej 8 Bgd dan TD dengan tidak melakukan tindakan yang bertentangan dengan disiplin dan peraturan, serta terus meningkatkan komitmen terhadap tugas yang diamanahkan di samping terus berpegang teguh kepada Ikrar Kesatria yang telah dilafazkan.

Perbarisan diakhiri dengan acara pemakaian pangkat Kapt Mohd Iqbal Mohd Zainuddin, Ket Skn 7 RAJD yang dinaikkan pangkat Mej.

Latihan Kebakaran Warga Rej 504 AW

PERLIS: Pegawai, anggota dan staf Awam dari Rejimen 504 Askar Wataniah (Rej 504 AW) telah diuji dengan Latihan Kebakaran bertempat di Kem Bukit Keteri pada 8 Jan 2020.

Latihan ini mendapat kerjasama daripada Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia Kangar, Perlis dan antara pengisian latihan adalah demonstrasi cara memadam kebakaran yang mana warga Rej 504 AW juga diberikan penerangan tentang penggunaan alat pemadam api dan cara memadam api dengan betul.

Timbalan Komander Rej 504 AW, Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak dalam ucapan ringkasnya mengucapkan terima kasih atas kerjasama pihak Bomba dan Penyelamat Perlis dan memperingatkan kepada warga rejimen untuk sentiasa menjaga keselamatan sama

ada di tempat kerja ataupun di rumah. - Lt M Muhamad Khairunizam Jamal@Jamil, Gambar: Pbt Mohamad Sufri Suleiman



Pertandingan Platun Terbaik Pasukan 5 RRD

Oleh: Kapt Muhd Azlan Alias
Gambar: Sel Risik 5 RRD

KELANTAN: Majlis Penutup Pertandingan Platun Terbaik Pasukan yang berkonseptkan Ujian Kemahiran Merentas Halangan dan Kawad (UKMHK) disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 5 RRD, Lt Kol Hj Jonurzaidi Hj Jusoh bertempat di Padang Kawad 5 RRD dan Lapang Sasar Bukit Merbau pada 9 Jan 2020.

Bagi Ujian Kawad, platun dari Kompeni Markas yang diketuai oleh Kapt (Ust) Mohamad Salehuddin Jaafar telah muncul sebagai Juara manakala bagi Ujian Merentas Halangan, platun dari Kompeni Bravo yang diketuai oleh Lt Duin Tat telah mengungguli acara dan seterusnya memenangi Platun Terbaik Keseluruhan bagi tahun 2020.

Ketua Platun terbaik pula dimenangi oleh Lt Eqbal Abdyllah Ednan dari Kompeni Alpha dan dalam ucapan penutup Pertandingan Platun Terbaik Tahun 2020 ini, Pegawai Memerintah berpuas hati dengan semangat dan kesungguhan yang telah dipamerkan oleh setiap anggota dan menyeru agar seluruh warga pasukan terus berlitzam dan bersemangat menempuh setiap halangan di dalam hidup ini dengan penuh kebijaksanaan dan kecekalan.

Beliau juga berkehendakkan agar Tim UKMHK yang telah dipilih melaksanakan latihan dengan penuh gigih dan berdisiplin supaya berjaya di dalam pertandingan akan datang.



Pertandingan anjuran Bn Ke-5 RRD ini diadakan selama dua hari bertujuan menguji pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) pasukan di dalam aspek ketahanan mental dan fizikal, *endurance*, keyakinan diri, kerjasama di dalam kumpulan, perintah dan kawalan serta memupuk semangat setiakawan dalam kalangan peserta.

Selain itu, penganjuran acara ini adalah untuk memilih Tim UKMHK yang akan mewakili pasukan di dalam pertandingan UKMHK di peringkat formasi atasan yang dijadualkan pada pertengahan bulan Feb nanti.

Pertandingan Platun Terbaik ini adalah kesinambungan kepada Ujian Kemahiran Seksyen Terbaik Pasukan yang telah diadakan pada bulan Dis 2019.

Perbarisan Serah Terima Tugas SMR 504 RAW



PERLIS: Seramai 92 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas SMR Rejimen 504 Askar Wataniah (504 RAW) diantara PW I Baharudin Ismail dengan PW I Muhammad Aris Abdullah disaksikan oleh Timbalan Komander 504 AW , Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak di Padang Kawad Pasukan pada 13 Jan 2020.

PW I Baharudin Ismail telah menjalani Latihan Peralihan mulai 6 Jan 20 dan seterusnya akan menamatkan perkhidmatan pada 29 Jun 2020.

Turut hadir, semua pegawai 504 AW dan isteri kedua-dua SMR tersebut. - Lt M Muhamad Khairunizam Jamal@Jamil, Gambar: Pbt Mohamad Sufri Suleiman

Seminar Aturgerak Perkasakan Kesiagaan 3 Div



Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak

NEGERI SEMBILAN: Seramai 150 pegawai dari formasi dan pasukan di bawah naungan 3 Divisyen termasuk wakil dari Markas Medan Barat Tentera Darat, Markas 2 Div, Markas 4 Div serta Jabatanarah telah menyertai Seminar Aturgerak 3 Div bertempat di Auditorium Pusat Olah Perang Tentera Darat (POP TD), Kem Syed Sirajuddin pada 6 hingga 7 Jan 2020.

Seminar ini bertujuan untuk membincangkan secara terperinci mengenai perkara-perkara berkaitan doktrin yang melibatkan aturgerak 3 Div.

Medan diskusi ini juga merupakan platform terbaik untuk mengenalpasti sebarang ruang atau kekurangan yang boleh ditambahbaik lagi.

Seminar yang turut disertai oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, menyaksikan sebanyak 12 Kertas Kerja dibentangkan meliputi pelbagai aspek yang terlibat di dalam penyusunan aturgerak 3 Div.

Selain itu, pelbagai isu berkaitan turut dibangkitkan dan dibincangkan dengan panjang lebar, memperlihatkan penyertaan aktif dalam kalangan pegawai yang hadir.

Hasil perbincangan serta resolusi yang dicapai di sepanjang seminar ini berlangsung akan dimajukan kepada pihak yang berkaitan, agar proses penambahbaikan kepada setiap doktrin yang berkaitan dapat dilaksanakan dan seterusnya melancarkan prosedur aturgerak 3 Div.

Turut hadir ialah Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami serta Panglima-Panglima Formasi di bawah naungan 3 Div.

Larian Perimeter Uji Kecergasan dan Ketahanan Diri Warga 3 Div

NEGERI SEMBILAN: Seramai 70 pegawai dan 480 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) warga 3 Div di Kem Syed Sirajudin terlibat dalam Larian Perimeter sejauh 8 kilometer yang turut disertai Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim bertempat di Padang Kawad 21 RAD pada 8 Jan 2020.

Program kecergasan yang bertujuan menguji tahap ketahanan fizikal warga 3 Div ini juga merupakan platform terbaik untuk mengeratkan hubungan sesama pegawai dan anggota 3 Div yang berada di Kem Syed Sirajuddin.

Selain itu larian ini membolehkan kawasan perimeter dan pagar keselamatan serta laluan-laluan utama di dalam kem tersebut diperiksa dan ditentukan selamat terutamanya dari sebarang pencerobohan.

Panglima 3 Div dalam ucapan ringkasnya berkehendakkan agar warga 3 Div di kem tersebut untuk sentiasa menitikberatkan kesihatan dan kecerdasan agar dapat melaksanakan tugas dengan berkesan, disamping memberi

penekanan terhadap kesatuan dan kepentingan semangat serta cara kerja kebersamaan di 3 Div.

Turut hadir, Pegawai-Pegawai Memerintah pasukan di bawah naungan 3 Div. - **Mej Mohammed Fahmi Ishak,** Gambar: 14 RAMD (Mek)



Panglima 3 Div Uji Keupayaan Tempur Rejimen Pendekar



Oleh: Kapt Isa Harbi

Gambar: Tpr Muhammad Danial Hazzin

NEGERI SEMBILAN: Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja (11 KAD) telah menerima Lawatan Ulung Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim pada 8 dan 9 Jan 2020.

Aturcara lawatan bermula dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah 11 KAD, Lt Kol Suresh Subramaniam meliputi aspek pengurusan,

pentadbiran, logistik dan latihan di pasukan.

Dalam lawatan tersebut, Panglima 3 Div telah diperkenalkan kepada sistem simulator latihan PENDEKAR termasuk aspek penyelenggaraan.

Selain itu, beliau juga melawat ke setiap elemen di pasukan tersebut bagi mendapat gambaran yang lebih jelas berkaitan pengurusan dan aturgerak pasukan.

Beliau juga telah menyampaikan nasihat dan kata-kata pesanan kepada warga 11 KAD ketika Majlis Makan Tengahari bersama warga.

Sempena lawatan tersebut, Panglima 3 Div telah menguji sendiri kehebatan PENDEKAR, apabila

beliau telah memandu dan seterusnya melaksanakan latihan tembakan pelbagai senjata yang terdapat pada kenderaan tersebut.

Peluang ini secara tidak langsung bukan sahaja membolehkan Panglima 3 Div mengenalpasti keupayaan teknikal dan taktikal pasukan malah telah berjaya menilai kecekapan setiap krew yang terbabit.

Turut hadir Pegawai Staf 1 Tadbir, Lt Kol Taufan Dato' Paduka Ghazali dan SMR MK 3 Div, PW I Mohd Khairuddin Shah Mohd Rasid.

Lembaga Kenaikan Pangkat Kor RSD Peringkat Zon Selatan

MELAKA: Seramai 58 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) menghadiri Lembaga Kenaikan Pangkat Jenis Alpha dan Bravo Kor RSD Peringkat Zon Selatan Siri 1/2020 yang dilaksanakan pada 9 dan 10 Jan 2020.

Lembaga Kenaikan Pangkat tersebut yang diadakan di Rejimen Semboyan Divisyen Ketiga Infantri (3 RSD),

Kem Terendak, bertujuan untuk memilih anggota yang layak disokong berdasarkan polisi semasa dan syarat-syarat kenaikan pangkat serta penilaian melalui pengetahuan dan kemahiran anggota.

Calon-calon kenaikan pangkat ini perlu menjalani beberapa peringkat penilaian bermula dengan Ujian Kecergasan Asas (UKA), mereka kemudian melaksanakan Ujian Kelayakan Kemahiran Individu (UKKI) diikuti dengan Ujian Bertulis, calon yang berjaya dan disenaraipendek sahaja yang layak untuk menjalani temuduga akhir.

Sesi temuduga akhir dipengerusikan oleh Pegawai

Memerintah 3 RSD, Kol Nik Nahar Nik Mohd Isa, dan turut disertai oleh Ketua Skn dan wakil pasukan RSD Zon Selatan. - **Kapt Mohamad Redha Syamim Saaris,**

Gambar: Kpl Adeline Edward Polis



Pemeriksaan Tadbir Uji Tahap Kesiapsiagaan Kompeni Komposit KPD Gemas

Oleh: Lt Mohd Farid Mohd Fadzil
 Gambar: Pbt Muhammad Luqmanul Hakim Rosli

NEGERI SEMBILAN: Kompeni Komposit KPD Gemas telah terlibat dengan Pemeriksaan Tadbir yang dilaksanakan oleh Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim pada 10 Jan 2020.

Program pemeriksaan dimulakan dengan pelaksanaan Ujian Kecergasan Asas (UKA) dan diketuai oleh Pegawai Pemerintah Kompeni Komposit KPD Gemas, Kapt Hasbullah Ishak serta turut disertai oleh Panglima 3 Div.

Pemeriksaan kemudiannya dimulakan dengan perbarisan kompeni dan disusuli dengan semakan terhadap dokumen perkhidmatan di Bilik Mesyuarat Kompeni.

Seterusnya Panglima 3 Div telah melaksanakan pemeriksaan fizikal ke atas Stor Senjata, Stor Bekalan, Cawangan Pengangkutan, Balai Pengawal, aset milik pasukan dan kawasan sekitar kem, diakhir lawatan, Panglima 3 Div telah mengadakan sesi perjumpaan bersama warga Kompeni Komposit KPD Gemas.

Dalam ucapan Panglima 3 Div, beliau telah memberikan penekanan terhadap kepentingan pasukan tersebut dalam menyediakan bantuan khidmat kepada pasukan-pasukan



TD yang berada di Gemas.

Beliau turut berpesan kepada setiap warga Kompeni Komposit KPD Gemas, agar sentiasa menjaga tata tertib dan disiplin terutamanya yang melibatkan kes penyalahgunaan dadah.

Selain itu, beliau turut menuntut agar setiap warga Kompeni Komposit KPD Gemas berkhidmat dengan penuh komited dan sentiasa terus berusaha untuk meningkatkan tahap kompetensi dalam tugas, serta menjadikan keluarga sebagai tonggak motivasi.

Eksesais MANTIS Siri 6/2020

MELAKA: Seramai enam pegawai dan 69 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perasmian Eksesais MANTIS Siri 6/2020 yang disempurnakan oleh Komander Jurutera Medan Barat (KJMB) MK RAJD PMBTD, Brig Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa bertempat di Padang Kawad 12 Skn RAJD (CBRNe) pada 13 Jan 2020.

Perasmian dimulakan selepas ketibaan KJMB MK RAJD PMBTD menerima Tabik Hormat daripada Ketua

Perbarisan, Mej Mohd Adli Sani.

Acara diteruskan dengan upacara pemakaian toha oleh KJMB MK RAJD PMBTD kepada Pengendali Eksesais, Lt Kol Shaifful Nizam Abdul Kholid, Staf Perancang Eksesais, Capt Harold James Morrison, Ketua Wasit, Kapt Illyas Mohd Razif, Ketua Tim Pasukan Biru, Lt Jusman Moktar dan Ketua Tim Kawalan, PW II Muhamad Zulhairi Ghazalli.

KJMB mengingatkan pegawai dan anggota dalam ucapan agar sentiasa memberikan sepenuh tumpuan terhadap eksesais yang dijalankan serta berupaya melaksanakan operasi nyah cemar, pengambilan sampel agen CBRN dengan baik dan membuat penilaian ancaman CBRN dengan efektif.

Turut hadir, Kol Latih MK PMBTD, Kol Jafry Sulaiman, Timbalan Penasihat Pertahanan Kanada Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia, Lt Col Kevin Barker, PS 1 Latih MK TD-OPLAT, Lt Kol Muhamad Azly Abdul Aziz dan SMR MK RAJD PMBTD, PW I Salman Abdullah. - Lt Aizul Fahmi Jamaludin



Latihan Menembak Pistol Pegawai Memerintah 4 Bgd Mek



Oleh: MK 4 Bgd (Mek)

PAHANG: Latihan menembak pistol Pegawai Memerintah dan Pemerintah 4 Bgd (Mek) telah dilaksanakan di Lapangsasar Pistol, Kem Bukit Galing, Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan pada 13 Jan 2020.

Seramai 32 Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan 4 Bgd (Mek) terlibat dengan Latihan Menembak Pistol jenis Glock 17 yang dianjurkan oleh Pasukan 12 RAMD (Mek) yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pegawai terlibat dalam mengendalikan pistol jenis Glock 17.

Turut diadakan pertandingan jatuhan piring jarak 10 meter antara tim di dalam latihan tersebut, Ketua Staf Tad/Log dan PS 2 Belanjawan 4 Bgd (Mek) telah memenangi pertandingan jatuhan piring tersebut menawarkan 15 tim yang lain.

Di akhir acara, Panglima 4 Bgd (Mek) telah menyempurnakan penyampaian hadiah kepada tim yang memenangi pertandingan tersebut.

Turut hadir Panglima 4 Bgd (Mek) Brig Jen Zaidan Atan, Senior Asistant Commisioner (SAC) Komander 7 Bgd Tenggara PGA Kem Bukit Galing, Kamarul Zaman Maarof, KS Am MK 4 Bgd (Mek), Lt Kol Ridzwan Abdul Majid dan KS Tad/Log MK 4 Bgd (Mek), Lt Kol Anwar Jafrizal Hj Ahmad.

Panglima 3 Div Tinjau Pengurusan Logistik 73 BOD

MELAKA: Pasukan 73 Batalion Ordnans Diraja (73 BOD) telah menerima Lawatan Ulung Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim pada 14 Jan 2020.

Aturcara lawatan bermula dengan program latihan jasmani warga 73 BOD bersama Panglima 3 Div dan larian 2.4km bermula dan berakhir di Padang Pavilion Terendak.

Lawatan ke kompleks pasukan 73 BOD pula dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah 73 BOD, Lt Kol Shahrizal Shamshudin.

Pelbagai isu dibentangkan kepada Panglima 3 Div iaitu berkaitan pengurusan logistik dan bekalan untuk keseluruhan 3 Div.

Panglima 3 Div kemudiannya turut dibawa melawat ke premis-premis di dalam kompleks meliputi Cawangan Bekalan, Kenderaan, Kuartermaster dan storstor peralatan dan perabut, ini termasuklah juga tinjauan ke kawasan yang menempatkan kenderaan-kenderaan yang akan dilupuskan.

Pada masa sama pasukan 73 BOD mempamerkan demonstrasi Elemen Bergerak Peluru (EBP), kepada Panglima 3 Div yang mana merupakan atur gerak pasukan Ordnans di kawasan hadapan dalam membekalkan peluru.

Turut hadir Pegawai Staf 1 Ordnans, Lt Kol Tuan Aziz Tuan Lembut dan SMR MK 3 Div PW I Mohd Khairuddin Shah Mohd Rasid. - **Sel Perhubungan Raya 3 Div**



MMR Sempena *Dining In* Panglima 12 Bgd

Oleh: Cwg Risik Mk 12 Bgd

KUALA LUMPUR: Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) 12 Bgd bersempena dengan *Dining In* Panglima 12 Bgd Ke-22, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar telah dilaksanakan di Wisma Perwira ATM pada 27 Dis 2019.

Majlis yang turut melibatkan pegawai dan Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) ini dimulakan dengan sesi bergambar Panglima bersama Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan di bawah naungan pasukan 12 Bgd.

Acara diteruskan dengan nyanyian lagu 12 Bgd dan sesi makan malam, selain itu, tayangan multimedia aktiviti tahunan 12 Bgd serta persembahan turut diadakan sepanjang majlis berlangsung.

Dalam ucapan Panglima 12 Bgd, beliau menekankan agar pegawai dan PTTK hendaklah saling bekerjasama diantara satu sama lain bagi mencapai matlamat dan kejayaan diantara Briged Formasi dalam Tentera Darat Malaysia.

Selain itu beliau juga berharap agar kecemerlangan 12 Bgd dapat dikekalkan dengan kerjasama daripada semua peringkat pegawai dan anggota demi menjadikan 12 Bgd sebagai bgd yang unggul dan dinamik.



Panglima dalam ucapannya turut memberi penekanan untuk membantu pasukan menyelesaikan permasalahan terhadap penemuan kelemahan dari pelbagai aspek meliputi pentadbiran, operasi, keselamatan dan logistik serta rancangan penambahbaikan kearah kemajuan khas dibawah tumpok pemerintahannya.

Turut hadir semua Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan dibawah naungan 12 Bgd bersama isteri dan Pengerusi Bakat 12, Bgd Roziah Abdullah.

MMR Wisma Perwira 1 RRD Eratkan Hubungan

KUALA LUMPUR: Majlis Makan Malam Rejimental Sempena *Dining In* dan *Dining Out* Ahli Wisma Perwira Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) telah dihadiri oleh semua pegawai dan pasangan serta pegawai yang diraikan bertempat di Wisma Perwira 1 RRD pada 4 Jan 2020.



Pegawai Memerintah, Lt Kol Mazli Mohamed Sain @ Mohd Said dalam ucapannya menyatakan Majlis MMR ini adalah salah satu cara bagi mengekalkan Sistem Pemerintahan Rejimental (SPR) sebagai tradisi ketenteraan terutamanya di pasukan.

Disamping itu, beliau juga turut menyatakan penghargaan kepada pegawai yang diraikan diatas jasa dan bakti yang telah disumbangkan kepada pasukan serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dipertua Wisma Perwira, Mej Adrian Foo Wei Chiang yang telah berusaha menjayakan majlis tersebut.

Beliau juga menyeru kepada semua pegawai dan anggota agar sentiasa komited dan serius dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dan memberi komitmen yang penuh agar dapat bersama-sama menaikkan nama pasukan di peringkat Kor khasnya dan ATM amnya. - Lt Mohd Syahmi Sahrudin, Gambar: Kpl Muhammad Abd Ghani

Serah Menyerah Pegawai Gerak 4 Div



Oleh: Kpl Norsalina Johari

KUALA LUMPUR: Markas 4 Div telah mengadakan Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Staf 1 Gerak Markas 4 Divisyen bertempat di Ruang Indera, Markas 4 Div pada 3 Jan 2020.

Majlis menandatangani Nota Serah Terima Tugas ini di antara Pegawai Staf 1 Gerak, Lt Kol Mohd Adlie Mohd dengan Lt Kol Mohd Rashid Anang disaksikan Ketua Staf Markas 4 Div, Kol Dato' Azhar Ahmad.

Turut hadir Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin dan pegawai-pegawai 4 Div.

Temuduga Keluar Pegawai MK 4 Div

KUALA LUMPUR: Markas 4 Divisyen telah mengadakan Temuduga Keluar, Masuk dan Persaraan Pegawai disempurnakan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin pada 3 Jan 2020.

Pegawai yang terlibat ialah Pegawai Staf 1 Gerak, Lt Kol Mohd Adlie Mohd yang akan bertukar keluar dan menyerahkan tugasnya kepada Lt Kol Mohd Rashid Anang.

Selain itu turut diraikan Pegawai Staf 2 Jurutera Letrik dan & Jentera Diraja (JLJ), Lt Kol Mohd Lazim Mohd Yusof yang akan bersara.

Panglima 4 Div telah merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pegawai yang bertukar keluar dan yang akan menamatkan perkidmatan

Acara diakhiri dengan penyampaian plaka sebagai tanda penghargaan kepada kedua-dua pegawai di atas sumbangan terhadap 4 Div. - **Kpl Norsalina Johari**



Pertukaran Pegawai Memerintah 74 Bn KOD



KUALA LUMPUR: Seorang pegawai dan 70 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 74 Batalion Kor Ordnans Diraja (74 Bn KOD) di Perkarangan Depot Kumpulan Stor 1 Kem Batu Kentomen pada 8 Jan 2020.

Perbarisan yang diketuai oleh Kapt Mohamad Affiroel Faqikh Yusoff ini dimulakan sejurus ketibaan Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin untuk menerima tabik hormat.

Pegawai Memerintah 74 Bn KOD, Lt Kol Lt Kol Amrit Singh Bachan Singh menyerahkan tugasnya kepada Lt Kol Lt Kol Ahmad Zaheri Harun selaku Pegawai Memerintah yang baharu.

Acara diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Penyerahan Tongkat Kuasa disaksikan oleh Panglima 4 Div.

Turut hadir bersama, Pengarah KOD, Kol Mohd Tamam Jamioon. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

Forum Ketua Staf MK 4 Div Siri 1/2020



Oleh: Kpl Norsalina Johari

KUALA LUMPUR: MK 4 Div mengadakan Forum Ketua Staf Siri 1/2020 bertempat di Ruang Indera, MK 4 Div pada 9 Jan 2020.

Penglibatan forum yang dipengerusikan oleh Ketua Staf Markas 4 Div, Kol Dato' Azhar Ahmad ini terdiri dari pada semua Pegawai Staf MK 4 Div.

Diantara perkara yang dibincangkan adalah aktiviti semasa dan perancangan aktiviti disepanjang tahun 2020 oleh setiap cawangan.

Pemakaian Pangkat Pegawai MK 4 Div

KUALA LUMPUR: Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Kapten ke Mejar, Pegawai Staf 2 Jurutera, Kapt Mohd Uzairee Mansor bertempat di Ruang Indera MK 4 Div pada 10 Jan 2020.

Pemakaian pangkat ini turut disempurnakan isteri beliau iaitu Mej Norarfah Arifin.

Panglima menzahirkan ucapan tahniah kepada Mej Uzairee dengan kenaikan pangkat tersebut.

Turut hadir, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Ahmad. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**



Monthly Medal Menembak 4 Div Permulaan Tahun 2020



PERAK: Bertempat di Lapang Sasar Menembak 2 Rejimen Renjer Diraja (RRD) Kem Syed Putra Ipoh telah diadakan Monthly Medal Pertandingan Menembak Pistol pada 14 Jan 2020.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Kompeni Seksyen Komunikasi 2 SSB, Mej Zaid Ishak berkaitan sistem permarkahan pertandingan sebelum acara dimulakan, diantara kategori yang dipertandingkan adalah menembak antara formasi dan individu jatuh piring.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah bagi Johan, dan Naib Johan, bagi Kategori menembak antara Formasi, Johan adalah Formasi 2 Bgd di ikuti Naib Johan, Formasi 4 Div.

Bagi kategori individu jatuh piring Jarak 20 Meter pula, Johan adalah Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin diikuti Naib Johan, Pegawai Memerintah 4 Rejimen Semboyan Diraja (RRD), Kol Mohammad Zairy Musa.

Turut hadir, Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Norsham Md Tap, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Hj Ahmad dan beberapa tetamu jemputan daripada Kementerian Negeri Perak. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

Ziarah Kasih 4 Div Eratkan Silaturahim dan Kebajikan Anggota

Oleh: Cwg Risik MK 2 Bgd

PERAK: Program Ziarah Kasih sempena lawatan Panglima 4 Div ke MK 2 Bgd telah dilaksanakan pada 13 Jan 2020 bertempat di Ipoh dan pada 15 Jan 2020 bertempat di Taiping.

Program ini bertujuan merapatkan hubungan antara pemimpin dan anggota dengan mendekati dan mengenali anggota atau ahli keluarga yang mengalami masalah kesihatan.

Selain itu, ia juga memupuk dan membina semangat berpasukan serta mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai dan anggota.

Lawatan ini berkonsepkan lawatan ke rumah dengan melawat anak anggota yang mempunyai masalah kesihatan yang kronik.

Program ini dijayakan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin, Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Norsham Md Tap, Pengurus BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai, Pengurus BAKAT 2 Bgd, Siti Juana Md Ibrahim serta Pengurus-pengurus BAKAT 2 Bgd.

Melalui program ini, dua anak anggota telah terpilih iaitu anak kepada Kpl Azme Salam dari 2 Komp KPTD di Ipoh yang mengalami Congenital Hydrocephalus, manakala di Taiping anak Kpl Abdul Mutualib Azizan, juga dari 2 Komp KPTD turut mengalami masalah kesihatan yang sama iaitu Congenital Hydrocephalus.

Diakhir sesi program Panglima 4 Div dan Pengurus BAKAT 4 Div sudi menyempurnakan sesi penyerahan



sumbangan dan diikuti oleh sumbangan dari 2 Bgd yang disempurnakan oleh Panglima dan Pengurus BAKAT 2 Bgd.

Turut hadir, Pegawai Memerintah 4 KPTD, PS 1 Risik 4 Div dan Pegawai Pemerintah 2 Komp KPTD.

Kunjungan Hormat Panglima 11 Bgd

KUALA LUMPUR: Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar telah menerima Kunjungan Hormat daripada Panglima 11 Bgd yang Ke-23, Brig Jen Norsham Md Tap di MK 12 Bgd pada 14 Jan 2020.

Kunjungan Hormat bertujuan untuk mengeratkan

hubungan kerjasama antara kedua-dua Bgd di bawah naungan 4 Div disamping dapat memperkemaskan lagi pentadbiran dan pengurusan Bgd di dalam membantu memperkasakan Markas 4 Div khususnya di dalam aspek keselamatan, pertahanan dan Tentera Darat amnya.

Acara dimulakan dengan ketibaan Panglima 11 Bgd sebelum menerima tabik hormat dan pemeriksaan kawalan kuarter serta diperkenalkan kepada kesemua Pegawai Memerintah, Pegawai Pemerintah dan Pegawai Staf MK 12 Bgd oleh Panglima 12 Bgd.

Acara diteruskan sesi perbincangan bertempatan di Pejabat Panglima dan jamuan makan di Anjung Seri MK 12 Bgd sebelum diteruskan dengan *exchange momento's* di antara Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar dan Panglima 11 Bgd, Brig Jen Norsham Md Tap, acara berakhir dengan sesi menandatangani buku lawatan MK 12 Bgd oleh Panglima 11 Bgd.

Turut hadir, Pemangku Ketua Staf MK 12 Bgd, Pegawai Memerintah, Pegawai Pemerintah dari pasukan bawah naungan dan pegawai staf MK 12 Bgd. - **Pbt Abu Huzaifah Sabarudin**



Panglima 13 Bgd Lawat Kawasan Operasi

SABAH: Panglima 13 Briged, Brig Jen Abdul Razak Hussain telah melakukan lawatan operasi di kawasan operasi Sektor Romeo melibatkan kawasan Pos Tambisan, Pos Paman Hutan, Pos Tanduo dan Pos Felda Sahabat 16 serta Kem Cenderawasih Lahad Datu pada 12 Jan 2020.

Sepanjang lawatan, beliau turut diiringi oleh Pegawai Staf 2 Gerak dan Ketua Kumpulan Log dari Markas 13 Bgd.

Taklimat telah disampaikan oleh ketua penempatan setiap pos dari 11 RAMD.



Perbarisan Ulung Pegawai Memerintah 3 RAMD

SABAH: Seramai 16 pegawai dan 262 anggota Lain-Lain Pangkat Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) terlibat dalam Perbarisan Ulung Pegawai Memerintah 3 RAMD bertempat di Padang Kawad Pasukan pada 15 Jan 2020.

Perbarisan tersebut juga dilaksanakan sempena kejayaan pasukan menamatkan tugas operasi baru-baru ini. Acara perbarisan dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan Pegawai Memerintah, Lt Kol Yousrie Muhamad diiringi Penolong Pegawai Memerintah.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau telah

mengucapkan tahniah dan syabas serta menzahirkan rasa bangga dengan tahap pencapaian pasukan yang cemerlang sepanjang tahun 2019.

Beliau turut menyatakan betapa pentingnya semangat kerjasama dan setiaikawan di setiap peringkat pemimpin dan anggota di dalam meningkatkan tahap kesiagaan pasukan.

Di samping itu, beliau memuji peranan anggota BAKAT pasukan kerana telah memberikan komitmen yang jitu dalam mendepani cabaran selaku isteri kepada anggota tentera.

Akhir sekali, beliau juga mengingatkan agar setiap pegawai dan anggota dapat memahami konsep ASAS dan membudayakan amalan regimental serta *basic soldiering* dalam melaksanakan tugas sehari-hari agar ianya dapat menjadi teras utama kepada kecemerlangan yang berterusan buat pasukan 3 RAMD.

- Lt Mohammad Fakkurradzi Mohd Yusof,
Gambar: LKpl Shaharudin Saipo



Pegawai Memerintah 8 RRD Para Lawat Kompeni QRF

Oleh: Mej Yusrin Azuan Abd Aziz

SABAH: Pegawai Memerintah Batalion Ke-8 Rejimen Renjer Diraja (Para), Lt Kol Zulkifli Raub telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kompeni B (QRF) mulai 13 hingga 16 Jan 2020.

Tujuan lawatan ini adalah sebagai penyunting semangat dan sokongan moral kepada anggota yang sedang bertugas menjaga di perbatasan sempadan perairan Malaysia - Filipina - Indonesia.

Lawatan dimulakan dengan kunjungan hormat kepada Komander ATB 2 iaitu Brig Jen Johari Mohd Jaafar di MK ATB 2, Tawau.

Selain itu, Pegawai Memerintah turut menyempurnakan pemakaian pangkat kepada empat anggota LLP serta penyampaian cek sumbangan Zakat ATM kepada Kpl Roslim Yagan.

Dalam perjumpaan bersama anggota QRF, Pegawai Memerintah mengingatkan supaya sentiasa bersiap sedia dalam menjaga sebarang atur gerak dan memastikan mutu



disiplin di tahap yang tertinggi.

Beliau juga berpesan walaupun situasi persempadanan negara aman namun keselamatan negara seharusnya menjadi agenda utama dalam memelihara keamanan negara.

Jelajah Sambutan HTD Ke-87

SABAH: Siri Jelajah Sambutan Hari Tentera Darat Ke-87 telah sampai ke destinasi seterusnya iaitu di Kompleks Sukan Lahad Datu pada 26 Jan 2020.

Acara bermula dengan ketibaan Konvoi *Battle Group* yang diketuai oleh Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain dan disambut oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim serta ADUN

Lahad Datu, Hj Dumi Masdal.

Ketibaan konvoi tersebut telah dirasmikan menerusi acara simbolik perletakan Cokmar Tentera Darat bagi menandakan konvoi tersebut telah sampai ke Bandar Lahad Datu sebagai salah sebuah destinasi bagi sambutan ini.

Selain pameran aset tempur TD, agensi-agensi awam lain turut memeriahkan program melibatkan agensi dari Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Persatuan Veteran ATM Cawangan Lahad Datu dan MK ESSCOM Pertahanan.

Majlis turut dimeriahkan menerusi pertunjukan udara oleh 881 Rej PUTD, persembahan tembakan artileri oleh 6 RAD dan Demonstrasi Kenderaan Kembalik oleh 13 Wksp Bgd.

Sebelum melabuhkan tirai pameran pada hari pertama, TD telah menganjurkan perlawanan bola sepak persahabatan antara penduduk setempat dan warga 13 Bgd. - 5 Div



Jelajah Konvoi Kumpulan Tempur TDM Di Sandakan

Oleh: Sel Op Media Perhubungan Raya

SABAH: Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat Malaysia (TDM) kini telah berada di Kompleks Sukan Sibuga bermula pada 1 Feb sehingga 2 Feb 20.

Kemuncak acara pada hari ini adalah dengan kehadiran Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain dan Ahli Parlimen Sandakan, Vivian Wong Shir Yee bagi menyempurnakan perletakan Cokmar Tentera Darat sebagai simbolik perasmian pameran Konvoi Kumpulan Tempur TD.

Perhentian selama tiga hari di Kompleks Sukan Sibuga, Sandakan, menyediakan pelbagai acara menarik bersama masyarakat di kawasan setempat.

Acara yang telah diatur oleh TDM seperti pameran aset, kenderaan dan persenjataan Tentera Darat, persembahan drum line, aktiviti derma darah, pameran kerjaya dan promosi, demonstrasi ikhtiar hidup, pertunjukan payung



terjun, aktiviti bersama kanak-kanak dan pengambilan perajurit muda TDM telah merekodkan lebih kurang 5 ribu pengunjung yang tidak putus-putus membanjiri Kompleks Sukan Sibuga, Sandakan seawal jam 7.30 pagi lagi bagi melihat sendiri kemeriahannya pameran tersebut.

Turut hadir, Panglima-Panglima dibawah naungan Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat dan Pegawai Kanan TD.

Penyerahan Program Jiwa Murni Sempena Sambutan HTD Ke-87

SABAH: Pasukan 5 Skn Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) telah melaksanakan Program Jiwa Murni (PJM) sempena Sambutan Hari Tentera Darat Ke-87 di beberapa lokasi terpilih di Lahad Datu bermula pada 23 hingga 27 Jan 2020.

Penyerahan projek tersebut telah disempurnakan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim dan Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain disertai Penolong Pegawai Daerah Lahad Datu, Jaslee Jaafar bertempat di Dewan Serbaguna Kg Cocos.

Projek tersebut telah dilaksanakan oleh seorang pegawai dan 29 anggota LLP yang diketuai oleh Lt Chang Wee Loong dan antara projek yang dilaksanakan adalah kerja-kerja membaik pulih Masjid Nurul Jihad Kg Cocos, Masjid Nur Salam Kg Silam, Gereja Our Lady of the Pillar Kg Teluk Soiaun diikuti aktiviti gotong-royong

membersihkan Masjid Nurul Jihad dan Tabika Kemas di Kg Cocos dan membersihkan tanah perkuburan di Kg Silam.

Acara penyerahan tersebut diakhiri dengan aktiviti sukan badminton yang mana Panglima 3 Div dan Panglima 13 Bgd berpeluang untuk mempamerkan ketangkasannya bersama penduduk setempat di dalam acara sukan tersebut. - Lt Chang Wee Loong, Gambar oleh: 5 Skn RAJD



Jelajah Sambutan HTD Melabuhkan Tirai

Oleh: Cwg Risik MK 13 Bgd

SABAH: Siri Jelajah Sambutan Hari Tentera Darat Ke-87 akan meneruskan perjalanan ke destinasi seterusnya iaitu Sandakan selepas melabuhkan tirainya di Kompleks Sukan Lahad Datu.

Sambutan yang dilaksanakan selama tiga hari bermula pada 26 hingga 28 Jan 2020 telah memberi peluang kepada penduduk setempat untuk melihat sendiri aset-aset dan keupayaan TD di negeri Sabah.

Acara melepaskan konvoi *Battle Group* disempurnakan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim dan ADUN Lahad Datu, Hj Dumi Masdal dengan acara simbolik menyerahkan cokmar kepada ketua konvoi iaitu Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain.

Acara pada hari terakhir diteruskan dengan pelbagai aktiviti seperti demonstrasi tembakan meriam oleh 6 RAD, demonstrasi tembakan mortar oleh 26 RAMD, demonstrasi tembak, khemah survival oleh 8 RS dan gerak



oleh 26 RAMD dan TTS oleh 8 RAMD sebelum kumpulan konvoi bergerak pada sebelah petang.

Acara sambutan ini memperlihatkan bahawa warga Lahad Datu amat mengagumi keupayaan TD

dalam menjaga kedaulatan Negeri Sabah bertepatan dengan cogan kata Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa.

Pelepasan Konvoi Tempur TD Dari Lahad Datu Ke Sandakan

SABAH: Majlis ringkas pelepasan Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat telah disempurnakan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim dan Hj Dumi Pg Masdal, Ahli Dewan Undangan Negeri Lahad Datu merangkap Pembantu

Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah bertempat di Kompleks Sukan Lahad Datu pada 28 Jan 2020.

Kedua tetamu ini menyerahkan cokmar Hari Tentera Darat kepada Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abd Razak Hussain yang kemudiannya menyerahkan kepada Ketua Konvoi,

Mej Muhammad Thaib Kamarul Bahrin yang akan meneruskan perjalanan ke persinggahan seterusnya di Sandakan.

Turut hadir di majlis ini adalah beberapa pegawai ESSCOM diketuai Timbalan Komander ESSCOM, Brig Jen Hamzah Ali.

Konvoi 29 buah pelbagai jenis kenderaan Tentera Darat ini akan meneruskan perjalanan di beberapa persinggahan lagi seperti bandar Sandakan, Kudat, Kota Belud dan berakhir di Kota Kinabalu.



MMR Rejimen 21 Komando

Oleh: Kapt Sirichai Manichorte

Gambar: SSjn Ahmad Norizam Jaaffar

MELAKA: Seramai 32 pegawai bersama pasangan dan 114 PTT Kanan bersama pasangan telah menghadiri Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) Rejimen 21 Komando yang diadakan di hotel terkemuka sekitar Bandar Melaka pada 4 Jan 2020.

Disamping itu, majlis turut meraikan 20 pegawai dan PTT Kanan yang telah bertukar keluar dan menamatkan perkhidmatan daripada Rejimen 21 Komando yang mana dalam majlis tersebut turut diadakan tayangan video pegawai dan PTT Kanan yang diraikan.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah Rejimen 21 Komando, Kol Mohd Fouzi Sulaiman menyatakan bahawa MMR ini merupakan satu MMR yang dilaksanakan dengan penuh tradisi dan adat resam ketenteraan daripada pelbagai aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan, beliau juga mengucapkan ucapan jutaan terima kasih kepada pegawai dan PTTK yang diraikan.

Beliau juga dalam ucapannya, tidak lupa pada para isteri Rejimen 21 Komando yang telah banyak berkorban masa demi pelaksanaan tugas serta kerjaya suami masing-masing.



Pegawai Memerintah juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada YDP dan seluruh Jawatankuasa sama ada terlibat secara langsung maupun tidak kerana telah memberikan sepenuh komitmen untuk menjayakan MMR ini.

Serah Menyerah Peg Mem 21 Kump Log GGK



JOHOR: Seramai lapan pegawai dan 70 anggota 21 Kumpulan Logistik Gerup Gerak Khas menyertai perbarisan Serah Menyerah Pegawai Memerintah 21 Kump Log GGK yang dilaksanakan dipadang Kawad 21 Kump Log GGK pada 6 Jan 2020.

Majlis serah menyerah tugas ini diantara Kol Ir. Hj Mohd Hazani Hj Shafie dengan Kol Ahmad Jaidi Ali.

Perbarisan serah menyerah dimulakan dengan perbarisan masuk padang, menunggu ketibaan dan pemeriksaan perbarisan serta ucapan oleh Pegawai Memerintah 21 Kump Log GGK yang lama.

Serah Menyerah Tugas Pegawai Memerintah disaksikan oleh Ketua Staf Am GGK, Brig Jen Datuk Jamaludin Jambi yang mana majlis diteruskan dengan acara bergambar.

- **Kapt Sirichai Manichorte, Gambar: SSjn Ahmad Norizam Jaafar**

PAB Lawat 17 RAMD Para

MELAKA: Batalion Ke-17 RAMD (Para) diberi penghormatan menerima Lawatan Panglima Angkatan Bersama (PAB), Lt Jeneral Dato' Suhaimi Haji Mohd Zuki pada 21 Jan 2020.

Lawatan bermula dengan perbarisan oleh seluruh pegawai dan anggota 17 RAMD (Para) yang diketuai oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Anwar Zamani Jusop. Lawatan Panglima Angkatan Bersama diteruskan dengan tinjauan ke *Combat Village* yang telah diinspirasikan oleh beliau sendiri pada 25 Julai 2000 semasa menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah 17 RAMD (PARA) yang ke-15.

Acara diakhiri dengan Majlis Makan Tengahari bersama Warga 17 RAMD (Para) di Dewan Makan Adam 17 RAMD (Para).



Turut hadir, Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Haji Semaon Hj Marjuki. -**Lt M Muhammad Hazim Hanis Anuar, Gambar: Sel Risik 17 RAMD (Para)**

Panglima 10 Bgd Para Lawat Komp PANDURA Para



Oleh: Kapt Mohamad Haziq Mohd
Gambar: Sel Risik 10 Bgd (Para)

MELAKA: Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki melakukan lawatan ke Kompeni PANDURA (Para) pada 21 Jan 2020.

Beliau kemudiannya telah diberi taklimat oleh Pegawai Pemerintah Komp PANDURA (Para), Mej Huzairein Yacob di Bilik Gerakan berkenaan perkara G, A dan Q pasukan dan seterusnya dibawa melawat ke tempat penginapan

anggota bujang dan stor-stor pasukan.

Selain itu, antara aktiviti lain yang turut diuji adalah tahap kesiapsiagaan dari segi Pengetahuan Ketenteraan, Fizikal dan Spiritual warga pasukan melibatkan Ujian Kecergasan Asas (UKA) 2.4km, Ujian Jalan Laju (UJL) 5km, UKKI Ujian Berkawad dan Ujian Fadhu Ain.

Panglima 10 Bgd (Para) juga dipersembahkan dengan demonstrasi kompetensi *awareness combat shooting, strong/weak hand shooting* dan *advance barricade shooting* yang mana ianya adalah simulasi kepada menembak disebalik pelbagai perlindungan selain ianya juga meningkatkan keparisan pengendalian senjata bagi setiap individu.

Dalam ucapannya beliau sangat berpuas hati dengan tahap persiapan dan kesiagaan yang dipamerkan pasukan serta menegaskan bahawa Komp PANDURA (Para) adalah aset penting sebagai *eyes and ears* kepada ketumbukan 10 Bgd (Para).

Terdahulu dari itu beliau turut melakukan Pemeriksaan Tadbir Tahunan dengan melakukan pemeriksaan peralatan *Full Service Marching Order* (FSMO) di hadapan perkarangan pasukan.

Penutup Kursus Asas Komando

MELAKA: Penutup Kursus Asas Komando Siri AK/3/2019 telah disempurnakan oleh Panglima 21 GGK, Mej Jen Datuk Hasan Ali bertempat di Betutu Laut, Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK), Kem Sg Udang pada 28 Jan 2020.

Seramai lima pegawai dan 163 LLP melapor bagi mengikuti kursus, walau bagaimanapun daripada jumlah tersebut hanya empat pegawai dan 59 LLP berjaya lulus dan dianugerahkan Beret Hijau, Lanyard Biru, Pisau Komando dan Diploma Asas Komando.

Acara pada hari penutupan tersebut turut diselitkan dengan demonstrasi daripada Tim Seni Mempertahankan Diri PULPAK serta Penyerahan Bendera Kursus yang menjadi simbolik dan tradisi majlis penutupan diserahkan oleh Komandan PULPAK, Kol Adi Ridzwan Abdullah kepada Kapt Mohd



Amirul Syafiq Amirudin selaku Ketua Cawangan Komando.

Panglima 21 GGK dalam ucapan beliau menyampaikan pesan agar

sentiasa menjaga maruah Beret Hijau yang dijunjung dikepala hingga ke akhir hayat. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**

Eks Stallion Swing Siri 1/2020

10 Komp KPD Para

Oleh: Kapt Muhammad Uzair
Sukree

Oleh: Lt Syahrul Faiz Ibrahim

MELAKA: Latihan Guguran Udara menggunakan kaedah *Low Velocity Airdrop* (LVAD) telah dilaksanakan selama tiga hari bermula pada 8 hingga 10 Jan 2020 bertempat di Pangkalan Udara Subang yang berperanan sebagai Pengkalan Pelancar manakala Zon Gugur adalah di Zon Gugur Penor, Pahang.

Seramai tiga pegawai dan 59 anggota LLP terlibat sepanjang eksesais dilaksanakan dan unit di bawah naungan 10 Bgd (Para) yang turut terlibat secara langsung di dalam latihan ini adalah Komp Pandura

(Para), 10 SSB (Para), 10 Skn RAJD (Para) dan Komp Perubatan Para (KPP).

Secara amnya, eksesais ini dikoordinasikan oleh Markas 10 Briged (Para) dengan bantuan daripada pihak TUDM sebagai Pra Eksesais bagi Eksesais *Tactical Operation* (TACOP) yang akan dilaksanakan pada bulan Apr tahun ini.

Eksesais gabungan dua perkhidmatan ini merupakan Latihan Guguran Udara muatan jenis *Container Delivery*



System (CDS) dan *Low Cost Low Altitude* (LCLA) daripada pesawat jenis *Fixed Wing* (C-130H) dari No 20 Skn TUDM yang di gugurkan di Zon Gugur Penor dan sebanyak 20 CDS dan dua LCLA telah digugurkan di dalam eksesais ini.

Objektif utama latihan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan *currency* anggota yang terlibat di Pengkalan Pelancar iaitu di Pangkalan Udara Subang dan Kumpulan *Recovery* Zon Gugur di Zon Gugur Penor di dalam menyediakan keperluan bantuan logistik udara di dalam atur gerak 10 Briged (Para).

Pemeriksaan Tadbir Tahunan

17 RAMD Para

MELAKA: Seramai 18 pegawai dan 400 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Pemeriksaan Tadbir Tahunan disempurnakan oleh Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki pada 13 Jan 2020.

Pemeriksaan Tadbir Tahunan ini dimulakan dengan Kawalan Kehormatan Kuarter di Balai Pengawal Pasukan diikuti Perbarisan di Padang Kawad dan pemeriksaan peralatan *Full Service Marching Order* (FSMO).

Seterusnya, Panglima telah diberi taklimat oleh Pegawai Memerintah 17 RAMD (Para), Lt Kol Anwar Zamani Jusop di Bilik Gerakan Oshakati berkenaan dengan kesiagaan pasukan dan seterusnya dibawa melawat ke Penginapan Bilik Bujang Anggota dan sekitar Kem 17 RAMD (Para).

Antara aktiviti lain yang turut diuji adalah tahap *Battle Readiness* dan kesiapsiagaan dari segi Intelektual, Fizikal dan spiritual warga pasukan dengan melaksanakan Ujian Kecergasan Asas (UKA) 2.4km, Ujian Jalan Laju (UJL) 5km, UKKI Ujian Kawad dan Ujian Membaca Al-Quran.

Panglima dalam ucapan sangat berpuas hati dengan tahap pengurusan dan kesiagaan pasukan serta semangat, prestasi dan taat setia yang tidak berbelah bahagi yang ditunjukkan oleh warga 17 RAMD (Para) dalam menghadapi Pemeriksaan Tadbir Tahunan sejarah dengan teras pemerintahan beliau yang telah digariskan. - **Lt Noormas Aiman Noor Rizan, Gambar: Sel Risik Pasukan**



Pemeriksaan Tadbir Tahunan 10 SSB Para



Oleh: Lt Azfar Asyrafie Ahmad
Gambar: Kpl Mohd Azrul Abdul Aziz

MELAKA: Seramai dua pegawai dan 114 anggota Lain-Lain Pangkat 10 SSB (Para) terlibat dalam Pemeriksaan Tadbir Tahunan dan Lawatan Ulung Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki pada 16 Jan 2020.

Pemeriksaan Tadbir Tahunan ini dimulakan dengan

Kawalan Kuarter di Balai Pengawal Pasukan diikuti Perbarisan dan pemeriksaan peralatan *Full Service Marching Order* (FSMO) di Padang Kawad pasukan.

Seterusnya panglima telah diberi taklimat oleh Ketua Skuadron, Lt Kol Marvine Gep di Bilik Gerakan pasukan berkenaan perkara G, A dan Q pasukan dan seterusnya dibawa melawat ke pejabat-pejabat dan kawasan sekitar Kem 10 SSB (Para).

Antara aktiviti lain yang turut diuji adalah tahap *Battle Readiness* dan kesiapsiagaan dari segi Intelektual, Fizikal dan Spiritual warga pasukan dengan

melaksanakan Ujian Kecergasan Asas (UKA) 2.4km, Ujian Jalan Laju (UJL) 5km, UKKI Ujian Berkawad dan Ujian Fadhu Ain.

Panglima dalam ucapan sangat berpuas hati dengan tahap pengurusan dan kesiagaan pasukan serta semangat, prestasi dan taat setia yang tidak berbelah bahagi yang ditunjukkan oleh warga 10 SSB (Para) dalam menghadapi Pemeriksaan Tadbir Tahunan sejajar dengan teras pemerintahan beliau yang telah digariskan.

Panglima 10 Bgd Para Lawat Skn Armor Para

MELAKA: Seramai empat pegawai dan 89 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Pemeriksaan Tadbir Tahunan dan Lawatan Ulung Panglima yang disempurnakan oleh Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki pada 14 Jan 2020.

Pemeriksaan Tadbir Tahunan ini dimulakan dengan Kawalan Kuarter di Balai Pengawal Pasukan diikuti Perbarisan yang diketuai Penolong Pegawai Pemerintah pasukan dan pemeriksaan peralatan *Full Service Marching Order* (FSMO) di Dataran Para Skn Armor Para.

Seterusnya panglima telah diberi taklimat oleh Pegawai Pemerintah pasukan, Mej Muhammad Isa Hasan di Bilik Gerakan berkenaan perkara G, A dan Q pasukan dan seterusnya dibawa melawat ke cawangan-cawangan di dalam pasukan serta beliau telah berpeluang memandu KJA Adnan Ambulans di Litar Rentas Halangan KJA.

Antara aktiviti lain yang turut diuji adalah tahap kesiapsiagaan dari segi Pengetahuan Ketenteraan, Fizikal dan Spiritual warga pasukan melibatkan beberapa ujian seperti Ujian Kecergasan Asas (UKA) 2.4km, Ujian Jalan Laju (UJL) 5km, UKKI Ujian Berkawad dan Ujian Fadhu Ain.

Dalam ucapannya beliau sangat berpuas hati dengan tahap persiapan

dan kesiagaan pasukan berdasarkan prestasi dan tahap setiakawan yang tidak berbelah bahagi tanpa mengira bangsa dan agama yang ditunjukkan oleh warga Skuadron Armor Para.

Walaupun pasukan terletak jauh dari MK 10 Bgd Para, namun tahap kesiagaan pasukan masih ditahap yang tinggi dan membanggakan, sebelum beredar Panglima 10 Bgd (Para) menandatangani Buku Lawatan dan bergambar kenang-kenangan. - **Kapt Ahmad Azuar Amir,**
Gambar: Lt Wan Mohd Farham



Sambutan HUT Skuadron Pertama RAJD Ke-66



Oleh: Lt Muhammad Zhafri Yusuf Zolkifli
Gambar: Kpl Mohd Izril Hafiz Zakbar

PERAK: Seramai empat pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) Skuadron Pertama (1 Skn) RAJD Ke-66 yang disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah 1 Skn RAJD, Mej Dzul Hakim Hj Mohd Khalid bertempat di Padang Kawad Kem Sangro pada 1 Januari 2020.

Dalam ucapan Pegawai Pemerintah, beliau berterima kasih kepada para tetamu dan veteren di atas kesudian hadir bagi memeriahkan lagi majlis yang julung kali diajukan dan menekankan enam teras penting Kor RAJD yang harus semua anggota patuhi.

Ianya selari dengan hasrat Ketua Jurutera Ke-15 ketika menyampaikan Perintah Ulung yang beliau sesuaikan dengan UBIQUE iaitu *Unity, Brotherhood, Information,*

Quality, Uniformity dan Emphaty.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada tiga orang anggota yang telah dinaikkan pangkat dari Kpl ke Sjn dan dari Spr ke LKpl serta enam orang anggota yang dianugerahkan Sijil Kecemerlangan Peg Pemerintah 1 Skn RAJD bagi tahun 2019.

Majlis diteruskan dengan Mantan Peg Pem, Mantan SMS dan veteren ke sudut sejarah pasukan 1 Skn RAJD bagi mengenang kembali sejarah lama pasukan, projek-projek yang pernah diuruskan oleh pasukan, kejayaan pasukan dan wira 1 Skn RAJD yang gugur semasa operasi.

Dalam majlis ini tetamu dipersembahkan pantomin bagi memperingati jasa dan pengorbanan salah seorang Perwira Negara dari 1 Skn RAJD yang cedera dalam melaksanakan Operasi Kota di kawasan Empangan Temenggor Gerik, Perak pada tahun 1975.

Diakhir pantomin, Peg Pemerintah, Mej Mohd Dzul Hakim Hj Mohd Khalid menyampaikan sumbangan kepada LKpl (B) Mohd Jamal Abd Rahman yang merupakan anggota tercedera semasa menjalankan operasi tersebut.

Acara diteruskan dengan upacara memotong pulut kuning sebagai simbolik kepada HUT 1 Skn RAJD Ke-66 dan penyampaian cenderahati kepada Mantan-Mantan Peg Pemerintah, Mantan-Mantan SMS 1 Skn RAJD.

Turut hadir, Mantan Ketua Jurutera Ke-9, Brig Jen (B) Dato' Mohd Hashim Hj Abdullah dan isteri, Mantan-Mantan Pegawai Pemerintah, Mantan SMR Skuadron 1 Skn RAJD, Ahli BAKAT dan Veteren 1 Skn RAJD.

Perbarisan Hari RAJD Pakar Ke-57



KUALA LUMPUR: Seramai lapan pegawai dan 84 anggota LLP termasuk lima pegawai serta 48 anggota LLP sukarela menyertai Perbarisan Sempena Hari Ulang Tahun Rejimen Askar Jurutera Diraja Pakar (Askar Wataniah) yang disempurnakan oleh Komander Rejimen Jurutera Pakar, Kol Redha Abdurrahman di perkarangan Wisma Seri Kota, Jalan Tun Ismail pada 3 Jan 2020.

Majlis diteruskan lagi dengan pemotongan Pulut Kuning sebagai tanda meraikan Hari RAJD Pakar Ke-57 pada kali ini. - **Jab Arah RAJD**

Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena HUT 4 Div Ke-39



Oleh: Kpl Mohd Sadiq Zakaria

KUALA LUMPUR: Seramai 50 pegawai dan 200 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) hadir dalam Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Doa Selamat Sempena Ulang Tahun 4 Divisyen Ke-39 bertempat di Masjid Muhammad Al-Fateh Kem Wardieburn, Setapak pada 3 Jan 2020.

Majlis dimulakan sejurus ketibaan Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin, bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat ini telah dipimpin oleh Pegawai Staf 2 Agama MK 4 Div, Mej Wan Ismail Wan Abdullah.

Turut hadir, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Norsham Md Tap dan Panglima 12 merangkap Pengerusi Masjid MAF, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar.

Perbarisan HUT PLDTD Ke-26

NEGERI SEMBILAN: Seramai 17 pegawai dan 421 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (PLDTD) Ke-26 disempurnakan oleh Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Mohamad Ab Rahman bertempat di Padang Kawad Kem Segenting pada 10 Jan 2020.

Panglima Latihan TD turut membacakan Perintah Ulung beliau serta menyempurnakan acara Pemakaian Pangkat melibatkan 12 anggota LLP dari pasukan di bawah naungan PLDTD.

Sambutan diteruskan dengan jamuan dan acara memotong kek HUT PLDTD Ke-26 di Dewan Serbaguna Kem Segenting.

Acara diteruskan dengan Majlis Tahlil dan Khutbah serta Solat Jumaat di Masjid Kem Segenting

bersempena HUT PLDTD bagi mengakhiri acara sambutan. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**



Program Derma Darah Sempena HUT 12 Bgd



Oleh: Lt M Mohamad Syafiq Muhammin Zakaria
Gambar : Pbt Abu Huzaifah Sabarudin

KUALA LUMPUR: Seramai 300 warga 12 Bgd dari pasukan bawah naungan telah menderma darah sempena Hari Ulang Tahun 12 Bgd Ke-39 disempurnakan oleh Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar bersama Pengarah

Pusat Darah Negara, Dr Noryati Abu Amin di Dewan Dato' Othman Harun pada 09 Jan 2020.

Program Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara ini diadakan bertujuan bukan sahaja untuk meraikan HUT 12 Bgd malah turut membantu menampung keperluan bekalan Tabung Darah Negara dalam memastikan bekalan darah mencukupi bagi kegunaan dari masa ke semasa.

Program yang bermula pada awal pagi ini melibatkan kehadiran pegawai dan anggota bawah naungan 12 Bgd dan dimeriahkan

dengan penyerahan cenderahati dari Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar kepada Pengarah Pusat Derma Darah, Dr Noryati Abu Amin.

Program berakhir sekitar tengahari dengan jumlah pengumpulan sebanyak 226 pek darah.

Turut hadir, Pemangku Ketua Staf 12 Bgd, Pegawai Memerintah dan Pegawai Pemerintah bawah naungan.

Perbarisan HUT PULADA Ke-48

JOHOR: Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) mengadakan Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) PULADA Ke-48 disempurnakan oleh Komandan PULADA, Kol Isa Daud bertempat di Padang Kawad PULADA, Kem Ulu Tiram pada 14 Jan 2020.

Seramai 23 pegawai dan 286 Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam perbarisan yang terdiri daripada bahagian dan cawangan di PULADA diketuai oleh Mej Saiful Masri Md Sobry dan Ajutan perbarisan, Kapt Muhammad Faizan Zainal serta diiringi Platon Tambor 6 RRD.

Komandan PULADA juga menyampaikan ucapan beliau dan menyempurnakan Pemakaian Pangkat melibatkan 12 LLP dari bahagian dan cawangan PULADA, acara sambutan diakhiri dengan pemotongan Pulut Kuning oleh Komandan dan Ketua-Ketua

Bahagian.

Terdahulu Majlis Tahlil dan Khutbah Khas serta Solat Jumaat di Masjid Al-Mujahadah bersempena HUT PULADA ke-48 telah dilaksanakan pada 10 Jan 2020 yang lalu dihadiri oleh 400 jemaah terdiri daripada pegawai, anggota, staf awam dan penduduk setempat. - **Mej Nor Shafiza Zakaria**



Komander Rej 504 AW Lawat Kolej Semboyan Tentera Pakistan

Oleh : Rejimen 504 Askar Wataniah.
Gambar : Pejabat DYT M Raja Muda Perlis.

PAKISTAN: Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Brig Jen Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Komander Rejimen 504 Askar Wataniah (R504AW) telah mencemar duli melakukan Lawatan Kerja ke Kolej Semboyan Tentera (Military College of Signal) Pakistan di Rawalpindi pada 21 Feb 2020.

Keberangkatan tiba baginda diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, TYT Ikram Mohd Ibrahim dan Penasihat Pertahanan di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Pakistan, Kolonel Abu Hashim Jamaludin serta disambut oleh Komandan Military College of Signa, Mej Je Muhammad Ali Khan dan Ketua Bahagian Koordinasi kolej berkenaan, Brig Jen Agha Ali dan turut menyampaikan taklimat khas kepada baginda.

Tuanku Raja Muda Perlis selaku Tuanku Canselor UniMAP dan Komander R504AW dalam Lawatan Kerja Akademik dan Strategi Ketenteraan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam (UA) Malaysia bertitah, kajian semula mengenai mekanisma penguatkuasaan dan pematuhan



terhadap pekeliling dan akta supaya seseorang anggota sukarela Askar Wataniah (AW) yang akan menjalani latihan ketenteraan itu diberi pelepasan khas oleh pihak majikan tanpa ada sebarang prejedis kepada anggota berkenaan juga wajar diperhalusi lagi oleh pihak-pihak yang berwajib.

Semakan semula terhadap kadar elauan anggota Askar Wataniah (AW) juga perlu dilakukan lebih kerap agar setimpal dengan latihan serta keperluan yang dipertanggungjawabkan.

Tambah baginda lagi, Adalah wajar dipertimbangkan agar diperbanyakkan lagi keistimewaan serta kemudahan yang diberikan kepada anggota

pasukan Rejimen Askar Wataniah di negara ini dari masa kesemasa.

Sesungguhnya kerahan tenaga Askar Wataniah selaku angkatan cabang Tentera Darat merupakan benteng pertahanan kedua negara yang akan diaturgerakkan sekiranya negara berada dalam situasi darurat.

Turut sama mengiringi baginda ialah Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Kol (K) Ir Ts R Badlishah Ahmad Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merangkap Komandan PALAPES UniMAP dan Kapt Mohd Azam Muhammad Akhir dari Universiti Malaysia Pahang.

Maj Gen (R) Arthur George Denaro CBE DL Lawat MK PLDT

NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (PLDT) telah menerima lawatan daripada Maj Gen (R) Arthur George Denaro CBE DL iaitu seorang Bekas Pegawai Kanan Tentera Darat British pada 26 Feb 2020.



Acara dimulai dengan ketibaan beliau di Wisma Perwira *The Sunset Kem Segenting* dan disambut oleh Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman diikuti jamuan makan tengah hari bersama semua pegawai staf MK PLDTD.

Maj Gen (R) Arthur George Denaro CBE DL merupakan seorang Bekas Pegawai Kanan dalam Tentera Darat dan beliau telah dilahirkan di Sungai Petani, Kedah ketika bapa beliau Mendiang Brig Gen Tancred Denaro CBE DSO sedang berkhidmat sebagai Pegawai Memerintah 1 RAMD pada tahun 1947.

Tujuan lawatan ini adalah untuk beliau mengimbau kembali nostalgia ketika keradaan beliau di Malaysia pada ketika itu dan lawatan diakhiri dengan menandatangani Buku Lawatan serta acara bergambar.

Turut hadir Pengarah Pengurusan Latihan, Brig Jen Dato' Nazari Abd Hadi dan Ketua Pengarah Doktrin, Brig Jen Dato' Md Rahim Hj Mohamad. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**

Patroli Terkoordinasi Malaysia-Indonesia

Oleh: Pbt Muhammad Mujibur Rahman Mohd Hosni

INDONESIA: Batalion Ketiga Belas Rejimen Askar Melayu Diraja (Bn 13 RAMD) selaku wakil TDM dan Yonif 133/Yudha Sakti selaku wakil TNI-AD melaksanakan rondaan melibatkan satu platoon dari kedua-dua unit tersebut bermula dari 3 sehingga 12 Feb 2020.

Patroli terkoordinasi ini dilaksanakan adalah untuk menghalang aktiviti-aktiviti jenayah rentas sempadan di kawasan rondaan bersama iaitu bermula dari Pos Mentari dan Pos Perumbang, Kalimantan Barat seterusnya bertemu di titik tengah di Pos Lubok Antu, Sarawak yang mana jarak keseluruhan rondaan adalah sejauh 30 KM.

Aktiviti Bilateral yang berlangsung selama 10 hari ini turut disertakan dengan aktiviti bersama seperti bersukan dan program jiwa murni TDM dan TNI-AD di kawasan perbatasan sempadan negara iaitu melibatkan penduduk kampung setempat.

Tujuan utama aktiviti ini diadakan adalah untuk



memupuk persefahaman dan kerjasama antara TDM dan juga TNI-AD di perbatasan.

Pembukaan Patroli Terkoordinasi (PATKOR) Siri 1/2020 ini dilakukan secara bersama oleh Ketua Staf MK 3 Bdg, Lt Kol Salleh dan Kasrem 121/ABW Kolonel Inf NRP Marzuki.

Komander Rej 504 AW Ke Thailand

THAILAND: Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Brig Jen Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Komander Rej 504 AW telah berangkat mengadakan lawatan kerja di Bangkok mulai 18 hingga 20 Feb 2020.

Antara tempat yang dilawati adalah Markas Bahagian Pasukan Simpanan, Angkatan Tentera Diraja di Bangkok dan Memorial Kebangsaan Negara Thailand yang terletak di Tambon Ku Kot, Lam Luk Ka District, Pathum Thani Province.

Keberangkatan tiba baginda di Markas Bahagian Pasukan Simpanan Thailand disambut oleh Komander Pasukan Simpanan, Lt Jen Prakarn Padavanija dan disusuli dengan taklimat oleh Komander.

Manakala ketibaan baginda di Memorial Kebangsaan Negara Thailand disambut oleh Penyelia Seksyen Sejarah dan Arkeologi Ketenteraan Thailand, Komander Wing Srijun Wongpoodee.

Tuanku Komander yang dalam rangka lawatan kerja Akademik dan Strategi Ketenteraan Pasukan Latihan

Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam (UA) Malaysia dalam titah agar Ibu bapa dan penjaga dapat menasihati anak-anak atau jagaan mereka yang ditauliahkan sebagai Pegawai Tauliah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk terus terlibat aktif dalam Askar Wataniah selepas masing-masing tamat pengajian mereka di universiti-universiti awam.

Ini disebabkan kebijakan Pegawai Tauliah PALAPES akan lebih terjaga dan terjamin apabila mereka terus terlibat aktif dalam pasukan Askar Wataniah di samping peruntukan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan sepanjang tempoh menjadi kadet selama tiga tahun tidak dipersiakan apabila masing-masing terus aktif dan menyumbang khidmat kepada negara.

Baginda juga turut mengingatkan agar para majikan akan mendapat manfaat daripada sikap graduan yang memiliki mutu disiplin dan keyakinan dalam menyampaikan serta melaksanakan sesuatu tugas dengan

aura kepimpinan yang tinggi jika mereka memiliki seorang Pegawai Tauliah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Angkatan Tentera Malaysia sebagai salah seorang warga kerja dalam organisasi mereka.

Turut mengiringi baginda ialah Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Prof Kol (K) Ir Ts R Badlishah Ahmad merangkap Komandan PALAPES UniMAP, Mej Muhammad Fadzil Repin (Universiti Putra Malaysia) dan Kapt Mohd Azam Muhammad Akhir (Universiti Malaysia Pahang).

Sepanjang lawatan, delegasi dirungi oleh Penasihat Pertahanan Malaysia di Bangkok, Brig Jen Baharuddin Ahmad. - **Rej 504 AW, Gambar: Pejabat DYT Muda Perlis**



Mantan PAT Bersama Kariah Masjid Tengku Ampuan Lawat 9 RAMD Para



Oleh: Lt Mohd Ikram Hakim Mohd Fisol
Gambar: Sel Risik 9 RAMD (Para)

MELAKA: Batalion Ke-9 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) telah menerima lawatan dari Mantan Panglima Angkatan Tentera, Jen (B) Tan Sri Dato Sri (Dr.) Hj Zulkifeli

Mohd Zain bersama 37 orang Kariah Masjid Tengku Ampuan, Bukit Jelutong, Shah Alam pada 30 Jan 2020.

Tujuan lawatan adalah memberi pendedahan berkenaan rutin, tugas dan peranan sebagai anggota tentera khasnya warga batalion paracut di bawah ketumbukan 10 Bgd (Para) selain daripada merapatkan hubungan di antara masyarakat awam dan tentera.

Ketibaan rombongan di Balai Pengawal 9 RAMD (Para) telah dipertontonkan dengan perbarisan menyuraikan pengawal diikuti taklimat di Dewan Makan Pasukan.

Dalam kesempatan ini, rombongan telah berpeluang menyaksikan Penganugerahan Beret Merun dan Sayap Penerjunan Kehormat kepada

Commander In Chief Royal Thai Army di Parawood, 8 RRD (Para).

Kemuncak acara iaitu Majlis makan malam telah diajak di *Army Officer's Recreational Club* (AORC).

Turut hadir Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki, Ketua Staf Am dan pegawai-pegawai Staf daripada MK 10 Bgd (Para).

1 RAD Para Laksana Program Jiwa Murni

MELAKA: Seramai 15 pegawai dan 120 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) bersama penduduk Kg Sri Jeram, terlibat dalam Program Jiwa Murni sempena Hari 1 RAD (Para) di Kampung Sri Jeram, Masjid Tanah pada 7 Feb 2020.

Program yang dilaksanakan ini merupakan program tahunan sempena ulang tahun pasukan pada setiap tahun dan objektif program adalah memberi pendedahan kepada anggota tentang kepentingan khidmat sosial serta aktiviti kemasyarakatan di samping dapat mendekatkan lagi golongan tentera bersama masyarakat seiring dengan cogan kata Tentera Bersama Rakyat.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pembersihan kawasan tanah perkuburan, surau dan SK Kg Sri Jeram.

Turut hadir, Pemangku

Pegawai Memerintah 1 RAD (Para), Mej Muhammad Syauqey Mustafa. - **Mej Muhammad Junaidi Moggie Abdullah, Gambar: Sel Risik 1 RAD (Para)**



Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Jiwa Murni

Oleh: Lt Wan Muhamad Luqman

Mohd Shalihuddin

Gambar: Cwg Risik 6 Bgd

KEDAH: Panglima 6 Briged, Brig Jen Dato' Haji Mohd Halim menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Balu dibawah Program Projek Jiwa Murni pada 11 Feb 2020.

Penyerahan kunci tersebut di-berikan kepada Zarina Muhamad, balu kepada Allahyarham Sjn Saad Awang Samsu, bantuan pembinaan rumah ini adalah hasil tenaga kerja dan kepakaran daripada 6 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (6 Skn RAJD) yang berpengkalan di Perlis.

Projek ini adalah salah satu projek yang dilaksanakan oleh 6 Skn RAJD dalam membantu menyediakan fasilitas yang lebih baik buat warga veteran kurang berkemampuan yang tinggal di bahagian utara Malaysia.

Dalam ucapan Panglima 6 Bgd, beliau mengucapkan tahniah kepada penerima bantuan rumah agar dengan bantuan ini dapat memberi sinar kebahagian kepada keluarga veteran ini.

Beliau juga mengutarakan rasa bersyukur kerana Program Jiwa Murni ini bertepatan dengan usaha



Tentera Darat untuk mastikan kebaikan dan kesejahteraan veteran tentera sentiasa terpelihara.

Selain itu, Panglima 6 Bgd mengharapkan agar TD dapat membantu veteran agar hidup dalam keadaan yang lebih selesa dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran warga tentera dan veteran tentera dibawah naungan Pertubuhan Kebajikan Bekas Askar Jurutera Diraja Wilayah Utara yang sering memperjuangkan nasib dan kebaikan veteran-veteran tentera di bahagian utara.

PJM Sempena Sambutan Hari TD Ke-87



SABAH: Penyerahan Program Jiwa Murni (PJM) sempena sambutan Hari Tentera Darat ke-87 telah berlangsung di Padang Kg Batu Putih, Sandakan yang disempurnakan oleh Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abd Razak Hussain kepada wakil Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) N. 42 Sg Sibuga (Jabatan Ketua Menteri), Norizal Husin pada 01 Feb 2020.

Kekuatan anggota PJM seramai seorang pegawai dan 29 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang diketuai oleh Lt Chang Wee Loong dari 5 Skn RAJD.

PJM di Sandakan telah bermula dari 28 Jan hingga 2 Feb 2020 dan antara aktiviti yang telah dilaksanakan seperti baik pulih Surau Nur Iman, Kg Kitagas, baik pulih SK Ulu Dusun, Kg Ulu Dusun, baik pulih Gereja SIB, Kg Ulu Dusun, baik pulih Hentian Bas dan Astaka, Kg Batu Putih serta gotong royong.

Turut diadakan Sukan Tarik Tali bersama warga Kampung Batu Putih dan acara akhir perlawanan persahabatan Tim Juara Kg Batu Putih menentang Tim Tentera Darat yang diwakili oleh 26 RAMD. - Lt Chang Wee Loong, Gambar oleh: 5 Skn RAJD

Pengerusi BAKAT 10 Bgd Para Lawat BAKAT 17 RAMD Para

Oleh : Lt Muhammad Nur Hakimi Mohd
Falahurradzi

Gambar : Sel Risik 17 RAMD (Para)

MELAKA: Seramai 176 Ahli BAKAT 17 RAMD (Para) terlibat dalam Majlis Lawatan Ulung Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para) ke 17 RAMD (Para) bertempat di Dewan Zainal Rashid pada 1 Feb 2020.

Lawatan Ulung ini merupakan salah satu daripada siri lawatan Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para), Hjh Hafzilah Mokmin ke unit-unit dibawah naungan 10 Bgd (Para) yang bertujuan untuk mengenal dengan lebih rapat ahli-ahli BAKAT pasukan disamping untuk merapatkan hubungan silaturrahim.

Ketibaan Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para) ini disambut oleh isteri-isteri pegawai dan KSM 17 RAMD (Para) yang diketuai oleh Pengerusi BAKAT 17 RAMD (Para), Sariha Abd Hamid.

Lawatan ini diteruskan dengan sesi bual bicara dan dialog bersama Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para), melalui



sesi dialog, Ahli-ahli BAKAT berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat dan berkongsi pandangan mengenai isu-isu semasa BAKAT ketika ini.

Disamping itu, ahli-ahli BAKAT pasukan juga memperkenalkan kehebatan masing-masing melalui persembahan masakan dan demonstrasi pembuatan kek dari Ahli BAKAT Kompeni C iaitu Fatimah Harbi.

Mesyuarat Tahunan BAKAT Gabungan PMTTD



SARAWAK: Seramai 58 Ahli BAKAT Gabungan Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD) hadir dalam Mesyuarat Tahunan BAKAT Gabungan PMTTD Tahun 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Cawangan Kem MK PMTTD pada 7 Feb 2020.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengerusi BAKAT Gabungan, Zuraidah Yusoff.

Pelbagai perkara dibincangkan bagi menjayakan aktiviti yang akan dilaksanakan bagi tahun 2020.-
PR PMTTD

Majlis Tahlil Sempena Pembukaan Aktiviti BAKAT 1 Div

SARAWAK: Serama 70 Ahli BAKAT 1 Div bersama-sama Pengerusi BAKAT 1 Div, Datin Salina Hj Said telah menyempurnakan Solat Sunat Dhuha dan Solat Sunat Hajat bersempena dengan pembukaan aktiviti Bakat 1 Div bagi Tahun 2020 yang diadakan di Kediaman Sang Suria pada 7 Feb 2020.

Selesai Solat Sunat Hajat, majlis diteruskan dengan Bacaan Yassin serta Tahlil ringkas dipimpinan PW II Syamsiah Abdullah.

Majlis diteruskan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Mej (Ust) Md Shahrim Abd Hamid, Pegawai Agama Kem 1 Div.

Sebelum berakhir, Pengerusi BAKAT 1 Divisyen turut menyampaikan ucapan dan amanat kepada Ahli-ahli BAKAT agar terus memberikan komitmen

dan meningkatkan lagi ikatan sillaturahim sesama ahli.

- Mej Muhammad Afifi Azham Mohd, Gambar : Pbt Mohamad Nawawi Mujtabar



Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil BAKAT 8 Bgd

Oleh: Sjn Surjarna Othman

KELANTAN: Seramai 145 Ahli BAKAT bawah unit 8 Bgd terlibat dalam Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil BAKAT yang disempurnakan oleh Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Datin Hjh Rosilawati Ahmad Tajri bertempat di Masjid An-Nur pada 17 Jan 2020.

Pasukan 8 Komp KPD menganjurkan majlis ini yang dimulakan dengan Solat Dhuha, Solat Taubat, Solat Hajat dan bacaan Yaasin dan Tahlil diuruskan oleh Ustazah-ustazah Pasukan.

Datin Hjh Rosilawati Ahmad Tajri berharap majlis seumpama ini bukan sahaja dapat mengukuhkan ukhuwah sesama ahli BAKAT tetapi juga membentuk kesatuan yang terjalin di dalam organisasi BAKAT bawah naungan 8 Bgd.



Akhir majlis Pengerusi BAKAT 8 bpd bergambar bersama ahli BAKAT yang lain.

Lawatan Pengerusi BAKAT 4 Div Ke BAKAT 2 Bgd



PERAK: Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 4 Div, Datin Hanim Jeraai melaksanakan Lawatan Ulung ke BAKAT 2 Bgd di Dewan Komatra MK 2 Bgd pada 13 Jan 2020.

Ketibaan beliau disambut oleh pengerusi BAKAT 2

Bgd, Juana Md Ibrahim dan pegerusi BAKAT Gabungan 2 Bgd, Zalina Sulaiman.

Lawatan adalah sempena Pertukaran Saluran Pemerintahan 2 Bgd Infantri dari naungan 2 Div kepada 4 Div dan merupakan lawatan pertama Pengerusi BAKAT 4 Div kepada BAKAT 2 Bgd, lawatan ini diadakan bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan ahli BAKAT.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah Pameran kraftangan dan persembahan tarian dari ahli BAKAT pasukan bawah naungan 2 Bgd.

Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderahati serta Menandatangani Buku Lawatan. - **Kpl Norsalina Johari**

Mesyuarat Agung BAKAT Gabungan PMBTD

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Agung BAKAT Gabungan Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) telah dirasmikan oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman di Wisma Perwira MK PMBTD pada 7 Feb 2020.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan Laporan Kewangan BAKAT Gabungan PMBTD dan aktiviti tahunan bagi tahun 2019 untuk setiap pasukan, memilih dan melantik Ahli Jawatankuasa yang baru serta membincangkan aktiviti-aktiviti yang dirancang bagi tahun 2020.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengerusi BAKAT Gabungan PMBTD, Datin Hajah Ruziah Hj Seman, pembentangan Laporan Kewangan, perlantikan AJK BAKAT dan Perancangan Aktiviti Tahunan Tahun 2020.

Turut hadir, Kol Tadbir MK PMBTD selaku

Penasihat BAKAT Kem MK PMBTD, Kol Hashim Osman serta pengerusi dan pegawai penasihat BAKAT setiap pasukan dibawah naungan PMBTD. - **Kpl Norirawati Abdul Wahab**



Majlis Pembukaan BAKAT 30 Bgd

Oleh : Lt Joy Beh Siau Fang

Gambar : Pbt Berahimi Baco

PERLIS: Seramai 45 Ahli BAKAT 30 Briged bersama Pengerusi BAKAT 30 Bgd, Hasliza Abdul Wahab telah menyempurnakan pembukaan aktiviti BAKAT 30 Bgd bagi Tahun 2020 yang diadakan di Surau Al Kawkaba, Kem Bukit Cowder pada 7 Feb 2020.

Majlis kemudian diteruskan dengan Bacaan Surah Yassin serta Tahlil ringkas pimpinan SSJn Nawadhir Abdul Rahman lalu diteruskan dengan bimbingan Solat Sunat Tasbih, Solat Tahajud, Solat Taubat, Solat Witir serta Solat Jamak dan Qasar.

Acara diakhiri dengan ucapan daripada Pengerusi BAKAT 30 Bgd yang menyampaikan amanat kepada Ahli-ahli BAKAT agar terus memberi komitmen dalam aktiviti BAKAT 30 Bgd dan sentiasa



mengekalkan hubungan sillaturahim yang erat sesama ahli.

Majlis Pembukaan BAKAT 4 Bgd Mek

PAHANG: Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 4 Bgd (Mek) telah mengadakan Majlis Pembukaan BAKAT 4 Bgd (Mek) bagi tahun 2020 di Rumah BAKAT Sg Panching pada 8 Feb 2020.

Majlis Pembukaan tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi BAKAT, Nur Fitra Mohamed Alias serta dihadiri oleh semua Pengerusi dan Ahli-ahli BAKAT di bawah naungan 4 Bgd (Mek).

Acara dimulakan dengan Majlis Tahlil dan disusuli dengan Majlis Cukur Jambul melibatkan dua orang bayi, anak kepada pegawai dari MK 4 Bgd (Mek) dan anggota 4 SSB (Mek) selain turut diadakan ialah tutorial melukis

inai dan melipat origami.

Pengerusi BAKAT dalam ucapannya telah menyeru kepada semua Ahli BAKAT agar memberi kerjasama dan menyokong aktiviti BAKAT demi untuk mencapai objektif sebenar kewujudan BAKAT.

Beliau menegaskan bahawa aktiviti BAKAT adalah satu elemen yang penting dalam menyokong kerjaya suami, suasana harmoni dan pemikiran positif hendaklah sentiasa diterapkan dalam sanubari setiap ahli BAKAT.

Majlis diteruskan dengan Pertandingan Futsal dan Bola Jaring bertempat di Gelanggang Futsal 4 Bgd (Mek) yang disertai oleh Ahli BAKAT daripada pasukan dibawah



naungan 4 Bgd (Mek) dan turut dihadiri Panglima 4 Bgd (Mek) Brig Jen Zaidan Atan.

Johan Pertandingan Futsal dimenangi oleh Tim BAKAT 4 Komp Angkut KPD (Mek) dan Johan Pertandingan Bola Jaring pula dimenangi oleh Tim BAKAT 1 KAD.

Mengambil kesempatan dari Majlis Pembukaan BAKAT tersebut, Panglima 4 Bgd (Mek) bersama Pengerusi BAKAT 4 Bgd (Mek) serta Ahli BAKAT yang lain telah membuat Lawatan Kebajikan ke rumah Ahli BAKAT dan anak yang sakit.

Sumbangan ikhlas telah disampaikan oleh Pengerusi BAKAT 4 Bgd (Mek) kepada ahli BAKAT dan anak di setiap rumah yang dilawati.

Turut hadir KS Tad/Log Lt Kol Anwar Jafrizal Hj Ahmad, Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan di bawah naungan. - **Sel Risik 4 Bgd (Mek)**

Apa Itu COVID-19?

Dunia kini diancam satu virus baharu yang mana virus ini telah membunuh ribuan nyawa di seluruh dunia. Sehingga kini pakar-pakar saintis sedang berusaha untuk menghasilkan vaksin bagi mencegah penularan virus ini. Virus ini dinamakan COVID-19 atau juga dikenali sebagai sebagai Pandemik Coronavirus 2019 iaitu wabak penyakit yang berterusan secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk Coronavirus 2 (SARS-CoV-2).

Wabak ini pada mulanya dikesan di pertengahan Dis 2019 di Bandaraya Wuhan, Hubei China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga kini, kes COVID-19 telah melibatkan sekurang-kurangnya 180 negara dan wilayah, menyebabkan ribuan kematian dan jutaan manusia dijangkiti sehingga pada 13 Mac 2020 WHO mengumumkan bahawa Eropah telah menjadi pusat baharu pandemik.


Pada Dis 2019, satu kumpulan kes pertama yang menunjukkan tanda-tanda pneumonia atas sebab yang tidak diketahui dikaitkan dengan pasar borong yang menjual haiwan dan makanan laut serta mempunyai seribu gerai menjual ayam, daging, kelawar, ular berbisa

dan binatang liar lain yang merupakan sumber permulaan dari virus tersebut. Koronavirus terutamanya menular di kalangan haiwan, tetapi telah diketahui berkembang dan menjangkiti manusia pada masa lalu seperti yang telah diketahui dengan penyakit hampir serupa seperti SARS dan MERS.

Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Ia dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berkisar antara dua hingga empat belas hari.

Tanda-tanda gejala termasuk demam, batuk dan sesak nafas. Komplikasi mungkin termasuk radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan akut. Pada masa ini tiada vaksin atau rawatan antiviral tertentu. Usaha terdiri daripada pengurangan simptom dan terapi sokongan. Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan termasuk membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, mengekalkan jarak dari orang lain terutamanya mereka yang tidak sihat dan pemantauan dan pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang mengesyaki mereka dijangkiti.





COVID-19 tidak mempunyai rawatan ubat atau vaksin yang berkesan, walaupun usaha untuk membangunkan beberapa daripadanya sedang dijalankan. Meskipun tidak ada rawatan khusus untuk Coronavirus manusia, terdapat beberapa cara untuk mengelak dari dijangkiti atau menjangkiti orang lain.

Membasuh tangan telah disyorkan untuk mencegah penyebaran virus COVID-19. Kementerian Kesihatan Malaysia turut mengesyorkan bahawa individu perlu mencuci tangan dengan sabun dan air selama sekurang-kurangnya 20 saat, terutamanya selepas pergi ke tandas atau ketika tangan kelihatan kotor, sebelum makan dan selepas batuk atau bersin. Selain itu disyorkan menggunakan sanitiser tangan berasaskan alkohol dengan alkohol sekurang-kurangnya 60%. WHO juga menasihati individu agar tidak menyentuh mata, hidung, atau mulut dengan tangan yang masih tidak dibasuh.

Mereka yang mengesyaki bahawa mereka telah dijangkiti harus memakai topeng terutama apabila di khalayak ramai dan perlu mendapat rawatan dengan segera. Selain itu topeng muka boleh memberi manfaat kesihatan awam dalam mengurangkan risiko penularan oleh mereka yang tidak dijangkiti. Jika topeng tidak tersedia, sesiapa yang mengalami gejala pernafasan harus menutupi batuk atau bersin dengan tisu, segera buangnya di bakul sampah dan basuh tangan selepas itu. Sekiranya tisu tidak tersedia, individu boleh menutup mulut atau hidung dengan siku yang tertekuk.

Pengasingan sendiri di rumah telah disyorkan untuk mereka yang didiagnosis dengan COVID-19 dan mereka yang mengesyaki mereka telah dijangkiti. KKM telah mengeluarkan arahan pengasingan diri termasuk

pemberitahuan penyedia penjagaan kesihatan melalui telefon dan menyekat semua aktiviti di luar rumah kecuali untuk mendapatkan rawatan perubatan. Mereka yang baharu-baharu ini mengembara ke negara yang mempunyai transmisi yang meluas atau yang mempunyai hubungan langsung dengan seseorang yang didiagnosis dengan COVID-19 juga telah diminta oleh beberapa agensi kesihatan kerajaan untuk melakukan kuarantin diri sendiri atau menjalankan amalan sosial selama 14 hari dari kebarangkalian pendedahan terakhir.

Penjarakkan sosial termasuk tindakan jangkitan bertujuan untuk melewatkkan penyebaran penyakit dengan meminimumkan hubungan dekat antara individu. Kaedah ini termasuk kuarantin, sekatan perjalanan, penutupan sekolah, penutupan tempat kerja, stadium, panggung wayang dan pusat membeli-belah. Individu juga boleh menggunakan kaedah menjauhi sosial dengan mengehadkan perjalanan, mengelakkan kawasan yang sesak dan secara fizikal menjauhkan diri dari individu yang sakit. Orang dewasa yang lebih tua dan mereka yang mempunyai penyakit kronik yang serius mudah mendapat risiko penyakit dari COVID-19 yang boleh menyebabkan kematian.

Pandemik ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global, penangguhan dan pembatalan acara kebudayaan, keagamaan dan kesukanan serta ketakutan yang meluas dikalangan masyarakat yang mana telah mendorong kepada pembelian panik apabila sesebuah negara itu mengeluarkan arahan kawalan pergerakan. Teori maklumat palsu dan teori konspirasi mengenai virus ini telah tersebar secara dalam talian dan terdapat insiden xenofobia dan perkauman terhadap orang Cina dan orang Timur atau Asia Tenggara lain.

Langkah Pengcegahan Jangkitan



Kenali Gejala:



Demam



Batuk



Sesak nafas


Dapatkan bantuan perubatan sekiranya

- Mengalami gejala di atas
- Berhubung rapat dengan pesakit positif
- Pernah pergi ke negara yang mengalami wabak



Hubungi CPRC Kebangsaan/Negeri/Klinik Maya untuk tindakan lanjut

Pencegahan



Kerap cuci tangan dengan sabun sekurang-kurangnya 20 saat setiap basuhan



Duduk di rumah sekiranya anda sakit



Elak menyentuh mata, hidung & mulut dengan tangan yang tidak dicuci



Tutup mulut dengan tisu ketika batuk/bersin,buangkan tisu tersebut ke dalam tong sampah



Cuci tangan terutamanya selepas batuk/bersin, sebelum dan selepas ke tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan.

Jangan terlambat untuk mendapatkan rawatan!

Forum Perdana Sempena HUT PULADA Ke-48

Oleh: Mej Nor Shafiza Zakaria

JOHOR: Seramai 500 warga Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) terdiri datipada staf, Jurulatih, PEKAWAM dan Ahli BAKAT menghadiri Forum Perdana Sempena Hari Ulang Tahun (HUT) PULADA Ke-48 di Masjid Al Mujahadah pada 8 Jan 2020.

Forum Perdana bertajuk Ilmu Membina Keyakinan disampaikan oleh ahli panel yang terdiri daripada Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Mej Jen Dato' Hj Kamarudin Hj Mamat dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Tuan Hj Mohd Taufik Dato' Hj A Shamsudin.

Di akhir majlis Komandan PULADA, Kol Isa Daud telah menyampaikan cenderahati kepada kedua-dua ahli panel sejurus selepas forum tamat.



Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Qiamullail

MELAKA: 10 Bgd (Para) telah melaksanakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Qiamulallail Peringkat 10 Bgd (Para) Tahun 2020 bertempat di Masjid As-Syuhada', Kem Terendak pada 9 dan 10 Jan 2020.

Majlis yang telah dianjurkan oleh 1 RAD (Para) ini bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui amalan-amalan sunat yang dituntut dalam Islam, selain ianya bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dikalangan warga 10 Bgd (Para).

Acara dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah diikuti dengan Bacaan Yasin dan Tahlil, seterusnya pada keesokan hari majlis diteruskan dengan Qiamullail, Bacaan Al-Mathurat dan laungan Asma ul-Husna.

Seramai 1300 orang anggota yang terlibat termasuk Ahli BAKAT.

Turut hadir, Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki, KS Am 10 Bgd (Para) dan isteri, Lt Kol Din Izuan Mahar Afandi dan isteri, Pegawai Memerintah dan Pemerintah Pasukan bersama isteri.



Kursus Pengurusan Jenazah 2 KAD



NEGERI SEMBILAN: Seramai 47 anggota PTTK 2 KAD terlibat dalam Kursus Pengurusan Jenazah Peringkat Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) anjuran Sel Agama Rejimen Kedua Kor Armor Diraja (2 KAD) bertempat di Surau Al- Hidayah pada 22 Januari 2020.


Program ini yang bertujuan memberikan pendedahan berkaitan ilmu fardhu kifayah dalam pengurusan jenazah selain berupaya mendatangkan rasa keinsafan kepada peserta program agar sentiasa mengingati kematian.

Program meliputi penerangan teori dan latihan praktikal bermula daripada pengurusan jenazah di awal kematian, memandikan jenazah, mengkafarkan jenazah, cara solat jenazah dan mengebumikan jenazah. - **Sel Risik 2 KAD**



Berikhtiarlah Dalam Mengelakkan
Kesihatan Diri

Oleh: Mej (Ust) Mohamad Azahari Ali



Islam sebagai agama yang rahmah menuntut agar umatnya memelihara kesihatan dan menghindari penyakit. Syariat Islam diturunkan untuk memelihara agama, nyawa, takal, harta dan keturunan. Dalam aspek memelihara nyawa, Islam amat menitikberatkan umatnya agar menjaga nikmat kesihatan tubuh badan yang dikurniakan oleh Allah SWT. Ia merupakan suatu amanah daripada Allah SWT kepada hamba-hambaNya. Tujuannya ialah agar kualiti ibadah kita kepada Allah SWT berada pada tahap yang terbaik.

Justeru, Islam menganjurkan umatnya agar menjauhi perkara yang membinaaskan diri. Allah SWT tidak akan sekali-kali menimpakkan musibah melainkan disebabkan perbuatan manusia yang suka melakukan kerosakan. Firman Allah SWT menerusi surah Hud, ayat 117 yang bermaksud

: "Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinaaskan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri."

Pada hari ini, ramai yang mengeluh dengan pelbagai penyakit yang dihidapi dan tahap kesihatan semakin menurun sehingga mengganggu pelaksanaan ibadah serta aktiviti sehari-hari tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Kerana itulah, Islam menganjurkan agar umatnya menjalani kehidupan yang baik melalui pengamalan gaya hidup sihat seperti bersukan, beriadah, mengambil makanan yang berkhasiat dan seimbang serta penjagaan kebersihan diri dan persekitaran.

Islam juga menganjurkan umatnya agar berikhtiar mendapatkan rawatan apabila ditimpa penyakit. Imam Muslim r.a, telah meriwayatkan hadith daripada Jabir bin Abdillah bahawa Nabi SAW telah bersabda yang bermaksud: "Setiap penyakit itu ada penawarnya. Maka apabila sesuatu ubat itu sesuai dengan penyakit, sembuhlah ia dengan izin Allah 'azza wa jalla."

Menurut Imam al-Nawawi r.a, hadith ini mengandungi isyarat bahawa sunat bagi seseorang itu mencari ubat yang bersesuaian bagi merawat penyakitnya. Ini kerana penyakit tidak akan sembah selagi ubat dan cara rawatannya tidak bersesuaian. Perkara ini secara tidak langsung merupakan suatu tuntutan kepada umat Islam untuk sentiasa membangunkan kajian dan penyelidikan dalam bidang perubatan.

Mutakhir ini, seiring dengan kepesatan dunia teknologi dan perubahan gaya hidup manusia, kita digemparkan dengan berita penularan berbagai jenis penyakit berjangkit seperti Corona Virus, Selsema Burung, SARS dan lain-lainnya. Ini sangat membimbangkan, apatah lagi ianya mendatangkan kemudaratan yang sangat dahsyat sehingga membawa kepada kematian sekiranya tidak mengambil langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit tersebut.

Dalam hal ini, Islam sebagai agama rahmah telah memperkenalkan konsep pencegahan penyakit. Imam al-Bukhari r.h telah meriwayatkan hadith daripada Sa'ad bin Abi Waqqas RA, bahawa Nabi SAW telah bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang memakan tujuh biji tamar 'Ajwah di waktu pagi, nescaya dengan demikian, dia tidak akan dimudaratkan pada hari itu oleh racun dan sihir"

KEAGAMAAN/KEROHANIAN

Hadith tersebut mengandungi prinsip penting dalam pencegahan penyakit yang kita kenali pada hari ini sebagai imunisasi. Dalam menghadapi berbagai jenis penyakit khususnya penyakit berjangkit seperti corona virus atau covid 19, perkembangan teknologi dalam perubatan moden ada kalanya tidak mampu untuk menghindari penyakit-penyakit tersebut. Penjagaan kesihatan dan kebersihan yang lebih baik akan mengurangkan penyebaran penyakit, namun masih belum mencukupi untuk mengelakkan sesuatu penyakit.

Di antara ajaran Nabi s.a.w apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit adalah pencegahan. Adalah menjadi tanggungjawab agama setiap individu dan masyarakat untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan mengelakkan diri dari tempat-tempat awam, termasuk masjid, agar orang yang sihat tidak dijangkiti. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يُورَدْنَ مُفْرَضٌ عَلَى مُصْحَّ

Yang bermaksud: "Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat." (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Nabi s.a.w juga telah memerintahkan mereka yang berada di tempat wabak untuk tidak keluar dari kawasannya. Mereka yang sihat pula diperintahkan untuk tidak memasuki tempat yang terkena wabak:

لَا تَمْرِدْنَ بِأَنْتَ هُنَّا مُؤْمِنُونَ وَلَا يَرْجِعُنَّ إِلَيْنَا مُؤْمِنُونَ

Yang bermaksud: "Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya." (Hadis riwayat Imam Muslim).

Nabi s.a.w juga pernah didatangi oleh sekumpulan orang dari Bani Thaqif untuk berbai'ah, dan salah seorang daripada mereka menghidapi sejenis penyakit yang berjangkit. Nabi s.a.w mengutus kepadanya dan tidak bersentuhan dengan dia, seraya berkata: "Sesungguhnya kami telah menerima ba'iah kamu, maka pulanglah." (Hadis riwayat Imam Muslim).

Islam sangat menitikberatkan keselamatan manusia berhadapan dengan situasi yang menjelas kehidupan serta mengancam nyawanya. Agama telah menetapkan beberapa panduan khusus dalam menghadapi keadaan darurat seperti situasi penularan wabak. Situasi darurat ini membenarkan individu, mahupun masyarakat, untuk mengambil langkah-langkah yang tertentu sepertimana yang dijelaskan dalam kaedah fiqh yang berbunyi:

الضرورة تبيح المحظورات

Yang bermaksud: "Pada keadaan darurat, dibenarkan untuk melaksanakan perbuatan yang dilarang."

Apabila terdapat pertembungan antara maslahah (kemaslahatan) dan mafsadah (kemudarat), maka menolak sesuatu kemudarat itu diutamakan. Kerana sesuatu kemudarat sekiranya tidak dibendung, ia akan memberi kesan yang berpanjangan berbanding meninggalkan suatu kemaslahatan. Bertepatan dengan hadis Nabi s.a.w agar kita menjauhi dari sebarang bentuk kemudarat atau memudaratkan orang lain dalam sabdanya:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ

Yang bermaksud: "Tidak boleh mudarat dan tidak boleh memudaratkan." (Hadis riwayat Ibn Majah).

Agama juga memberi ruang kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap urusan masyarakat dan negara untuk mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menjaga kemaslahatan individu ataupun masyarakat awam. Nasihat atau arahan yang dikeluarkan oleh pakar kesihatan hendaklah diikuti dalam usaha memelihara kemaslahatan bersama, sepertimana yang dijelaskan dalam agama:

تَصْرِيفُ الْإِمَامِ عَلَى الرُّوعِيَّةِ مُلْطُطُ بِالْمُصلَحَةِ

Yang bermaksud: "Tindakan seorang ketua ke atas rakyat, berdasarkan kepada kemaslahatan."

Mengamalkan langkah-langkah pencegahan dari dijangkiti penyakit berjangkit merupakan suatu perkara penting dalam usaha memenuhi tuntutan agama untuk menjaga dan memelihara nyawa. Pemeliharaan nyawa adalah salah satu dasar utama yang menjadi keutamaan syarak. Dari itu, syarak menitikberatkan bahawa setiap individu yang sakit perlu berusaha mencari rawatan, bersandarkan kepada kaedah *Sadd al-Zarā'i*.

Nabi s.a.w turut memerintahkan agar mereka yang sihat pula untuk tidak berhubungan dengan individu yang menghidapi penyakit berjangkit. Ini dijadikan asas oleh para ulama untuk merumuskan bahawa mencegah diri dari dijangkiti sesuatu penyakit adalah lebih diutamakan berbanding merawat diri daripada sesuatu penyakit.

Mencegah sememangnya lebih baik daripada merawat. Apabila penyakit dapat dicegah, kehidupan manusia akan menjadi lebih baik dan sempurna. Sementara itu juga, ada penyakit yang lebih besar kesannya kepada manusia, iaitulah "Penyakit Hati". Penyakit yang boleh merosakkan iman dan amal soleh, seperti riyak, dengki, sompong dan sebagainya. Semoga kita semua dapat membentuk peribadi unggul sebagai mukmin yang sebenar.

Kesimpulan yang dapat saya gariskan adalah:

Pertama: Kita sebagai umat Islam bertanggungjawab penuh menjaga kesihatan tubuh dan akal dari perkara yang mendatangkan kemudarat sebagai tanda syukur terhadap amanah pemberian Allah SWT ini.

Kedua: Islam menganjurkan umatnya agar berikhtiar mencari penawar dan ubat-ubatan ketika ditimpa ujian penyakit.

Ketiga: Kita hendaklah mengambil imunisasi untuk mencegah penyakit daripada menimpa diri atau menular dalam kalangan masyarakat.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 83 hingga 84 melalui terjemahannya: "Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhaninya dengan berkata:

"Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani."

Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kepadanya; keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai suatu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik)."

Kejohanan SMD Peringkat 21 GGK



MELAKA: 21 Skuadron Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) telah menganjurkan Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Peringkat 21 Gerup Gerak Khas (GGK) Tahun 2020 dan Majlis Penutup disempurnakan oleh Ketua Staf Am

Markas 21 GGK, Brig Jen Datuk Jamaluddin Jambi bertempat di Hangar Tinju PULPAK bermula pada 24 hingga 27 Feb 2020.

Kejohanan yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru sebagai pelapis 21 GGK di dalam sukan Seni Mempertahankan Diri yang akan dianjurkan kelak di peringkat Tentera Darat.

Peserta Berpotensi Kejohanan diberikan kepada Tpr Ikhmal Shafiq Ahmad Fazil dari 11 Rejimen Gerak Khas, manakala Peserta Terbaik Kejohanan ialah Kpl Norhafisurizal Mohamad dari 11 Rejimen Gerak Khas.

Johan Keseluruhan kejohanan diungguli oleh 11 Rejimen Gerak Khas dan menerima piala pusingan serta wang tunai sebanyak RM 500. - **Kapt Muhammad Syahir Azhar, Gambar: Sjn Hamzan Hamzah**

Pertandingan Tinju Peringkat 4 Bgd Mek



PAHANG: Pembukaan Pertandingan Tinju Peringkat 4 Bgd (Mek) Tahun 2020 telah diadakan di Garaj KJA 1 KAD, Kem Batu 10 serta dianjurkan oleh 12 RAMD (Mek) pada 3 Feb 2020.

Majlis perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan Atan dan dalam ucapan beliau menyatakan bahawa pertandingan

tinju ini dilaksanakan atas dasar untuk membentuk imej ketenteraan yang gagah dan berketrampilan melalui peningkatan tahap kecerdasan fizikal, ketahanan mental serta melahirkan anggota yang bersemangat kental dan memiliki profil penampilan sebagai seorang warga tentera.

Acara pembukaan dimulakan dengan gimik persembahan daripada Kelab Muay Thai Kuantan yang merupakan wakil atlet Negara Malaysia.

Pertandingan tinju ini bakal menyaksikan persaingan sengit di antara pasukan-pasukan di bawah naungan 4 Bgd (Mek) bagi merebut gelaran juara yang bakal dinobatkan ketika acara penutup pada 7 Feb 2020.

Sebanyak tujuh Kategori Terbuka dipertandingkan iaitu Fly, Bantam, Light, Light Welter, Welter, Middle dan Light Heavy melibatkan seramai 18 pegawai dan 46 anggota LLP menyertai pertandingan ini.

Turut hadir, Ketua Staf Tad/Log MK 4 Bgd (Mek) Lt Kol Anwar Jafrizal Haji Ahmad. - **Sel Risik MK 4 Bgd (Mek)**

3 RRD Juara Bola Sepak 9 Bgd

SARAWAK: Batalion Ketiga Rejimen Renjer Diraja (3 RRD) muncul juara kejohanan bola sepak Peringkat 9 Bgd 2020 yang berlangsung selama empat hari bermula 10 hingga 13 Feb 2020 di Padang Bola Kem 9 Bgd, Kem RASCOM.

Kejayaan dicapai selepas 3 RRD menumpaskan 9 Wksp Bgd dengan jaringan 3 berbalas 1 pada perlawanan akhir sekaligus membawa pulang hadiah hamper dan piala pusingan.

Hadiyah disampaikan oleh Panglima 9 Bgd yang hadir merasmikan majlis penutup kejohanan tersebut yang mana pertandingan menggunakan format liga dan disertai oleh sembilan pasukan dibawah naungan 9 Bgd.

Pertandingan ini juga diadakan bagi mencari pemain-pemain yang berbakat untuk mewakili pasukan bola sepak 9 Bgd di kejohanan bola sepak peringkat lebih tinggi nanti.

Turut hadir Lt Kol Mohd Aklif Hj Abd Rajak, Ketua Staf MK 9 Bgd dan Pegawai Memerintah serta Pemerintah 9 Bgd. - **Sjn Donyy, Gambar: Pbt Nazirul Abdullah**



Rhino Fun Run Uji Fizikal dan Mental Warga 3 Div

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak
Gambar: 3 Div

MELAKA: Seramai 1,000 orang warga 3 Div termasuk dari 10 Bgd Para dan 12 Skn RAJD PNBK, telah mengambil bahagian di dalam acara *Fun Run* yang julung kali diadakan pada 4 Jan 2020.

Program Larian sejauh 15km ini merupakan acara penutup kepada Sambutan Hari Ulangtahan (HUT) 3 Div Ke 43 yang disambut pada 1 Nov 2019, program ini menjadi pembuka acara kepada 3 Div bagi tahun 2020.

Ia juga menjadi penanda aras kepada kemampuan fizikal dan ketahanan mental warga 3 Div. Di samping itu ia turut dijadikan fokus ke arah membangunkan keterampilan dan profil warga 3 Div yang profesional

serta digeruni seiring slogan *Second to None and Beat the Rest.*

Larian yang bermula di padang Pavilion Kem Terendak, sejauh 15km untuk lelaki dan 10km untuk wanita, meliputi sekitar kawasan Kem Terendak dan Tanjung Bidara.

Tempat pertama bagi Kategori Lelaki Junior dimenangi oleh LKpl Mohd Fadhil Md Aris dari 73 Wksp Div, Kategori Lelaki Senior dimenangi oleh Sjn Mohd Safuan Sanusi dari 12 RAJD PNBK dan Kategori Veteran dimenangi oleh PW 2 Muhammad Gaddafi Osman dari Kem 10 Bgd Para.

Manakala bagi Kategori Wanita Junior dimenangi oleh Sjn Rujaya Simin dari 73 BOD dan Kategori Wanita Senior



pula dimenangi oleh SSjn Jubaiddah Dominic dari Mk 3 Div.

Selain itu, turut mencuri perhatian di dalam program ini ialah adik Mohamad Firas Amri yang turut berlari di samping ibunya, LKpl Nik Ishazalwati Ismail dari pasukan 73 BOD.

Turut sama mengambil bahagian ialah Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, Komander Artilleri Divisyen 3 Div, Brig Jen Noor Sazali Puteh, Ketua Staf Mk 3 Div, Kol Abdul Karim Ahmad dan Pegawai-Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan 3 Div.

Perlawayan Bola Sepak Wisma Perwira PULADA

JOHOR: Wisma Perwira Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) telah menganjurkan Perlawayan Bola Sepak antara Lt Kol/Mej menentang Kapt/Lt bertempat di Padang Bola Sepak, Kem Ulu Tiram pada 16 Jan 2020.

Acara ini turut disertai oleh Komandan PULADA, Kol Isa Daud dan diakhiri dengan ucapan dan penyampaian hadiah oleh Komandan kepada pemenang.

Tujuan perlawayan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli Wisma Perwira

PULADA disamping mengamalkan gaya hidup sihat. - Mej Nor Shafiza Zakaria





ISSN 1511-0508

A standard one-dimensional barcode representing the ISSN number 1511-0508. The barcode is black and white, with vertical bars of varying widths.

9 771511 050068